sejarah
SARAWAK

oleh
HAJI BUYONG ADIL

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1981

K.K. 291–1187 0201

Cetakan Kedua disunting oleh:
Abdul Karim bin Abu Bakar
Bahagian Buku Pelajaran

sejarah
SARAWAK

Cetakan Pertama 1974
Cetakan Kedua (Dengan Pembetulan) 1981
© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka

oleh
HAJI BUYONG ADIL

m
959.502
Buy

614112

Dicetak oleh
Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd.,
Kuala Lumpur.
$4.90

KATA ALUAN

Saya sebagai Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, menyatakan sukacita saya kerana Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat menerbitkan sebuah lagi buku dalam Siri Sejarah Nusantara iaitu SEJARAH SARAWAK karangan Tuan Haji Buyong bin Adil.

Saya berharap mudah-mudahan buku Sejarah Sarawak ini mendapat perhatian bukan sahaja dari penduduk negeri Sarawak, tetapi juga dari segenap penduduk Negara Malaysia.

Diharap, dengan terbitnya buku SEJARAH SARAWAK ini, pengetahuan kita mengenai sejarah negeri-negeri dalam Malaysia makin tersingkap dan semakin mendalam lagi.

Dari kata Pendahuluan pengarang buku ini dapatlah pula saya tegaskan bahawa SEJARAH SARAWAK yang dihidangkan dalam buku ini mengandungi peristiwa-peristiwa sejarah di negeri itu dari zaman purbakala hingga sekarang ini, selama lebih kurang 2,500 tahun, iaitu suatu zaman yang lanjut yang telah menerbitkan beberapa peristiwa yang menarik perhatian.

HAJI SUJAK BIN RAHIMAN
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.

7 Mei, 1974.

PENDAHULUAN

Lebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadhrat Allah s.w.t. yang telah memberikan tenaga kepada saya menyusun dan mengarang Sejarah Sarawak yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, dalam Siri Sejarah Nusantara ini.

Dalam kata Pendahuluan ini, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Sujak bin Rahiman, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang sudi memberikan Kata Aluan bagi buku Sejarah Sarawak ini.

Saya berharap semoga buku Sejarah Sarawak ini mendapat perhatian ramai, terutama pelajar-pelajar yang hendak mengetahui Sejarah Sarawak. Sebenarnya, negeri Sarawak yang telah menjadi sebahagian daripada wilayah Malaysia sejak 16 hari bulan September tahun 1963 dahulu, mempunyai sejarahnya yang lanjut dan mengandungi berbagai peristiwa, dan di antara peristiwa sejarah itu ada yang belum diketahui dengan jelasnya oleh penduduk Malaysia. Oleh sebab itu, harapan saya juga, semoga dengan adanya buku Sejarah Sarawak ini, peristiwa sejarah yang telah berlaku di Sarawak itu dapat dikaji dengan lebih mendalam lagi untuk menambah pengetahuan sejarah mengenai negeri Sarawak. Mudah-mudahan pertalian dan hubungan negeri Sarawak dengan negeri lain di Malaysia bertambah kukuh dan erat untuk mencapai kejayaan dan kemakmuran bagi seluruh Negara Malaysia.

Sejarah Sarawak yang dihidangkan dalam buku ini menceritakan perjalanan sejarah Sarawak sejak "Zaman Batu" (Stone Age) hinggalah sekarang ini, iaitu mengandungi sejarah Sarawak mula diduduki oleh orang Cina; bumiputera asli di Sarawak; Orang Melayu mula datang ke Sarawak; Pengeran Mahkota seorang pegawai dari kerajaan Brunei datang membuka bandar Kuching (Sarawak) dan memerintah di situ; pergaduhan di antara orang Melayu yang telah sedia ada di Sarawak yang diketuai oleh Datu Petinggi Ali, dengan orang-orang besar Brunei yang ada di Sarawak diketuai oleh Pengeran Mahkota dan Pengeran Muda Hashim; James Brooke datang ke Sarawak dan bersahabat baik dengan Pengeran Muda Hashim; James Brooke menjadi Raja Sarawak

yang pertama diangkat oleh Pengeran Muda Hashim; Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak kepada James Brooke; James Brooke menentang beberapa orang panglima Sarawak dan bumiputera Sarawak, terutama Orang Iban, yang tidak suka Orang Putih memerintah di Sarawak; pemerintah British mendirikan beberapa buah kota di seluruh Sarawak bagi melawan penentangan bumiputera Sarawak terhadap British; Charles Brooke anak saudara James Brooke menjadi Raja Sarawak yang kedua, dan bumiputera Sarawak terus juga melawan pemerintahan British di Sarawak; Charles Vyner Brooke anak Charles Brooke menjadi Raja Sarawak yang ketiga, dan dialah keluarga Brooke yang akhir menjadi Raja Sarawak; Tentera Jepun datang ke Sarawak; Sarawak dijadikan jajahan Crown Colony British, dan akhirnya Sarawak bersekutu dalam Malaysia.

Dalam buku ini tidak juga ketinggalan disebutkan nama-nama tokoh di Sarawak yang telah menjadi Ketua Negara (Gabenor) dan Ketua Menteri di Sarawak sejak Sarawak bersekutu dalam Malaysia, kerana mereka itulah yang telah bertungkus-lumus memajukan Sarawak sehingga seperti apa yang didapati sekarang ini.

Didoakan semoga negeri Sarawak bertambah maju dan makmur serta mencapai beberapa kejayaan bagi segenap penduduk Malaysia.

HAJI BUYONG BIN ADIL

Kuala Lumpur: 25 April 1974.

KANDUNGAN

		Muka surat
KATA ALUAN		v
PENDAHULUAN		vii
BHG. I	: Sarawak pada zaman dahulu kala.	1
	1. Sarawak pada zaman batu.	1
	2. Sarawak pada masa 600 tahun sebelum Masihi.	2
	3. Sarawak di bawah kuasa kerajaan Hindu Majapahit.	3
BHG. II	: Bumiputera Asli di Sarawak	5
BHG. III	: Pemerintahan di Sarawak sebelum kedatangan James Brooke	9
	1. Sarawak dalam Kurun Masihi ke-15–17.	9
	2. Sharif Sahap memerintah di Sungai Sekrang.	9
	3. Sharif Sahap memerintah di Sadung.	10
	4. Pengeran Mahkota memerintah di Sarawak (Kuching).	10
	5. Datu Petinggi Ali dan pengikutnya memberontak melawan pemerintahan Pengeran Mahkota di Sarawak.	11
	6. Pengeran Yusuf di Brunei bersahabat dengan Sharif Uthman di Marudu.	12
BHG. IV	: James Brooke datang ke Sarawak	13
	1. Pengeran Muda Hashim menolong orang Inggeris yang karam di laut.	13
	2. James Brooke datang ke Sarawak (Kuching) dan bersahabat dengan Pengeran Muda Hashim	13
	3. James Brooke menemui Sharif Sahap di Sadung.	14

BHG. V : James Brooke menjadi Raja Sarawak yang pertama dan hal-ehwal di Sarawak pada masa pemerintahannya: 1840–1868. 17

1. Lingga diperintahkan oleh Sharif Jaafar. 17
2. James Brooke datang lagi ke Sarawak dan menjadi Raja Sarawak yang pertama: 1840–1841. 17
3. James Brooke mengangkat ketua-ketua Melayu di Sarawak (Kuching) memegang jawatan kerajaan. 22
4. James Brooke mengadakan undang-undang dan mahkamah. 22
5. Linggir cuba hendak membunuh James Brooke. 24
6. Sharif Sahap di Sadung. 25
7. Orang Iban Saribas dan Sekrang hendak menyerang musuh mereka di ulu Sungai Sarawak. 26
8. Sharif Sahap menentang pihak British di Sarawak. 26
9. Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak kepada James Brooke. 27
10. James Brooke mula menjalankan dasar pemerintahannya di Sarawak. 28
11. James Brooke dan Kapten Henry Keppel melawan dan hendak menghapuskan perompak laut di Sarawak. 28
12. Pengeran Muda Hashim mengirim surat kepada Kapten Henry Keppel. 29
13. Kapten Henry Keppel menyerang Orang Iban di Sungai Saribas. 30
14. James Brooke mengalahkan Sharif Sahap di Pemutus. 31
15. James Brooke menyerang Orang Iban Sekrang. 34
16. James Brooke mengalahkan Sharif Sahap dan kawan-kawannya. 35
17. British mempengaruhi Sultan Brunei. 36
18. British mengalahkan Sharif Uthman di Marudu; Pengeran Badaruddin mengalahkan

Pengeran Yusuf. 37
19. British mengalahkan Sharif Uthman di Marudu. 39
20. Sharif Mular menyerang Sarawak. 39
21. Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin meninggal dunia. 40
22. British menyerang Brunei. 42
23. British menyerang Haji Saman di Membakut. 46
24. Pulau Labuan terserah kepada kerajaan British. 47
25. James Brooke mendapat penghormatan. 49
26. James Brooke menyerang Orang Iban Sekrang. 50
27. James Brooke menyerang Orang Iban Saribas. 51
28. British menyerang Paku dan Kawasan lain. 55
29. Orang Iban Saribas berdamai dengan James Brooke. 56
30. Kota di Sekrang. 56
31. Charles Brooke datang ke Sarawak 57
32. British menyerang Sungai Lang. 60
33. Rentap berada di Bukit Saduk. 61
34. Sharif Mashhur dan Abdul Ghafur. 61
35. Kekacauan di Mukah. 62
36. British menyerang Sungai Julau. 63
37. Pemberontakan Orang Cina di Sarawak. 64
38. Angkatan yang pertama ke Bukit Saduk. 68
39. Angkatan yang kedua ke Bukit Saduk. 71
40. Charles Fox dan Henry Steele dibunuh di Kanowit. 71
41. Rancangan dan tindakan Sharif Mashhur. 72
42. British menyerang Mukah. 74
43. Angkatan yang ketiga ke Bukit Saduk. 76
44. Angkatan besar ke tempat Orang Kayan. 77
45. Orang Kayan berdamai dengan pihak British. 79
46. Charles Brooke diangkat menjadi bakal Raja Sarawak. 79

BHG. VI : Sarawak dalam pemerintahan Charles Brooke Raja Sarawak yang kedua: 1868–1917. 83

1. Kota-kota pihak British di Sarawak. 83
2. Ngumbang menentang pihak British di Sarawak. 83
3. Charles Brooke menjadi Raja Sarawak yang kedua. 84
4. Lintong ketua Orang Iban di Kanowit menyerang Sibu. 84
5. Charles Brooke melawan Orang Iban Ulu Ai. 84
6. Ibu negeri Sarawak dinamakan Kuching. 85
7. Charles Brooke melawan Orang Iban Ulu Ai (Sambungan). 85
8. Kisah Lang Endang Ketua Orang Iban Sekrang. 86
9. British dan Belanda menghadapi Orang Iban. 86
10. Nanang digelar Orang Kaya Pemancha Dana. 87
11. Charles Brooke menyerang Orang Iban di Kadang. 88
12. Residen Deshon dengan Orang Iban di sempadan Kalimantan. 89
13. Sarawak masuk ke bawah naungan perintah kerajaan British. 89
14. Limbang masuk ke dalam perintah Sarawak. 89
15. Bantin menjadi ketua Orang Iban di ulu Sungai Batang Lupar. 90
16. Ngumbang meruntuhkan rumah Bantin. 90
17. Kisah Munan anak Penghulu Dalam Minggat. 91
18. Perkelahian di antara orang Iban. 93
19. Pasukan Munan menyerang Orang Kenyah. 93
20. Bantin mula memusuhi pihak British di Sarawak. 93
21. Pihak British di Sarawak menyerang pihak Bantin di Sungai Delok. 94

22. Ngumbang membawa pasukan pihak British menyerang ke tempat Bantin. 95
23. Charles Brooke hendak berjumpa Bantin. 95
24. Bantin menyerang Sukong. 96
25. Pasukan Charles Brooke menyerang lagi ke tempat Bantin. 96
26. Charles Brooke dengan ketua-ketua Orang Iban di Simangang (tahun 1898). 97
27. Kerajaan Sarawak mendamaikan orang Iban. 97
28. Munan digelar Penghulu Dalam. 97
29. Orang Murut di Sungai Terusan menentang pihak British di Sarawak. 97
30. Bantin mula membayar cukai pintu. 98
31. Orang Iban di Sermat membunuh Bujal. 98
32. Bantin menyerang Orang Iban di Sermat. 99
33. Charles Brooke menghantar pasukan besar ke tempat Bantin (Angkatan Kolera – tahun 1902). 99
34. Bantin dan Ngumbang menyerang Orang Iban di Sungai Lemanak. 101
35. Pasukan Penghulu Dalam Munan menyerang ke tempat Bantin dan Kana di Sungai Engkari (tahun 1902). 101
36. Pertempuran Bong Kap (tahun 1904). 102
37. Orang Iban berdamai dengan Charles Brooke (tahun 1905). 102
38. Bantin berdamai dengan Penghulu Dalam Munan (1907). 102
39. Bantin dan Ngumbang tidak mahu lagi melawan pihak British di Sarawak (1909). 103
40. Charles Brooke menentang Orang Iban Sungai Balleh. 103
41. Charles Brooke menentang Orang Iban Sungai Gat. 104
42. Charles Brooke balik ke England dan meninggal dunia. 105

BHG. VII . Sarawak dalam pemerintahan Charles Vyner Brooke Raja Sarawak yang ketiga:

1917–1946. 107

1. Vyner Brooke diangkat menjadi Raja Sarawak. 107
2. Pengalaman Vyner Brooke sebelum menjadi Raja Sarawak. 107
3. Vyner Brooke dengan rasmi menaiki takhta kerajaan Sarawak (1918). 108
4. Azam dan usaha Vyner Brooke di masa permulaan menjadi Raja Sarawak. 109
5. Orang Iban di Sungai Gat menentang pemerintah British di Sarawak. 109
6. Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (kali yang pertama, di Simanggang, 1920). 110
7. Raja Vyner Brooke meraikan Putera Mahkota Inggeris di Singapura (tahun 1922). 111
8. Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (kali keduanya di Simanggang, Mac 1924). 111
9. Tugu patung Charles Brooke didirikan di Kuching (1924). 112
10. Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (bagi kali ketiganya, di Kapit, November, 1924). 112
11. Seorang Dayak bernama Jam mengamuk di Sibu (1926). 112
12. Orang Iban diketuai oleh Asun tidak puas hati kepada kerajaan Sarawak kerana harga getah jatuh. 113
13. Vyner Brooke menentang pemuda Iban yang suka memotong kepala orang. 114
14. Datu Petinggi Abang Haji Abdillah. 115
15. Perlembagaan Sarawak dan 100 tahun Keluarga Brooke memerintah di Sarawak. 115
16. Tentera Jepun menduduki Sarawak. 115
17. Jepun kalah dan British datang memerintah Sarawak semula. 116

BHG. VIII : Sarawak menjadi Crown Colony dan kemudiannya bersekutu dalam Malaysia. 117

BAHAGIAN I

Sarawak Pada Zaman Dahulu kala

1. Sarawak Pada Zaman Batu

Istilah *"Zaman Batu"* yang digunakan di sini bererti bahawa manusia pada zaman itu membuat benda-benda dan alat perkakas daripada batu; mereka belum tahu menggunakan logam seperti besi dan lainnya. Tempoh Zaman Batu di Nusantara ini ialah kira-kira 45,000 tahun dahulu (dari sekarang, Kurun Masihi 20).

Berdasarkan bukti yang telah dijumpai di Sarawak, ahli sejarah zaman ini telah mengatakan bahawa pada zaman lebih kurang 45,000 tahun dahulu, telah ada manusia Zaman Batu yakni manusia zaman purba mendiami gua batu di Gua Niah, Gunung Subis yang terletak antara Bintulu dengan Miri di Bahagian Empat, Sarawak.

Bukti yang telah dijumpai di Gua Niah itu ialah beberapa buah benda peninggalan orang zaman dahulu kala. Di antara benda yang telah dijumpai itu ialah tengkorak dan tulang manusia zaman purba, bekas perkuburan, pasu dan mangkuk yang diperbuat daripada tembikar, serta alat perkakas seperti kapak, penukul, pisau diperbuat daripada batu, dan juga lukisan gambar yang diconteng pada tembok gua batu di Niah itu. Di antara kapak dan pisau yang diperbuat daripada batu buatan manusia zaman purba itu, ada pula yang berulukan kayu supaya mudah memegang dan menggunakan alat tersebut.

Daripada benda dan alat perkakas serta bekas tempat kediaman peninggalan orang zaman purba yang telah dijumpai di Gua Niah itu, diketahuilah bahawa manusia Zaman Batu itu serta anak-pinak dan keluarga mereka telah tinggal di gua batu itu. Dalam gua itulah mereka memasak makanan dengan menggunakan api. Abu bekas pembakaran itu tidak pula mereka buangkan jauh dari situ, cuma dibiarkan begitu sahaja dalam gua itu. Begitu juga tulang binatang dan tulang ikan sisa makanan mereka itu ditinggalkan tercampak dalam gua itu juga. Dalam gua itulah juga mereka tidur baring dengan menggunakan alas diperbuat

daripada rumput dan daun kayu. Semua abu bekas pembakaran, tulang binatang dan tulang ikan sisa makanan, serta alas rumput dan daun kayu itu, telah dijumpai di Gua Niah itu. Dalam tanah pada bekas perkuburan manusia zaman purba dalam gua batu itu, telah dijumpai juga alat perkakas dan senjata diperbuat daripada batu yang ditanam bersama dengan mayat mereka. Kononnya mengikut kepercayaan mereka, benda dan senjata itu ialah untuk kegunaan si mati itu. Ada juga dijumpai pasu yang diperbuat daripada tanah di bawah kepala si mati; pasu itu diisi air dan makanan untuk si mati.

Lama-kelamaan, beberapa kurun kemudian daripada itu, dengan beransur-ansur, orang zaman purba itu telah tahu cara bertanam padi dan mendirikan rumah yang diperbuat daripada daun kayu terutama atap bagi tempat tinggal kediaman mereka; pada masa itu mereka tidak lagi tinggal dalam gua batu. Pada masa itu juga mereka telah tahu membuat parang dan perkakas lain serta senjata yang diperbuat daripada besi iaitu besi zaman dahulu.

2. Sarawak Pada Masa 600 Tahun Sebelum Masihi

Selain daripada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Sarawak telah didiami oleh manusia purba pada zaman dahulu kala, didapati juga bukti yang menunjukkan iaitu pada masa 600 tahun sebelum tarikh Masihi, lebih kurang 1,500 tahun dahulu (dari sekarang), telah ada pula manusia lain mendiami bumi Sarawak, iaitu orang Cina.

Di tempat yang bernama Santubong, di kuala Sungai Sarawak, telah dijumpai dalam tanah beberapa keping mata wang Cina zaman dahulu, dan tarikh Cina pada mata wang itu bersamaan dengan Tahun Sebelum Masihi 600.

Semasa pihak Muzium Sarawak menggali tanah di Santubong, telah dijumpai bekas tapak sebuah kampung tempat kediaman dan tempat berdagang orang Cina pada masa kira-kira sepuluh kurun yang lalu. Di situ juga telah dijumpai beberapa buah pasu tembikar buatan orang Cina zaman dahulu. Perkataan "Santubong" itu sendiri ialah bahasa Cina; menurut loghat Kheh ertinya "Babi Hutan Belantara", dan juga bererti "Gunung Babi Hutan" menurut loghat Hokien pula.

Berkenaan dengan pasu tembikar buatan orang Cina zaman dahulu itu, orang Sarawak menyebutnya *"tajau"*, dan tajau buatan Cina itu bermacam pula jenisnya dan masih ada di Sarawak hingga masa ini disimpan oleh Orang Iban terutama puak Bidayu, dan tajau itu dianggap oleh mereka sebagai benda suci dan dihormati. Tajau yang umum di-

ketahui oleh Orang Iban ada empat jenis iaitu: Gasui, Lingka, Benaga dan Risa. Jenis Gasui itulah yang paling tinggi mutunya bagi orang Iban.

Berdasarkan bukti yang telah dijumpai seperti yang telah disebutkan itu, kesimpulannya, nyatalah orang Cina telah mendiami negeri Sarawak sejak 600 tahun sebelum Tarikh Masihi.

3. Sarawak di Bawah Kuasa Kerajaan Hindu Majapahit

Pada masa kerajaan Majapahit di Tanah Jawa berkuasa dan mempunyai jajahan takluk yang luas di Nusantara, terutama dalam Kurun Masihi 14, dipercayai, pada masa itu Sarawak juga berada di bawah kuasa Majapahit, kerana dalam sejarah ada menyebutkan, pada masa itu beberapa buah tempat di bahagian barat Kalimantan (Borneo) takluk ke Majapahit. Dalil yang membuktikan bahawa pada masa itu Sarawak ditakluki oleh Majapahit, tidaklah banyak yang telah diperolehi; sekadarkan telah didapati bahawa orang Iban puak Bidayu di Sarawak itu menyebut nama tuhan mereka dengan perkataan *"Jewata"*, dan perkataan jewata itu nyatalah berasal dari bahasa Hindu-Asli (Sanskrit) yang berbunyi *"dewata"*, dan dipercayai bahasa Hindu-Asli itu telah dibawa ke Sarawak pada masa kerajaan Hindu Majapahit menguasai sebahagian besar wilayah di Nusantara ini.

Selain daripada bukti tersebut, di Santubong juga, telah dijumpai sebuah lembaga gambar manusia terukir pada sebuah batu besar iaitu gambar manusia yang sedang meniarap mendepangkan tangan dan kaki terkangkang sebagai menunjukkan sedang menderita kena siksa. Batu yang ada gambar manusia yang telah dijumpai di Santubong itu dipercayai ialah peninggalan zaman Hindu di Sarawak. Batu itu telah dibawa ke Kuching dan boleh dilihat dalam kawasan Muzium Sarawak di bandar Kuching.

BAHAGIAN II

Bumiputera Asli di Sarawak

Sebelum orang Cina dan Melayu datang mendiami Sarawak, telah ada satu kaum yang tinggal di negeri itu, dan mereka itu bolehlah disebut bumiputera asli di Sarawak.

Bumiputera asli di Sarawak itu ialah orang suku bangsa yang disebut namanya Orang Ukit, Orang Bukitan, Orang Punan dan Orang Dayak. Orang Ukit itu banyak pula pecahan puaknya dan berbagai pula namanya. Semua puak suku bangsa yang disebutkan ini ialah *orang-liar* dan tinggal dalam hutan.

Selain daripada puak orang-liar yang disebutkan itu, bumiputera asli Sarawak yang lainnya ialah orang suku bangsa yang disebut Orang Kayan, Kenyah, Kenawit, Kedayan, Bisaya, Kelabit, Murut, Melanau dan Orang Iban. Di antara semua suku bangsa itu, suku bangsa Orang Iban itulah yang lebih ramai di Sarawak. Orang Melanau, Kedayan dan Bisaya itu ramai yang beragama Islam. Di antara Orang Melanau itu ada pula yang beragama Kristian, dan sebahagian kecil sahaja daripada Orang Melanau itu yang masih *"pagan"* (jahiliyah) tiada mempunyai agama dan masih mengamalkan kepercayaan *"animisme"* yakni percayakan semua benda, termasuk gunung, bukit, busut, pokok kayu, sungai, hutan dan sebagainya, ada ruh dan nyawa masing-masing. Orang Melanau yang masih jahiliyah itu disebut *"Orang Liko"*. Pada masa ini tiga perempat daripada jumlah penduduk negeri Sarawak itu terdiri daripada orang Iban dan Melanau.

Orang Kayan dan Kenyah yang ada di Sarawak itu, berasal dari tempat lain dalam Kepulauan Melayu (Indonesia sekarang) dan mungkin juga mereka datang dari Tanah Bugis, dan pergi ke Sarawak mendiami lembah Batang Kayan, Batang Beram dan Batang Rejang. Orang Kayan dan Kenyah itu suka mencacah badan mereka dengan berbagai rupa gambar. Anak-anak mereka dari kecil lagi cuping telinga mereka dilubangi (ditindik) dan digantung dengan gelang timah atau tembaga yang berat hingga cuping telinga itu lanjut, kadang-kadang

lanjut sampai ke bahu. Orang Kayan dan Kenyah itu tahu mendirikan rumah tempat kediaman mereka serta mempunyai aturan hidup dan adat resam mereka sendiri. Orang Kayan itu pandai menempa besi untuk dijadikan alat perkakas dan senjata, dan besi tempaan Orang Kayan itu memang terkenal di Sarawak. Mereka ini sama ada, laki-laki dan perempuan, begitu bengis kepada musuh mereka.

Orang Melanau itu ramai mendiami kawasan di antara Tanjung Kedorong dengan Kuala Rejang. Ada di antara ahli kajipurba yang mengatakan bahawa Orang Melanau itu ialah pecahan daripada bangsa Kayan. Bahasa dan adat resam Orang Melanau itu hampir serupa dengan bahasa dan adat resam Orang Kayan; tetapi sekarang ini bahasa dan adat resam Orang Melanau itu banyak bercampur dengan bahasa dan adat resam Orang Melayu, kerana mereka telah bergaul dan berkahwin dengan Orang Melayu dan telah beragama Islam.

Orang Melanau mengusahakan pokok mulung sehingga menjadi hasil utama yang diperdagangkan di dalam dan luar negeri. Mereka ialah satu puak bangsa yang taat dan patuh mengikut undang-undang negeri. Pada zaman dahulu, apabila Orang Kayan atau Orang Melanau itu hendak mendirikan rumah, berlebih dahulu tanah tempat hendak didirikan rumah itu mestilah *disemah*. Caranya ialah digali sebuah lubang dan dimasukkan ke dalam lubang itu seorang perempuan serta dengan perhiasan manik yang berharga iaitu dijadikan sebagai korban. Setelah itu baharulah ditanamkan sebatang tiang pada lubang itu dan itulah tiang permulaan mendirikan rumah itu. Mengikut kepercayaan mereka, dengan berbuat demikian, hantu penunggu tempat itu tidaklah akan mengganggu penghuni rumah itu. Kepercayaan dan perbuatan seperti itu terdapat juga pada Orang Melayu dan puak bangsa lain zaman dahulu. Tetapi sekarang perbuatan mengorbankan manusia seperti itu tentulah tidak dibenarkan lagi. Orang Melanau juga pandai menempa besi dijadikan alat perkakas, senjata dan sebagainya; bertukang kayu, mendirikan rumah yang tegap serta membuat perahu yang teguh dan kuat.

Orang Kedayan yang ada di Sarawak berasal dari Brunei, kerana mereka telah melarikan diri dari pemerintahan kerajaan Brunei yang dianggap telah menzalimi mereka. Mereka itu beragama Islam dan tahu bercucuk tanam.

Orang Bisaya dan Murut pula ramai tinggal di Limbang, Terusan dan Lawas. Warna kulit mereka kekuning-kuningan; bentuk kepala mereka agak bujur dan rambut mereka genjur dan kerinting sedikit.

Orang Iban ialah satu puak bangsa keturunan Melayu-Jati atau di-

sebut dalam bahasa Inggeris *"Proto-Malays"*. Bahasa mereka seakan sama bunyinya dengan bahasa Melayu. Ahli sejarah mengatakan, mereka berasal dari bahagian barat Nusantara, mungkin dari Sumatera atau Gugusan Pulau Riau-Lingga. Kedatangan mereka ke Sarawak lebih awal daripada kedatangan Orang Melayu. Orang Barat juga menyebut Orang Iban itu *"Dayak Laut"*. Sebutan itu nyatalah tidak betul, kerana Orang Iban bukanlah satu bangsa pelaut atau tinggal di tepi laut.

Pada umumnya, Orang Iban itu sederhana, dan bersih orangnya; pukul rata tinggi mereka lebih kurang lima kaki tiga inci; hidung mereka penyek, rambut genjur, bentuk badan mereka agak elok, kaum perempuan mereka berbadan gempal dan berparas cantik, warna kulit kekuningan-kuningan, mata bulat dan hitam.

Mengikut adat resam mereka, lelaki Iban tidak boleh beristeri lebih dari seorang; budi bahasa mereka baik; orang-orang sekeluarga, sesama sanak-saudara, dan suami isteri dalam masyarakat Orang Iban, sangatlah berkasih-kasihan dan teguh setia.

Pada zaman dahulu, orang muda dalam masyarakat Iban sangat payah hendak mendapat isteri, kerana telah menjadi adat mereka, iaitu seorang lelaki muda yang hendak meminang seorang gadis, hendaklah lelaki itu berlebih dahulu melakukan pekerjaan *"mengayau"* iaitu menyembelih kepala orang dan kepala itu diserahkan kepada bakal ayah mertua atau bakal isteri itu dan baharulah pinangan lelaki muda itu diterima oleh pihak perempuan. Ini adalah kerana masyarakat Iban lebih mengutamakan keberanian dan kegagahan seseorang itu.

Begitu juga, pada zaman dahulu, apabila seseorang daripada orang Iban itu mati, sama ada mati dibunuh atau kerana penyakit, keluarga si mati pun sibuk melakukan pekerjaan mengayau mencari kepala orang. Tambahan pula jika si mati itu seorang ketua atau penghulu mereka, ramailah anak buahnya yang pergi merayau ke sana ke mari menjalankan pekerjaan mengayau itu. Perbuatan itu dilakukan ialah kerana mengikut kepercayaan mereka, roh orang yang diambil kepalanya itu, akan menjadi *"penakawan"* yakni menjadi pelayan kepada roh orang mereka yang mati itu. Tetapi sekarang ini perbuatan itu telah dilarang oleh pemerintah.

Sampai sekarang orang Iban sangat gemar menyimpan pasu atau tempayan tembikar buatan Orang Cina zaman dahulu yang mereka sebut *"tajau"*, dijadikan harta simpanan mereka dan pesaka kemegahan turun-temurun sampai ke anak cucu mereka. Tajau itu mereka anggap sebagai benda suci dan dihormati. Ada di antara tajau itu, dari jenis yang baik, berharga beribu ringgit sebuah.

Sebelum agama Islam datang ke Sarawak yakni sebelum pertengahan Kurun Masihi ke-15, telah ada juga Orang Melayu yang belum beragama Islam datang dan tinggal di Sarawak. Mereka itu berasal dari Sumatera terutama dari Minangkabau. Apabila agama Islam dibawa masuk ke Sarawak, mereka telah memeluk agama Islam seperti Orang Melanau, Kedayan dan Bisaya. Sekarang, ramai Orang Melayu di Sarawak tinggal di Kuching, Sadung, Kelkak, Simanggang, Sibu, dan ada juga kampung Orang Melayu itu di Lundu, Saribas, muara Sungai Rejang dan juga di sepanjang rantau antara Tanjung Datu dengan Tanjung Sirik.

Menurut sejarahnya, Orang Melayu dari Minangkabau yang datang memerintah di Sarawak pada zaman dahulu itu, diketuai oleh seorang daripada keluarga diraja Minangkabau bernama Datuk Andi gelarannya Raja Jarum.

Semasa Datuk Andi sampai ke Sarawak, ia mempunyai beberapa orang anak yang telah dewasa dan lima orang daripada anak Datuk Andi itu telah diketahui nama mereka. Anak-anak Datuk Andi itu telah dilengkapi dengan angkatan masing-masing dan disuruh oleh Datuk Andi pergi memerintah ke beberapa buah tempat dalam negeri Sarawak. Anaknya yang tua ialah perempuan bernama Datuk Permaisuri, diletakkan oleh Datuk Andi memerintah di Sarawak (Kuching Sarawak). Anak yang kedua bernama Datuk Kembali diletakkan memerintah di Saribas. Anak yang ketiga bernama Datuk Terawah memerintah di lembahan Sungai Samarahan. Anak yang keempat bernama Datuk Sabtu memerintah di lembahan Sungai Rejang, dan anak yang kelima bernama Datuk Makam memerintah bahagian hulu Sungai Sarawak dan tinggal di tempat yang bernama Amperuh.

Demikianlah cerita berkenaan dengan asal mulanya Orang Melayu datang ke Sarawak dan terus memerintah di situ.

BAHAGIAN III

Pemerintahan di Sarawak sebelum Kedatangan James Brooke

Sarawak dalam Kurun Masihi ke-15–17

Menurut sejarahnya: pada zaman dahulu negeri Sarawak takluk di bawah perintah Kesultanan Brunei. Dalam pertengahan Kurun Masihi ke-15, pada masa kerajaan Melayu Melaka sedang di kemuncak kebesaran dan kekuasaannya, pada masa itulah agama Islam mula dibawa masuk ke Sarawak dari Melaka, dan ramailah Orang Melayu serta puak-puak suku bangsa Melanau, Kedayan dan Bisaya yang ada di Sarawak memeluk agama Islam.

Pada tahun 1609, mengikut riwayat pengarang Portugis bernama Valentyn, ia mengatakan pada masa itu tempat yang bernama Kelkak, Saribas dan Melanau di Sarawak takluk di bawah perintah kerajaan Johor (yang telah didirikan oleh Raja Melayu keturunan dari Raja Melayu Melaka). Dan mengikut riwayat orang Belanda pula, pada tahun 1609 itulah juga Sarawak telah bebas daripada perintah Kesultanan Brunei. Sungguhpun demikian, sejak awal Kurun Masihi yang ke-19 didapati Sarawak telah kembali masuk ke bawah perintah Sultan Brunei.

Sharif Sahap memerintah di Sungai Sekrang

Pada awal Kurun Masihi yang ke-19, iaitu tiada lama sebelum tahun 1832, Sultan Brunei telah melantik orang besar baginda peranakan Arab bernama Sharif Sahap menjadi ketua memerintah di daerah Sungai Sekrang cabang Sungai Batang Lupar di Sarawak, menggantikan seorang ketua yang telah sedia memerintah di situ bernama Laksamana Aminuddin. Laksamana Aminuddin adalah seorang suku bangsa Melanau beragama Islam berasal dari tempat yang bernama Matu di kuala Sungai Batang Rejang dalam Bahagian Kedua Sarawak sekarang.

Mengikut ceritanya: Laksamana Aminuddin itu lebih baik orangnya jika dibandingkan dengan Sharif Sahap dan Orang Melayu di tempat itu lebih suka kepada Laksamana Aminuddin (Laksamana Aminuddin ayah kepada Abang Aing Pegawai Melayu di Sarawak pada zaman Raja Brooke).

Sharif Sahap memerintah di Sadung

Pada tahun 1832, Pengeran Bendahara di Brunei bernama Pengeran Muda Hashim telah melantik Sharif Sahap memerintah di tempat yang bernama Sadung, dalam Bahagian Pertama Sarawak sekarang, menggantikan seorang ketua pemerintah di situ bergelar Datu Petinggi. Sejak itu, Sharif Sahap dan adiknya bernama Sharif Mular telah mengambil bahagian yang cergas dalam hal-ehwal di Sadung dan Sekrang.

Pengeran Mahkota memerintah di Sarawak (Kuching)

Lebih kurang pada tahun 1836, Sultan Umar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei yang memerintah masa itu, telah menghantar orang besar baginda bernama Pengeran Mahkota serta beberapa orang lagi orang besar Brunei pergi ke Sarawak (Kuching sekarang) dan memerintah di situ. Pengeran Mahkota merupakan orang yang pertama membuka bandar Sarawak (kemudian dinamakan Kuching). Pada masa itu orang Melayu, Bidayu dan Cina telah sedia ada di Sarawak diketuai oleh orang besar mereka bernama Datu Petinggi Ali. Mereka itu ramai mendiami tempat yang bernama Seniawan, Lidah Tanah dan Ketupang tiada berapa jauh dari bandar Kuching. Datu Petinggi Ali tinggal di Seniawan. Datu Petinggi Ali ialah keturunan yang kelima belas dari Datuk Permaisuri anak Datuk Andi (Raja Jarum) dan keluarga itu telah lama tinggal dan memerintah di Sarawak.

Semasa Pengeran Mahkota yang berasal dari Brunei itu memerintah di Sarawak, ia telah bertindak keras dan zalim terhadap orang Melayu, Bidayu dan Cina yang diketuai oleh Datu Petinggi Ali itu. Pengeran Mahkota dan pegawai di bawahnya orang-orang besar Brunei itu telah mengambil beras, ikan, sarang burung dan hasil yang lain dari orang Melayu, Bidayu dan Cina pengikut Datu Petinggi Ali itu dengan sesuka hati mereka sahaja, dan mereka tidak membayar harga barang yang diambil itu. Bahkan Pengeran Mahkota telah mengenakan pula cukai yang berat yang mesti dibayar kepadanya oleh orang-orang Datu Petinggi Ali

itu, dan mereka dipaksa pula membuka lombong mencari batu perak (antimony) dan emas dekat tempat yang sekarang bernama Bau. Batu perak dan emas yang mereka perolehi itu dibeli oleh Pengeran Mahkota dengan harga yang murah atau dirampas sahaja oleh Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei itu tanpa membayar harganya; pendeknya ikut suka hati mereka sahaja. Bahkan ada pula di antara pengikut Datu Petinggi Ali itu (Melayu, Bidayu dan Cina) yang ditangkap oleh Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei itu telah dijual sebagai hamba abdi.

Datu Petinggi Ali dan pengikutnya memberontak melawan pemerintahan Pengeran Mahkota di Sarawak

Oleh sebab perbuatan Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei yang memerintah di Sarawak (Kuching) itu terlalu zalim dan aniaya, orang Melayu, Bidayu dan Cina pengikut Datu Petinggi Ali telah bangun memberontak melawan pihak Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei itu. Tujuan Datu Petinggi Ali ialah hendak membebaskan Sarawak dari perintah orang-orang besar Brunei yang zalim itu. Dengan itu berlakulah huru-hara di Sarawak. Datu Petinggi Ali telah menghantar utusannya ke Betawi (Jakarta sekarang) meminta pertolongan dari Kompeni Belanda. Tetapi Gabenor Jederal Kompeni Belanda yang ada di Betawi tidak mahu campur dalam hal permusuhan di Sarawak itu. Dalam pada itu, Sultan Sambas telah memberikan pertolongan kepada Datu Petinggi Ali berupa ubat bedil, peluru dan barang makanan.

Setelah mendengar berita kekacauan yang telah berlaku di Sarawak itu, Sultan Umar Ali Saifuddin II di Brunei telah menghantar ayah saudara baginda Pengeran Muda Hashim (Pengeran Bendahara, Brunei) pergi ke Sarawak untuk memadamkan huru-hara pemberontakan itu. Tetapi apabila Pengeran Muda Hashim sampai ke Sarawak, ia gagal menguasai Pengeran Mahkota yang tidak pula mahu mengikut kata Pengeran Muda Hashim walaupun kedatangannya ke Sarawak itu dititahkan oleh Sultan Brunei. Pengeran Mahkota terus juga melawan dan menzalimi orang Melayu, Bidayu dan Cina pengikut Datu Petinggi Ali itu, dan mereka tetap meneruskan penentangan terhadap Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei di Sarawak itu. Kekacauan dan huru-hara telah berlanjutan.

Pengeran Yusuf di Brunei bersahabat dengan Sharif Uthman di Marudu

Sepeninggalan Pengeran Muda Hashim ke Sarawak, ada seorang keluarga diraja Brunei bernama Pengeran Yusuf, alur ayah saudara juga kepada Sultan Umar Ali Saifuddin II, telah menjadi orang besar yang berkuasa di Brunei dan Sultan Brunei pun dapat dipengaruhinya. Pengeran Yusuf itu bersahabat baik pula dengan seorang orang besar peranakan Arab bernama Sharif Uthman yang sedang berkuasa di Teluk Marudu (dalam negeri Sabah sekarang) dan ramai pengikutnya. Sharif Uthman telah mengarahkan pengikutnya melakukan rompakan di laut sekitar Pulau Borneo dan harta rampasan akan diberikan kepada Sharif Uthman serta orang-orang besar di bawahnya. Banyak alat senjata seperti meriam, lela, bedil, peluru dan ubat bedil dijual oleh Sharif Uthman kepada Pengeran Yusuf di Brunei, dan Pengeran Yusuf juga telah menjualkan pula benda tersebut kepada orang lain dengan mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Demikianlah caranya Sharif Uthman di Teluk Marudu dan Pengeran Yusuf di Brunei menjalankan *"perniagaan"* mereka.

Di sini patut disebut sedikit iaitu sejak Orang Barat (Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris) mengambil dan menguasai negeri rumpun bangsa Melayu di Asia Tenggara, sama ada diambil cara berperang atau dengan tipu daya, kebanyakan raja dan orang besar rumpun bangsa Melayu itu telah kehilangan sumber pendapatan mereka seperti yang biasa mereka dapati sewaktu belum dijajah oleh Orang Barat dahulu. Oleh sebab itu, apabila dijajah oleh Orang Barat, terutama dalam Kurun Masihi yang ke-19, pekerjaan *"merompak"* kapal dan perahu di laut dan mengambil harta benda dari kapal atau perahu yang dirompak itu, bukanlah dipandang sebagai satu perbuatan keji; tambahan pula jika kapal atau perahu yang dirompak itu kepunyaan Orang Barat, perbuatan itu dipandang sebagai perbuatan membalas di atas perbuatan Orang Barat yang telah menjajah negeri mereka.

BAHAGIAN IV

James Brooke datang ke Sarawak

Pengeran Muda Hashim menolong orang Inggeris yang karam di laut

Menurut sejarahnya: Awal tahun 1839, ada sebuah kapal orang Inggeris telah karam di laut tiada berapa jauh dari pantai laut bandar Sarawak (Kuching). Pengeran Muda Hashim yang pada masa itu ada di Sarawak, telah memberikan pertolongan dan makan minum kepada orang Inggeris kelasi kapal yang karam itu dan telah menghantar mereka ke Singapura.

Gabenor dan ahli Dewan Perniagaan di Singapura telah menghargai jasa baik Pengeran Muda Hashim itu. Mereka telah bersetuju hendak memberi surat ucapan terima kasih dan hadiah kepada Pengeran Muda Hashim. Kebetulan pula pada masa itu James Brooke seorang hartawan dan ahli pelayaran bangsa Inggeris dengan sebuah kapalnya bernama *"Royalist"* berada di Singapura dan sedang bersiap hendak belayar ke Pulau Hindia Timur Belanda (Indonesia sekarang) dan ke Pulau Borneo. Gabenor di Singapura telah meminta James Brooke membawakan surat ucapan terima kasih serta barang-barang hadiah daripada Gabenor dan ahli Dewan Perniagaan di Singapura untuk disampaikan kepada Pengeran Muda Hashim di Sarawak (Kuching) kerana membalas jasa baik beliau itu. Permintaan Gabenor dan ahli Dewan Perniagaan di Singapura itu telah dipersetujui oleh James Brooke.

James Brooke mula datang ke Sarawak (Kuching) dan bersahabat dengan Pengeran Muda Hashim

Pada 27 hari bulan Julai tahun 1839, James Brooke dengan kapal *"Royalist"*nya itu telah bertolak meninggalkan Singapura belayar di lautan antara Singapura dengan Pulau Borneo sambil mengukur laut di situ bagi kepentingan pelayaran dan penjajahannya, dan akhirnya

sampailah James Brooke ke kuala Sungai Sarawak di Santubong. Dari situ James Brooke mudik Sungai Sarawak dan telah sampai ke Sarawak (Kuching) pada 15 hari bulan Ogos tahun 1839 dan berlabuh di Sungai Sarawak setentang dengan rumah Pengeran Muda Hashim. Pada masa itu rumah Pengeran Muda Hashim terletak di tebing kiri mudik Sungai Sarawak dan rumah Pengeran Mahkota di tebing kanan mudik Sungai Sarawak iaitu di bandar Kuching sekarang ini.

James Brooke telah menemui Pengeran Muda Hashim dan menyampaikan surat ucapan terima kasih dan barang-barang hadiah yang dibawanya itu, sambil menyatakan bahawa surat ucapan terima kasih dan hadiah itu, adalah kiriman dari Gabenor dan ahli Dewan Perniagaan di Singapura kepada Pengeran Muda Hashim kerana jasa baik Pengeran Muda Hashim seperti yang telah disebutkan itu. Surat dan hadiah itu telah diterima oleh Pengeran Muda Hashim dengan sukacita. Sejak itu James Brooke telah bersahabat baik dengan Pengeran Muda Hashim. Mengikut keterangan James Brooke: pada masa itu bandar Kuching (Sarawak) hanyalah sebuah kampung nelayan yang kecil dan buruk, mengandungi beberapa buah rumah atap dan penduduknya seramai antara 600–800 orang; kebanyakan orang yang berkuasa di situ ialah orang-orang besar dari Brunei yang diketuai oleh Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Mahkota.

Pada masa itu orang Melayu, Bidayu dan Cina di Sarawak (Kuching) yang diketuai oleh Datu Petinggi Ali masih memberontak melawan orang-orang besar Brunei yang ada di Sarawak termasuklah Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Mahkota. Datu Petinggi Ali serta pengikutnya tinggal di Seniawan tiada berapa jauh dari Kuching. Perihal rusuhan yang sedang berlaku di Kuching itu diketuai juga oleh James Brooke.

Setelah lebih sebulan lamanya James Brooke berada di Sarawak (Kuching) sebagai tamu kepada Pengeran Muda Hashim, ia bermohon hendak meninggalkan Sarawak. Pengeran Muda Hashim dengan bersungguh-sungguh telah meminta James Brooke datang lagi ke Sarawak dan Brooke telah memberikan jaminan ia akan datang lagi ke Sarawak berjumpa Pengeran Muda Hashim.

James Brooke menemui Sharif Sahap di Sadung

Pada 20 hari bulan September tahun 1839, James Brooke meninggalkan bandar Kuching dengan dipandu oleh orang besar Pengeran Muda Hashim bernama Panglima Raja yang menaiki sebuah kapal lain. James Brooke telah melawat Lundu, Samarahan dan Sadung. Di Sadung,

James Brooke telah naik ke darat pergi berjumpa Sharif Sahap yang menjadi ketua pemerintah di situ. Setelah itu James Brooke naik semula ke kapalnya, iaitu pada 27 hari bulan September (1839) dan telah berlabuh di situ; ia bercadang pada pagi esoknya akan bertolak meninggalkan Sadung; dan kapal Panglima Raja pun berlabuh tidak jauh dari kapal *"Royalist"*.

Malam itu juga, lepas tengah malam, tiba-tiba datang beberapa buah perahu Orang Iban Saribas menyerang kapal Panglima Raja dan berlakulah pertempuran. Setelah tiga orang pengikut Panglima Raja luka dalam pertempuran itu, orang Inggeris di kapal James Brooke (Royalist) itupun menembak Orang Iban Saribas itu dengan meriam, hingga Orang Iban itu lari meninggalkan tempat itu. Esok paginya, James Brooke pun bertolak meninggalkan tempat itu meneruskan pelayarannya hendak ke Sulawesi dan ke tempat lain. Setelah empat bulan baharu balik ke Singapura. Panglima Raja pun balik ke Sarawak.

BAHAGIAN V

James Brooke menjadi Raja Sarawak yang pertama dan hal-ehwal di Sarawak pada masa pemerintahannya 1840–1868

Lingga diperintah oleh Sharif Jaafar

Ada suatu tempat di tepi Sungai Lingga cabang Sungai Batang Lupar di Sarawak bernama Banting atau disebut juga namanya Lingga. Dahulu tempat itu diperintahkan oleh orang besarnya bernama Datu Malik Burhan serta anak-anak perempuannya. Tetapi, tiada berapa lama sebelum James Brooke memerintah di Sarawak, tempat itu (Lingga) telah terlepas daripada perintah Datu Malik Burhan, dan masuk ke dalam perintah seorang peranakan Arab bernama Sharif Jaafar, iaitu boleh jadi dengan kehendak Sultan Brunei.

James Brooke datang lagi ke Sarawak dan menjadi Raja Sarawak yang pertama: 1840-1841

Setelah lebih kurang setahun lamanya James Brooke meninggalkan Sarawak, dan kerana hendak menyempurnakan permintaan Pengeran Muda Hashim tatkala ia meninggalkan Sarawak dahulu (20 hari bulan September, 1839), tambahan juga Brooke telah mengakui akan datang lagi menemui Pengeran Muda Hashim, jadi pada 18 hari bulan Ogos tahun 1840 James Brooke bertolak dari Singapura dengan kapal *"Royalist"* dan sebuah lagi kapal baharunya bernama *"Swift"* belayar menuju ke Sarawak. Pada 29 hari bulan Ogos (1840) James Brooke sampai ke Sarawak dan berjumpa Pengeran Muda Hashim.

James Brooke mendapati keadaan di Sarawak pada masa itu seperti dahulu juga masih kacau-bilau dan huru-hara oleh perbuatan Pengeran Mahkota dan orang-orang besar Brunei di bawahnya yang ada di Kuching. Orang Melayu, Cina dan Bidayu yang diketuai oleh Datu

Petinggi Ali yang berada di Seniawan dan Lidah Tanah masih juga memberontak melawan orang besar Brunei yang memerintah di Kuching termasuklah Pengeran Mahkota dan Pengeran Muda Hashim. Penentangan dari pihak Datu Petinggi Ali itu telah masuk ke tahun yang keempat.

Tiada berapa lama di Sarawak, James Brooke bercadang hendak meninggalkan tempat yang sentiasa dalam kekacauan itu. Tetapi Pengeran Muda Hashim telah menahan dan merayu dengan bersungguh-sungguh kepada James Brooke supaya jangan meninggalkan Sarawak. Pengeran Muda Hashim telah menceritakan kepada James Brooke segala kesulitannya berhubung dengan Sarawak itu; ia merasa malu dan duka-cita kerana tidak dapat memadamkan huru-hara di Sarawak sebagai yang telah ditugaskan kepadanya oleh Sultan Brunei. Pengeran Muda Hashim telah meminta James Brooke mengamankan Sarawak dengan janji ia akan memberikan Seniawan dan Sarawak (Kuching) kepada James Brooke serta menggelarkannya *"Raja Sarawak"* jika berjaya mengalahkan musuh Pengeran Muda Hashim iaitu orang Melayu, Cina dan Bidayu pengikut Datu Petinggi Ali.

James Brooke telah membawa askarnya seramai sepuluh orang putih dari kapal *"Royalist"* dengan membawa dua buah meriam besar naik ke darat, bersatu dengan pasukan Pengeran Muda Hashim yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan Dayak dan menentang orang Melayu, Cina dan Bidayu yang diketuai oleh Datu Petinggi Ali dan berlakulah pertempuran di Lidah Tanah.

Semasa dalam pertempuran di Lidah Tanah itu orang-orang besar Brunei yakni pengikut Pengeran Muda Hashim yang berperang bersama dengan askar James Brooke itu, didapati penakut dan mereka melawan musuh sambil lewa sahaja tidak bersungguh-sungguh, kecuali adik (saudara seayah) Pengeran Muda Hashim yang bernama Pengeran Badaruddin. Dalam pertempuran itu James Brooke dan Pengeran Muda Hashim gagal mengalahkan pihak Datu Petinggi Ali, dan mereka balik ke Kuching. Sejak itu James Brooke telah bersahabat baik dengan Pengeran Badaruddin. James Brooke telah memberikan sebentuk cincin kepada Pengeran Badaruddin sebagai tanda ikatan persahabatan antara mereka, dan dari semenjak itu Pengeran Badaruddin sentiasa ada di sisi James Brooke, dan Pengeran Badaruddin dianggap sebagai seorang yang boleh diharap dan dipercayai dalam perjuangannya di Sarawak itu.

Lepas itu, pada 20 hari bulan Disember (1840) berlaku lagi pertempuran antara pasukan James Brooke yang bersatu dengan Pengeran Muda Hashim melawan pihak Datu Petinggi Ali di tempat yang ber-

nama Sekudis. Tiada berapa lama bertempur, seorang yang bernama Pengeran Matusin (Muhammad Husain) serta beberapa orang kawannya orang Melayu, Cina dan Bidayu dari pasukan Datu Petinggi Ali, telah datang dalam satu rombongan menemui James Brooke, mereka mengaku kalah dan ingin berdamai dengan pihak James Brooke. Permintaan damai itu telah disetujui oleh James Brooke. Pada masa itulah juga ketua-ketua Melayu, Cina dan Bidayu dari pasukan Datu Petinggi Ali itu meminta supaya James Brooke menjadi *"Raja Sarawak"*; apabila James Brooke sudah dijadikan Raja Sarawak baharulah mereka mahu berhenti berperang, kerana mereka tidak lagi tertahan dengan kezaliman orang besar Brunei yang ada di Sarawak terutama Pengeran Mahkota yang sentiasa memaksa mereka bekerja bertungkus-lumus membuka lombong mencari batu perak (antimony). Sejak itu berdamailah James Brooke dengan Datu Petinggi Ali.

Setelah melihat James Brooke berbaik dengan pihak Datu Petinggi Ali, berubahlah perasaan dan sikap Pengeran Muda Hashim terhadap James Brooke. Pengeran Muda Hashim telah mulai curiga kepadanya. Pengeran Mahkota pula, oleh sebab khuatirkan James Brooke dapat berkuasa di Sarawak, ia telah menjalankan satu tindakan hendak menyusahkan kedudukan James Brooke di Sarawak, dan tindakan yang hendak dijalankan itu disetujui oleh Pengeran Muda Hashim.

Pada awal tahun 1841, Pengeran Mahkota telah menghantar seramai 2,500 Orang Iban yang bengis dan jahat dari Sungai Sekrang datang ke Kuching membuat kacau membangkitkan huru-hara dan cuba hendak membunuh orang Melayu, Cina dan Bidayu yang menyebelahi James Brooke dan Datu Petinggi Ali yang tinggal di darat Kuching. James Brooke telah membawa askarnya dari kapal *"Royalist"* dan *"Swift"* yang lengkap bersenjata dengan senapang dan meriam naik ke darat melawan Orang Iban Sekarang itu. Orang Iban Sekrang itu telah dikalahkan oleh askar James Brooke dan meninggalkan bandar Kuching balik semula ke Sungai Sekrang. Oleh sebab itu tindakan Pengeran Mahkota telah gagal. Orang Melayu, Cina dan Bidayu yang ada di Kuching begitu gembira dengan kejayaan James Brooke itu, kerana mereka selamat dari dibunuh oleh Orang Iban Sekrang itu.

Apabila orang Melayu, Cina dan Bidayu di Sarawak yang melawan pihak Pengeran Mahkota dan Pengeran Muda Hashim itu melihat James Brooke tidak juga diangkat menjadi *"Raja Sarawak"* dan Pengeran Mahkota masih juga memerintah di situ, mereka pun mengajak James Brooke menyerang dan menghalau Pengeran Mahkota dan Pengeran

Muda Hashim keluar dari Sarawak. Tetapi itu tidak disetujui oleh James Brooke.

Dalam pada itu Pengeran Mahkota terus juga berikhtiar hendak menghalau James Brooke keluar dari Sarawak. Pengeran Mahkota telah cuba meracun seorang daripada juru bahasa James Brooke. Tetapi tidak berhasil. Pada masa itu James Brooke berpendapat boleh jadi pada suatu masa yang akan datang, dia akan diracun oleh Pengeran Mahkota. Oleh sebab itu James Brooke tidak dapat bersabar lagi, dan menetapkan azamnya bahawa Pengeran Mahkota mesti dihalau keluar dari Sarawak.

James Brooke telah membawa kapal *"Royalist"* ke Sungai Sarawak hampir dengan istana Pengeran Muda Hashim dan menghalakan semua meriam dalam kapal itu ke arah istana itu. James Brooke dengan satu pasukan askarnya naik ke darat berjumpa Pengeran Muda Hashim. James Brooke telah mendesak Pengeran Muda Hashim supaya menghalau Pengeran Mahkota keluar dari Sarawak, jika tidak, James Brooke akan menyerang istana Pengeran Mahkota dan mengusirnya keluar dari Sarawak (Kuching). Sambil itu James Brooke menggesa Pengeran Muda Hashim supaya menepati janji hendak melantiknya menjadi *"Raja Sarawak"*.

Oleh sebab itu, Pengeran Muda Hashim telah memecat Pengeran Mahkota dari jawatannya sebagai wakil Sultan Brunei memerintah di Sarawak. Tetapi Pengeran Mahkota masih belum meninggalkan bandar Kuching. Pengeran Muda Hashim telah mengeluarkan perintah kepada semua penduduk Sarawak supaya datang berhimpun ke sebuah tempat lapang di bandar Kuching pada 24 hari bulan September, 1841.

Pada 24 hari bulan September (1841) seperti yang diumumkan itu, dalam satu perhimpunan besar penduduk Sarawak di sebuah tanah lapang di bandar Kuching yang telah dihiasi dengan berbagai bendera dan berbagai perhiasan. Pengeran Muda Hashim naik ke sebuah pentas yang telah disediakan dan mengisytiharkan bahawa James Brooke diangkat menjadi pemerintah sebagai Gabenor di Sarawak dan digelar *"Raja Sarawak"* iaitu Raja Sarawak yang pertama.

Selesai sahaja perisytiharan itu diumumkan, bergemuruhlah bunyi mercun serta tembakan meriam dari kapal yang ada di pelabuhan Sungai Sarawak bagi memeriahkan lagi peristiwa yang bersejarah itu. Orang Melayu, Cina, Bidayu dan Dayak yang menyebelahi James Brooke, serta pengikut Datu Petinggi Ali yang juga menyebelahi James Brooke, semuanya bersukaria menyambut istiadat perlantikan James Brooke menjadi Raja Sarawak dan menandakan tamatlah pemerintahan Pengeran Mahkota yang dikatakan zalim itu. Kawasan negeri Sarawak

yang masuk ke dalam perintah James Brooke masa itu, hanyalah seluas lebih kurang 3,000 batu persegi: sempadan di sebelah pantai lautnya ialah dari Tanjung Datu sampai ke kuala Sungai Samarahan termasuk Sungai Sarawak dan Sungai Lundu; dan ke daratnya ialah sejauh enam puluh batu dari pantai laut sampai ke sempadan dengan Kalimantan perintah Belanda.

Di masa Pengeran Muda Hashim mengisytiharkan James Brooke menjadi Raja Sarawak itulah juga beliau telah memberikan surat perjanjian mengenai pertukaran pemerintahan Sarawak kepada James Brooke. Surat itu bertulis dalam bahasa Melayu dan kandungan yang tersebut dalam surat itu adalah seperti yang disebutkan di bawah ini (diterjemahkan dari bahasa Inggerisnya):–

Surat ini diperbuat pada Tahun Hijrah 1257, pukul dua belas pada hari Rabu, 30 hari bulan Rejab (bersamaan dengan Tahun Masihi 1841) menyatakan iaitu dengan hati yang suci dan tulus ikhlas Pengeran Muda Hashim putera almarhum Sultan Muhammad, menukarkan kepada James Brooke pemerintahan Sarawak serta jajahan takluknya dan hasil cukainya serta segala tanggungjawab pada masa yang akan datang. Dan lagi dialah, James Brooke, yang akan menjadi tuan punya dan hasil cukai yang didapati di Sarawak, dan dia seorang sahajalah yang bertanggungjawab dalam hal perbelanjaan kerajaan yang wajib bagi kebaikan Sarawak. Dan lagi, James Brooke dengan tulus ikhlas dan hati yang bersih menerima perjanjian seperti yang diperbuat ini, dan dari tarikh ini James Brooke mengaku membayar kepada Sultan Brunei sebanyak seribu ringgit, kepada Pengeran Muda Hashim seribu ringgit, kepada Datu Petinggi tiga ratus ringgit, kepada Datu Bandar seratus lima puluh ringgit, dan kepada Datu Temenggung seratus ringgit.

Dan lagi, James Brooke mengakui iaitu undang-undang dan adat istiadat Orang Melayu di Sarawak hendaklah dihormati dan dipelihara selama-lamanya kerana negeri Sarawak itu takluk kepada kerajaan Sultan Brunei, Pengeran Muda Hashim dan raja-raja Melayu.

Dan lagi, jika timbul sesuatu pakatan sulit dari dalam atau luar negeri yang akan merugikan kepentingan Sarawak, sama ada disebabkan oleh orang ramai atau anak-anak raja atau raja-raja pemerintah yang mungkin memusuhi Sarawak, maka Sultan Brunei dan Pengeran Muda Hashim akan membantu James Brooke dengan syarat tiada dicampuri oleh orang luar.

Dan lagi, Pengeran Muda Hashim dan James Brooke telah bersama-sama membuat perjanjian ini, dan Pengeran Muda Hashim akan menyerahkan segala tugas yang selanjutnya mengenai pemerintahan

Sarawak, dan sebarang kerja yang mereka jalankan bersama atau berasing mengenai pemerintahan negeri Sarawak, mestilah bersetujuan dengan syarat dalam Perjanjian ini.

Tertulis di Sarawak pada hari Jumaat 2 hari bulan Sya'aban Tahun Hijrah 1257, pukul 10.00 malam.(*)

James Brooke mengangkat ketua-ketua Melayu di Sarawak (Kuching) memegang jawatan kerajaan

Apabila James Brooke menjadi Raja Sarawak, dia telah memecat orang-orang besar Brunei yang memegang jawatan kerajaan di Sarawak dan mengangkat pula ketua-ketua Orang Melayu Sarawak memegang jawatan kerajaan. Ramai kaum perempuan Sarawak yang dikurung oleh Pengeran Muda Hashim dahulu, dilepaskan oleh James Brooke dan disuruh kembali kepada suami atau keluarga mereka masing-masing. Ketua-ketua Orang Melayu Sarawak pada masa itu ialah Datu Petinggi Ali, Datu Temenggung Marsal, Datu Bandar Rancha, Muhammad Lana anak Datu Petinggi Ali, Abdul Ghafur menantu Datu Petinggi Ali dan Pengeran Matusin, semuanya diberi memegang jawatan kerajaan di Sarawak, dan James Brooke sendiri pun berbaik-baik serta meminta nasihat mereka mengenai pemerintahan Sarawak, dan mereka semua suka menyebelahi James Brooke. Dalam masa itu, Pengeran Muda Hashim dan adiknya Pengeran Badaruddin masih lagi tinggal di Sarawak (Kuching) kerana Pengeran Muda Hashim menanti ketika sehingga ia dapat tahu ia akan diterima dengan baik oleh Sultan Brunei sekembalinya nanti.

James Brooke mengadakan undang-undang dan Mahkamah

Setelah lebih kurang empat bulan James Brooke menjadi Raja Sarawak, pada awal tahun 1842, bagi menjalankan pemerintahan di Sarawak, beliau telah mengadakan satu undang-undang yang mudah dalam bahasa Melayu mengandungi lapan fasal yang pada pendapat Brooke dapat diterima dan dipatuhi oleh penduduk Sarawak. Perkara yang dinyatakan

(*) Dari buku "The Three White Rajas" oleh H.H. Rance of Sarawak (Isteri Vyner Brooke): Cassell and Company Limited, London, 1939, m.s. 19–20.

dalam undang-undang itu ialah seperti yang disebutkan di bawah ini (diterjemahkan dari Bahasa Inggerisnya):—

(1) Bahawa orang yang membunuh, menyamun dan melakukan lain-lain kesalahan jenayah yang berat, akan dihukum mengikut undang-undang; orang yang melakukan kesalahan seperti itu, setelah dibicarakan dan didapati buktinya betul bersalah, tidak akan lepas dari hukuman.

(2) Untuk menentukan kebaikan bagi negeri (Sarawak), semua orang, sama ada Melayu, Cina atau Dayak dibenarkan berdagang atau menjalankan kerja buruh dan menikmati faedahnya.

(3) Semua jalan raya akan dibuka supaya orang ramai boleh mencari keuntungan sama ada melalui laut atau darat; dan segala kapal (atau perahu) yang datang dari negeri asing, dibebaskan memasuki sungai-sungai (di Sarawak) dan bertolak balik ke negerinya.

(4) Semua perdagangan dibebaskan, kecuali bijih-perak (antimony) yang dipegang oleh Gabenor sendiri; tidak ada siapa yang boleh dipaksa bekerja, dan barang-barang yang diambil dari mereka hendaklah dibayar dengan harga yang sepatutnya. Orang ramai digalakkan berniaga dan bekerja buruh, dan menikmati faedah yang didapati dengan cara yang baik dan jujur.

(5) Adalah diperintahkan iaitu sesiapa yang pergi mencampuri orang Dayak, tidaklah boleh mengganggui mereka, atau mengambil barang-barang mereka dengan cara yang tidak betul. Hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada berbagai puak Orang Dayak bahawa cukai akan diambil oleh tiga orang Datu yang membawa surat bercap dengan mohor Gabenor; dan orang Dayak tidak akan memberi apa-apa pun kepada orang lain; dan orang Dayak tidak juga boleh dipaksa supaya menjualkan barang-barang mereka jika tidak dengan kehendak mereka sendiri.

(6) Tuan Gabenor akan menetapkan kadar bayaran cukai supaya setiap orang boleh mengetahui sebanyak mana mereka akan membayar (cukai) setiap tahun bagi membantu kerajaan.

(7) Adalah didapati wajib menyelesaikan hal pertimbangan, sukatan dan mata wang dalam negeri ini (Sarawak), dan mengeluarkan mata wang duit, supaya orang miskin dapat membeli barang makanan dengan harga yang murah.

(8) Tuan Gabenor mengeluarkan perintah ini dan mendesak mereka (orang ramai) mentaatinya; sementara itu beliau memberi perlindungan dan pertolongan kepada rakyat yang berkelakuan betul (baik), dan beliau akan menghukum sesiapa yang mengganggu keamanan atau melakukan kesalahan jenayah; dan beliau memberi amaran kepada semua orang yang tidak bertanggungjawab itu supaya mencari keselamatan diri mereka sendiri, dan pergilah cari negeri lain di mana boleh dibenarkan merosakkan undang-undang Tuhan dan manusia.

Begitulah bunyinya syarat yang terkandung dalam undang-undang yang pertama diadakan oleh James Brooke di Sarawak setelah ia menjadi Raja Sarawak. Tujuannya mengadakan undang-undang itu ialah, pertama kerana hendak menentukan keadilan yang *"sama rata"* dalam pemerintahannya; kedua kerana hendak melindungi Orang Dayak Darat; dan ketiga kerana hendak menggalakkan perkembangan perdagangan di Sarawak. Pada masa itu jugalah James Brooke telah mengadakan sebuah mahkamah keadilan dan dia sendiri menjadi hakimnya.

Linggir cuba hendak membunuh James Brooke

James Brooke telah memikirkan bahawa seseorang yang ingin menjadi pemerintah yang baik, hendaklah dia selalu berjumpa dan bertukar pendapat dengan rakyat yang diperintahnya. Oleh sebab berfikir demikian, James Brooke bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Melayu, dan menggalakkan rakyat Sarawak datang berjumpa di rumahnya.

Oleh sebab adanya peluang yang diberikan oleh James Brooke itu, setiap hari pada sebelah petang, ramai rakyat Sarawak datang berjumpa James Brooke di rumahnya, tetapi selalunya selepas James Brooke makan malam. Pendeknya, ramailah rakyat Sarawak sama ada yang kaya atau miskin, Melayu, Dayak, Iban atau Cina datang berjumpa Raja Sarawak, Gabenor mereka di rumahnya yang disebut *"istana"* dan kedatangan mereka itu diterima dengan baik oleh James Brooke. Bahkan ada pula di antara rakyatnya Orang Sarawak itu yang miskin papa datang juga mengadukan kesusahan mereka kepada Raja Sarawak itu dan telah diberikan bantuan.

Dalam pada itu, kebiasaan mengadakan *"rumah terbuka"* yang dibuat oleh James Brooke itu, akhirnya telah membahayakan dirinya sendiri. Pada suatu hari, sedang James Brooke duduk makan malam di rumahnya, tiba-tiba sekumpulan Orang Iban Saribas seramai lapan

puluh orang, lengkap bersenjata, diketuai oleh Linggir, telah masuk ke rumah James Brooke. Ketua mereka itu telah berpura-pura mengatakan bahawa kedatangan mereka itu ialah kerana hendak melawat dan berjumpa James Brooke Raja Sarawak itu secara persahabatan. Tetapi yang sebenarnya, Linggir telah membawa sebuah bakul kosong dan sebelum datang ke rumah James Brooke dia telah bercakap dengan sombong kepada orang ramai mengatakan dia akan membunuh James Brooke dan membawa kepala James Brooke dalam bakul itu balik ke Saribas.

Sebagai biasa, kedatangan Orang Iban Saribas yang diketuai oleh Linggir itu telah diterima oleh James Brooke dengan baik dan mempersilakan mereka duduk di lantai di rumahnya, menjamu mereka minum arak dan mengisap cerut, dan James Brooke terus juga makan sambil diperhatikan oleh Orang Iban yang sedang menanti peluang dan isyarat daripada ketua mereka. Dalam pada itu terasa juga geraknya kepada James Brooke bahawa kedatangan Linggir dengan orang-orangnya itu bukanlah berniat baik. Oleh sebab itu, dengan tidak sedikit pun diketahui oleh Orang Iban itu, James Brooke telah menghantar pesuruhnya pergi memberitahu sahabatnya orang Melayu apa yang sedang berlaku di rumahnya. Pendeknya, belum pun James Brooke selesai makan, tiba-tiba Datu Temenggung dengan orangnya seramai tiga puluh orang lengkap bersenjata telah datang ke rumah James Brooke; dan sejurus tidak lama selepas itu datang pula Datu Shahbandar dengan orangnya seramai lima puluh orang dengan bersenjata juga. Melihat kedatangan Datu Temenggung dan Datu Shahbandar serta orang-orang mereka lengkap bersenjata itu, maka dengan tersipu-sipu dan tidak berlengah lagi Linggir membawa semua orangnya keluar meninggalkan rumah James Brooke, dan membawa bakulnya itu dengan kosong. Tujuan Linggir hendak membunuh James Brooke gagal.

Sharif Sahap di Sadung

Sharif Sahap yang menjadi ketua di Sadung, dan adiknya Sharif Mular yang menjadi ketua di Sekrang, mempunyai ramai pengikut yang terdiri dari Orang Melayu dan Iban dan telah menggalakkan mereka merompak di laut; sebahagian besar daripada barang rompakan itu diberikan kepada Sharif Sahap dan Sharif Mular. Sharif Jaafar masih memerintah di Lingga di bawah perintah kerajaan Sarawak.

Dalam bulan Januari tahun 1842 James Brooke telah mengirim surat kepada Sharif Sahap (di Sadung), Sharif Mular (di Sekrang) dan Sharif Jaafar (di Lingga) mengatakan bahawa ia suka supaya perhubungannya

dengan orang-orang besar peranakan Arab yang berjiran dengannya itu sentiasa dalam keadaan baik sahaja. Dalam pada itu James Brooke menyatakan juga ia akan menyerang sesiapa sahaja yang datang menjarah atau merompak dalam daerah perintahnya.

Orang Iban Saribas dan Sekrang hendak menyerang musuh mereka di ulu Sungai Sarawak

Pada suatu hari, dalam tahun 1842 itu juga, angkatan Orang Iban dari Saribas dan Sekrang seramai lebih kurang 4,000 orang dalam 100 buah perahu diketuai oleh pemimpin mereka bernama *"Bulan"* dan *"Matahari"* telah datang ke Kuching dan meminta kebenaran dari Pengeran Muda Hashim hendak memudik Sungai Sarawak untuk menyerang musuh mereka Orang Dayak yang ada di ulu Sungai itu. Tetapi permintaan itu tidak dibenarkan oleh Pengeran Muda Hashim dan James Brooke juga bersetuju dengan tindakan itu. Dengan itu orang-orang Iban itu telah meninggalkan bandar Kuching balik semula ke tempat mereka.

Sharif Sahap menentang pihak British di Sarawak

Tiada lama selepas berlakunya peristiwa yang disebutkan di atas itu, dalam tahun 1842 itu juga, Sharif Sahap telah cuba mempengaruhi orang besar Melayu di Kuching supaya melawan pihak British yang memerintah di Sarawak itu. Tetapi percubaan Sharif Sahap itu tidak juga berjaya.

Lepas itu Sharif Sahap telah berlengkap dan mengancam akan datang menyerang Kuching dengan satu angkatan perang mengandungi orang Iban dari Saribas dan Sekrang, dengan membawa juga beberapa orang ketua Orang Iban yang gagah berani. Di antara ketua Orang Iban itu ada seorang yang terkenal gagah beraninya bernama Bayang gelarannya Orang Kaya Pemancha Dana. Mengikut sejarahnya: Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) itu telah menggantungkan sebuah bakul kosong pada sebuah pokok kayu di tempatnya dan ia telah mengatakan, ke dalam bakul itulah kepala Raja Sarawak (James Brooke) akan dimasukkan apabila ia balik dengan kemenangan setelah menawan Sarawak.

Apabila perlengkapan Sharif Sahap hendak datang menyerang itu terdengar beritanya ke Kuching, dan oleh sebab James Brooke telah

yakin bahawa Sharif Sahap itu musuh ketatnya, ia pun mengerahkan orang memasang pagar di keliling kampung, dan sebuah kota mengadap ke Sungai Sarawak telah diperkuat lagi, dan perahu perang James Brooke yang ada sebanyak 25 buah itu, semuanya dilengkapkan dengan senjata dan kekuatan orangnya. Kisah serangan dan pertempuran angkatan perang Sharif Sahap yang datang menyerang Kuching itu tidaklah diperolehi cerita yang selanjutnya cuma setakat mengatakan serangan Sharif Sahap ke Kuching itu tidak berhasil, dan dari semenjak itulah juga Sharif Sahap telah dianggap oleh James Brooke sebagai musuh ketatnya sama seperti Pengeran Mahkota juga.

Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak kepada James Brooke

Oleh sebab James Brooke yang menjadi Raja Sarawak itu hanya bertaraf sebagai *"Gabenor"* oleh kuatkuasa surat perjanjian yang telah diperbuat dengan Pengeran Muda Hashim pada tahun 1841 yang lalu, dan negeri Sarawak pun masih takluk di bawah kuasa Sultan Brunei, maka pada 14 hari bulan Julai tahun 1842 James Brooke telah bertolak dari Kuching pergi ke Brunei untuk mendapatkan pengesahan daripada Sultan Brunei mengenai kuasanya di Sarawak. Setibanya di Brunei, James Brooke telah berunding dengan Sultan Umar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei. Hasil dari perundingan itu, pada 1 hari bulan Ogos tahun 1842 itu juga, Sultan Brunei membuat surat perjanjian dengan James Brooke. Dalam surat perjanjian itu antara lain menyebutkan Sultan Brunei menyerahkan negeri Sarawak serta segala cukai hasil di negeri itu kepada James Brooke, dan James Brooke membayar kepada Sultan Brunei setiap tahun wang sebanyak $2,500/-; negeri Sarawak itu tidak boleh diberikan oleh James Brooke kepada orang lain melainkan dengan persetujuan Sultan Brunei; agama dan adat istiadat penduduk Sarawak tidak boleh diganggu.

Setelah selesai membuat surat perjanjian itu James Brooke kembali ke Sarawak dan surat perjanjian itu dibawanya bersama. Dalam satu perhimpunan besar rakyat Sarawak yang diadakan di Kuching pada 18 hari bulan Ogos (1842) yang dihadiri juga oleh Pengeran Muda Hashim serta adik-adiknya dan ketua-ketua Orang Melayu di Sarawak, sepucuk surat daripada Sultan Brunei telah dibacakan oleh James Brooke kepada orang ramai dalam perhimpunan itu. Setelah selesai surat itu dibacakan, Pengeran Muda Hashim pun naik ke sebuah pentas yang telah diadakan

di situ dan berucap dengan suara yang lantang mengatakan: "Jika ada sesiapa yang tidak bersetuju dengan kenyataan dalam surat baginda Sultan Brunei yang telah dibacakan tadi, sila nyatakan sekarang".

Tiada siapa pun yang menjawab ucapan Pengeran Muda Hashim itu. Pengeran Muda Hashim telah berpaling kepada Datu Petinggi Ali dan ketua Orang Melayu lain yang ada dalam perhimpunan besar itu dan bertanya: "Adakah sesiapa anak raja atau pengeran yang hendak membangkang kenyataan dalam surat baginda itu?". Mereka semuanya menjawab mereka sedia menurut titah Sultan Brunei itu. Lepas itu Pengeran Muda Hashim bertanya pula kepada Pengeran Mahkota yang rupanya ada juga dalam perhimpunan itu: "Bagaimana pula fikiran Pengeran Mahkota?" Pengeran Mahkota pun menjawab mengatakan bahawa ia pun sedia mentaati titah perintah Sultan Brunei itu, dan pengakuan seperti itu telah dituruti oleh orang-orang besar lainnya yang ada di situ.

James Brooke mula menjalankan dasar pemerintahannya di Sarawak

Setelah James Brooke dapat bertapak sebagai Raja di Sarawak, ia pun menetapkan dasar pemerintahannya iaitu hendak memperbaiki pemerintahan di Sarawak dan hendak menyelamatkan Sarawak dari ancaman perompak laut. Di antara orang Eropah yang bertugas di bawah James Brooke pada masa itu kebanyakannya ditempatkan di luar bandar Kuching dan orang yang kuat membantu James Brooke dalam pekerjaannya ialah seorang keluarganya bernama Arthur Crookshank; dialah yang telah berusaha mengatur pentadbiran dalam pemerintahan James Brooke di Sarawak. Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin masih ada di Sarawak, dan belanja hidup mereka ditanggung oleh James Brooke. Pengeran Mahkota, akhirnya, telah dihalau keluar dari Kuching dan telah bersekutu dengan Sharif Sahap di Sadong.

James Brooke dan Kapten Henry Keppel melawan dan hendak menghapuskan perompak laut di Sarawak

Sungguhpun telah beberapa kali James Brooke memberi amaran dan mengingatkan supaya perompak laut jangan mengganggui pemerintahan di Sarawak, tetapi perompak di pantai Pulau Borneo itu masih juga menyerang dan menyamun beberapa buah tempat di Sarawak sebagai membuktikan bahawa mereka tidak suka orang putih memerintah di

Sarawak. Oleh sebab itu, pada awal tahun 1843 James Brooke pergi ke Singapura dan meminta pihak berkuasa Angkatan Tentera Laut British yang ada di Singapura membantunya dari bahaya yang dibuat oleh perompak laut itu. Semasa di Singapura, James Brooke telah berjumpa dan berkenalan dengan seorang panglima perang laut British bernama Kapten Henry Keppel dan mereka telah bersahabat baik.

Kapten Henry Keppel membawa kapal perang yang bernama *H.M.S. Dido* bersama dengan James Brooke dari Singapura dan telah sampai di Kuching pada 16 hari bulan Mei 1843. Oleh sebab Sungai Saribas dan Sungai Batang Lupar terletak dalam daerah takluk kerajaan Brunei, Kapten Henry Keppel bertanya kepada Pengeran Muda Hashim berkenaan dengan orang Iban yang tinggal di situ dan selalu datang menyerang Sarawak.(*)

Pengeran Muda Hashim mengirim surat kepada Kapten Henry Keppel

Pengeran Muda Hashim telah mengirim surat kepada Kapten Henry Keppel. Dalam surat itu antara lain Pengeran Muda Hashim mengatakan: Orang Iban dari Sungai Saribas dan Sungai Sekrang itu memanglah perompak laut yang ganas dan jahat yang berjiran dengan Sarawak (Kuching): mereka merampas barang-barang dan membunuh orang di laut; mereka mempunyai lebih 300 buah perahu perang; kadang-kadang mereka menyerang sampai ke Banjarmasin dalam perintah Belanda; mereka bukannya rakyat Sultan Brunei; mereka telah merampas dan merosakkan perdagangan antara Sarawak dengan Singapura. Demikianlah di antara perkara yang telah disebutkan oleh Pengeran Muda Hashim dalam suratnya kepada Kapten Henry Keppel, dan Pengeran Muda Hashim telah meminta Kapten Henry Keppel menghapuskan perompak laut yang jahat itu.

Surat Pengeran Muda Hashim itu telah dibalas oleh Kapten Henry Keppel yang menyatakan ia telah faham berkenaan dengan orang-orang Iban dari Saribas dan Sekrang yang menjadi perompak dan telah menyerang pantai laut Borneo serta merosakkan perdagangan antara

(*) Mengikut riwayatnya yang lebih jelas: Pengeran Mahkota telah meninggalkan bandar Kuching apabila kapal perang *H.M.S. Dido* yang diketuai oleh Kapten Henry Keppel sampai ke Kuching pada bulan Mei tahun 1843; dan sejak itulah James Brooke telah yakin bahawa Pengeran Mahkota telah mengadakan pakatan sulit dengan Sharif Sahap menentang pihak British di Sarawak.

Sarawak dengan Singapura itu. Kapten Keppel telah mengakui bahawa ia akan mengambil tindakan segera menghapuskan perompak laut itu dan perompak lain juga, dan kerajaan British merasa sukacita kerana Pengeran Muda Hashim telah bersedia bekerjasama dengan pihak British.

Kapten Henry Keppel telah bermesyuarat dengan Raja James Brooke, dan mereka telah menetapkan: pertama mereka hendak menyerang dan membinasakan kubu tempat pertahanan orang-orang Iban Saribas. James Brooke telah memberi bantuan kepada pasukan Kapten Henry Keppel iaitu orang Melayu seramai 300 orang dan Orang Iban seramai 400 orang.

Kapten Henry Keppel menyerang Orang Iban di Sungai Saribas

Pada 4 hari bulan Julai tahun 1843, angkatan perang Kapten Henry Keppel yang hendak pergi menyerang tempat Orang Iban di Sungai Saribas itu telah siap berlengkap. Pada 8 hari bulan Julai (1843) angkatan pihak British yang diketuai oleh Kapten Henry Keppel dan James Brooke telah memudiki Sungai Saribas hendak menyerang kubu kuat Orang Iban Saribas di tempat yang bernama Padeh dan Layar.

Pada 12 hari bulan Julai (1843) angkatan pihak British itu mula memerangi Orang Iban Saribas yang berkubu di Padeh dan Layar. Semasa pihak British berperang di Padeh, tiba-tiba datang Orang Dayak dari Lingga seramai 800 orang diketuai oleh Sharif Jaafar hendak menolong pihak James Brooke memerangi Orang Iban Saribas di Padeh itu, dan mengatakan mereka juga bermusuh dan selalu berperang dengan Orang Iban Saribas itu. Oleh sebab James Brooke tidak dapat membezakan antara Orang Dayak Lingga dengan Orang Iban Saribas itu, ia pun menyuruh Orang Dayak Lingga itu memakai tanda kain putih di kepala.

Tiada berapa lama berperang di Padeh, banyaklah rumah Orang Iban di situ yang dimusnahkan, dan kemudiannya di Layar, dibakar dan dibinasakan oleh pihak British. Beberapa orang ketua Orang Iban Saribas itu dengan membawa bendera putih telah datang menemui James Brooke dan Kapten Henry Keppel dan mereka mengaku kalah. James Brooke telah mengatakan kepada orang Iban itu bahawa kedatangan pihak British itu bukanlah kerana hendak mengambil tempat atau harta benda mereka; cuma untuk menghukum mereka sebab selalu datang menyerang ke Sarawak, dan James Brooke telah menasihatkan mereka

supaya meninggalkan pekerjaan merompak itu dan menjalankan penghidupan yang betul sebagai petani dan pedagang. Ketua-ketua Orang Iban itu bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh James Brooke itu; tetapi mereka telah meminta supaya James Brooke pergi menyerang dan membinasakan pula kubu-kubu di Rimbas dan di Paku, di ulu lagi, kerana jika tidak, Orang Iban di situ akan meneruskan juga pekerjaan mereka menyerang dan merompak. Oleh sebab itu angkatan perang Kapten Henry Keppel dan James Brooke itu pun mudik lagi lalu menyerang dan membinasakan pula kubu Orang Iban di Rimbas dan Paku. Setelah bertempur tiada berapa lama dengan Orang Iban di tempat itu, Rimbas dan Paku telah kalah. Beberapa pucuk meriam telah diambil dari kubu Orang Iban itu; Rimbas dan Paku telah dibakar hangus oleh pihak British. Pasukan orang Iban dan Melayu di Sungai Rimbas yang telah dikalahkan oleh pihak British itu, ditaksirkan adalah seramai 6,000 orang Iban dan 500 orang Melayu. Angkatan pihak British itu pun balik semula ke Kuching dengan kemenangan.

Tiada berapa lama lepas itu, kapal perang *H.M.S. Dido* dan Kapten Henry Keppel telah diperintahkan oleh pihak berkuasa British meninggalkan Kuching (Sarawak) pergi ke negeri China untuk menjalankan tugas di sana.

Setelah kapal perang *H.M.S. Dido* meninggalkan Sarawak, Sharif Sahap peranakan Arab ketua di Sadung itu bersama dengan Pengeran Mahkota pindah ke Sungai Batang Lupar dan mendirikan kubu yang kuat di tempat yang bernama Pemutus, kira-kira sejauh lima puluh batu mudik dari kuala Sungai Batang Lupar. Kubu Sharif Sahap di Pemutus itu telah dilengkapkan dengan meriam tembaga sebanyak 100 pucuk dan meriam besi 20 pucuk serta senjata yang lain. Sharif Mular adik Sharif Sahap itu berkubu pula pada satu tempat di ulu lagi iaitu di tempat yang bernama Undup. Sharif Jaafar yang tinggal di Lingga (di kuala Sungai Lingga) juga mempunyai kubu di situ. Sharif Sahap dan Sharif Mular mempunyai pengikut yang ramai terdiri dari Orang Melayu, tetapi pengikut mereka yang lebih ramai ialah Orang Iban Saribas. Pengikut mereka semuanya berjumlah kira-kira 10,000 orang, dan mereka disuruh (dipaksa) oleh Sharif Sahap menjalankan rompakan di laut sekitar Pulau Borneo dan harta benda yang diperolehi diserahkan kepada Sharif Sahap.

James Brooke mengalahkan Sharif Sahap di Pemutus

Pada 1 hari bulan Ogos tahun 1844 Kapten Henry Keppel dengan membawa kapal perang *H.M.S. Dido* serta sebuah kapal lagi bernama

Phlegethon dari negeri China telah sampai semula ke Sarawak (Kuching) dan telah disambut oleh James Brooke serta Pengeran Muda Hashim. Seorang daripada anak saudara James Brooke bernama Charles Johnson bertugas sebagai seorang pegawai dalam kapal perang *H.M.S. Dido* yang datang itu.

Pengeran Muda Hashim telah mengirim lagi surat kepada Kapten Henry Keppel yang sampai ke Kuching itu. Dalam surat itu Pengeran Muda Hashim mengatakan:

> Kami suka memberitahu sahabat kami bahawa rompakan di laut oleh Orang Iban Sekrang yang kami sebutkan kepada sahabat kami pada tahun lalu, masih lagi meneruskan rompakan mereka di laut dan di darat; dan ramai orang Melayu yang di bawah perintah Sharif Sahap telah dihantar mengikut atau bersama dengan perompak laut dan mendapat bahagian daripada barang-barang rompakan itu, telah pergi ke Sungai Sekrang dengan tujuan hendak mempertahankan diri mereka dan tidak mahu mengikut kehendak kita supaya memberhentikan pekerjaan merompak itu.
>
> Kami telah memberitahu sahabat kami bahawa rompakan dan perbuatan jahat yang dilakukan oleh Orang Iban Sekrang itu telah berjalan beberapa tahun lamanya dan banyak mendatangkan kerosakan kepada perdagangan dan membahayakan perahu-perahu yang belayar di pantai laut, dan pada tahun ini ramai orang yang hendak belayar ke Singapura telah merasa takut. Dengan ini kami memberitahu sahabat kami bahawa kami bermaksud hendak menamatkan semua kerja merompak itu dan hendak memenuhi perjanjian kami dengan Baginda Queen di England.

Demikianlah isi surat Pengeran Muda Hashim yang dikirimnya kepada Kapten Henry Keppel.

Pada 4 hari bulan Ogos (1844) angkatan perang Kapten Keppel dan James Brooke mengandungi kapal perang *H.M.S. Dido*, kapal *Phlegethon* dan kapal *Joly Bachelor* telah siap sedia di pelabuhan Kuching hendak pergi menyerang kubu Sharif Sahap di Pemutus. Pengeran Badaruddin adik Pengeran Muda Hashim dengan beberapa buah perahu dan orang-nya seramai 300 orang, serta Datu Petinggi Ali dan orang-orangnya, telah bersiap juga dan turut sama membantu angkatan James Brooke dan Kapten Keppel yang hendak menyerang pihak Sharif Sahap di Pemutus itu.

Pada 8 hari bulan Ogos (1844) angkatan James Brooke serta pembantunya Pengeran Badaruddin dan Datu Petinggi Ali itu telah mudik

Sungai Batang Lupar sampai ke Pemutus tempat kubu Sharif Sahap. Pasukan Sharif Sahap yang berkubu di Pemutus itu telah mula menembak dengan meriam ke arah musuh yang datang itu. Dalam pada itu dapat juga askar pihak British yang datang itu mendarat dan menyerang ke kubu Sharif Sahap dan berlakulah pertempuran. Tiada berapa lama bertempur, Sharif Sahap, Pengeran Mahkota serta beberapa orang pengikut mereka telah lari dari kubu mereka itu dengan meninggalkan banyak harta benda dalam kubu di Pemutus itu. Pihak British telah dapat menawan dari kubu di Pemutus itu 56 pucuk meriam tembaga (besar kecil), lebih satu ton ubat bedil dan 200 buah perahu kepunyaan Sharif Sahap yang tinggal di sungai dekat tempat itu telah dibinasakan juga. Kemalangan di pihak British ialah seorang pegawai mati terbunuh dan dua orang askar luka. Pemutus pun kalah. Dalam pertempuran di Pemutus itu, pihak British telah dibantu juga oleh Orang Iban Balau yang di bawah perintah Sharif Jaafar tetapi Sharif Jaafar tidak datang sama. Pada masa itulah pihak British mula mengesyaki bahawa Sharif Jaafar telah menyebelahi Sharif Sahap. Dalam rumah Pengeran Mahkota dekat Pemutus yang ditinggalkannya itu, pihak British telah menjumpai juga banyak barang dari berbagai jenis termasuk sebuah paip Orang Turki, beberapa buah kerusi yang berasal dari kapal James Brooke *"Royalist"* dan barang hadiah yang asalnya kepunyaan James Brooke.

Dari Pemutus, Kapten Henry Keppel, James Brooke, Pengeran Badaruddin dan Daru Petinggi Ali telah membawa angkatan mereka mudik lagi hendak menyerang kubu Sharif Mular di Undup pula, iaitu di Sungai Undup cabang Sungai Batang Lupar juga, jauhnya hampir lima belas batu ke ulu dari Pemusut.

Pada 12 hari bulan Ogos (1844) angkatan pihak British yang datang itu telah sampai ke Undup; tetapi mereka mendapati Sharif Mular telah lari meninggalkan tempat itu, dan beberapa orang pengikut Sharif Mular masih ada lagi dalam kubu di Undup itu. Setelah bertempur dan dapat mengalahkan orang Sharif Mular itu, iaitu pada 14 hari bulan Ogos (1844) dan Undup pun ditawan oleh James Brooke. Seorang pegawai dalam pihak British itu bernama Lt. Wade dari *H.M.S. Dido* telah terbunuh dalam pertempuran di Undup itu. Datu Petinggi Ali hampir lagi dapat menangkap Sharif Mular, tetapi Sharif Mular telah dapat lari dengan sebuah perahu. Di rumah Sharif Mular di Undup yang ditinggalkannya itu telah dijumpai tiga buah meja buatan British. Setelah pasukan James Brooke itu beroleh kemenangan di Undup mereka pun belayar balik ke Kuching.

Setelah mengalahkan Sharif Sahap di Pemutus dan Sharif Mular di

Undup, Kapten Henry Keppel bersiap pula hendak menyerang Orang Iban di Sungai Sekrang yang dianggap oleh Kapten Keppel sebagai perompak laut yang sangat ganas di Pulau Borneo; kononnya mereka itu mempunyai 10,000 orang pahlawan perang dan 100 buah perahu perang yang tiap sebuah perahu itu boleh muat dari 60 sampai 100 orang.

James Brooke menyerang Orang Iban Sekrang

Sungguhpun Pemutus dan Undup telah diserang dan dibinasakan oleh pihak British, tetapi Orang Iban Sekrang masih ramai lagi yang tinggal di kubu-kubu mereka di Sungai Sekrang terutama di kubu mereka yang kuat di ulu Sungai Sekrang di tempat yang bernama Karangan, jauhnya hampir tiga puluh batu dari kuala Sungai Sekrang.

Setelah mengambil ketetapan dalam suatu rundingan yang telah diadakan di Kuching, Kapten Henry Keppel, James Brooke, Datu Petinggi Ali dan Pengeran Badaruddin membawa angkatan mereka mudik Sungai Batang Lupar hingga ke ulunya dan mudik lagi di Sungai Sekrang, iaitu pada 17 hari bulan Ogos tahun 1844 dengan tujuan hendak menyerang Orang Iban di Sungai Sekrang.

Datu Petinggi Ali dengan beberapa orang pengikutnya telah dijadikan pasukan hadapan (vanguard) berjalan dahulu, diikuti di belakang oleh pasukan besar James Brooke yang mengandungi orang putih, Melayu dan Dayak.

Pada 19 hari bulan Ogos (1844) pasukan hadapan yang diketuai oleh Datu Petinggi Ali yang memudiki Sungai Sekrang itu telah berjumpa suatu tempat, kira-kira sejauh tiga puluh batu dari kuala Sungai Sekrang, dan di sungai pada tempat itu telah penuh tumpat dengan perahu-perahu kosong Orang Iban Sekrang mengempang pelayaran pasukan Datu Petinggi Ali itu, dan di masa itu juga, pasukan Datu Petinggi Ali itu telah diserang oleh orang Iban Sekrang dari kedua-dua belah tebing sungai itu dengan lembing, seligi, sumpitan dan sebagainya dan berlakulah pertempuran hebat antara kedua belah pihak. Setelah mendengar bunyi pertempuran yang telah berlaku itu, James Brooke dan Kapten Keppel pun dengan segera membawa angkatan mereka mudik lagi hendak membantu pasukan Datu Petinggi Ali yang telah diserang itu. Pihak British yang datang itu telah menyerang dengan meriam, roket dan bedil ke arah Orang Iban Sekrang dan mereka telah lagi ke ulu lagi. Tetapi Datu Petinggi Ali dan George Stewart yang ada bersama dalam perahu Datu Petinggi Ali serta 29 orang dalam pasukan Datu Petinggi

Ali itu telah terbunuh dalam pertempuran dengan Orang Iban Sekrang yang telah berlaku tadi, dan 56 orang mendapat luka-luka. Kubu-kubu Orang Iban Sekrang yang ada di kedua belah tebing sungai itu telah dibinasakan oleh pasukan James Brooke. Dari situ tidaklah pula pasukan pihak British itu mudik lagi di Sungai Sekrang mengejar orang-orang Iban itu, sebaliknya mereka kembali ke Kuching (Sarawak).

Sungguhpun Kapten Henry Keppel dan James Brooke yang menyerang Sungai Sekrang itu telah beroleh kemenangan, tetapi James Brooke merasa sangat kesal oleh kematian sahabat dan pembantunya Datu Petinggi Ali yang gagah perkasa itu. Orang Melayu di Kuching juga berdukacita akan kematian beliau itu. Raja James Brooke telah mengangkat menantu Datu Petinggi Ali yang bernama Abdul Ghafur menjadi Datu Petinggi menggantikan Allahuyarham mertuanya itu.

James Brooke mengalahkan Sharif Sahap dan kawan-kawannya

Lepas itu Kapten Henry Keppel dan James Brooke Raja Sarawak telah mendapat berita mengatakan Sharif Sahap dan Pengeran Mahkota yang telah mereka kalahkan itu telah bersatu dengan Sharif Jaafar di Lingga dan telah mengumpulkan orang mereka hendak meneruskan penentangan terhadap James Brooke di Sarawak (Kuching).

Kapten Keppel dan James Brooke telah membawa angkatan perang mereka pergi memudiki Sungai Batang Lupar hendak menyerang kubu Sharif Jaafar di Lingga yang telah bersatu dengan Sharif Sahap dan Pengeran Mahkota itu. Apabila Keppel dan James Brooke sampai di Lingga, mereka mendapati Sharif Sahap dan adiknya Sharif Mular telah lebih dahulu melarikan diri meninggalkan tempat itu, dan mereka telah pergi ke sempadan Sarawak-Kalimantan perintah Belanda; banyak batu permata kepunyaan Sharif Sahap telah ditinggalkan di rumahnya di Lingga. Pengeran Mahkota telah dapat ditangkap dibawa ke Kuching dan kemudiannya dihantar dengan kapal *Phlegethon* balik ke Brunei. Sharif Jaafar telah dipecat dari jawatannya sebagai ketua di Lingga tetapi dibenarkan tinggal di Sadung.

Sharif Sahap yang melarikan diri ke Kalimantan itu telah pergi ke Kapuas; kemudian pergi pula ke Pontianak dan akhirnya ia meninggal dunia di sana. Sharif Mular, tidak lama kemudian, telah datang semula ke Kuching menyerah diri dan minta ampun kepada Raja Sarawak (James Brooke). Sharif Mular telah diampunkan dan dibenarkan tinggal di Sekrang (Akhirnya ia meninggal dunia di Sekrang).

British mempengaruhi Sultan Brunei

Pada awal bulan Oktober tahun 1844, Pengeran Muda Hashim dan adiknya Pengeran Badaruddin serta anak isteri dan beberapa orang pengiring mereka yang ada di Sarawak (Kuching) telah dibawa oleh James Brooke dengan kapal *Phlegethon* pergi ke Brunei. Turut sama pergi ialah kapal perang British yang bernama *H.M.S. Samarang* yang membawa seorang pegawai British bernama Kapten Sir Edward Belcher yang hendak menemui Sultan Brunei.

Kedatangan mereka ke Brunei telah diterima dengan baik oleh Sultan Brunei, Sultan Umar Ali Saifuddin II, kecuali Pengeran Yusuf Perdana Menteri kerajaan Brunei masa itu yang telah mempengaruhi Sultan Brunei. Pengeran Yusuf tidak suka melihat kedatangan pegawai British itu, kerana ia percaya mereka tentu hendak menjalankan sesuatu muslihat bagi faedah British.

Dalam perjumpaan dengan Sultan Brunei di balai penghadapan baginda di bandar Brunei, James Brooke dan Kapten Sir Edward Belcher telah mencadangkan kepada baginda supaya Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin (keduanya ayah saudara baginda) diberikan semula jawatan dan pangkat mereka sebagai keluarga diraja Brunei.

Pada masa itulah juga Sultan Brunei dan Pengeran Muda Hashim telah menulis surat yang hendak dikirimkan kepada Queen Victoria, Raja British, meminta supaya kerajaan British bertindak menghapuskan perompak laut yang sedang mengganas di laut sekitar Pulau Borneo, dan dalam surat itu juga Sultan Brunei serta Pengeran Muda Hashim menyatakan bahawa mereka bersetuju menyerahkan Pulau Labuan, sebuah pulau takluk kerajaan Brunei, kepada kerajaan British. Surat itu telah diberikan oleh Sultan Brunei kepada James Brooke supaya disampaikan kepada Queen Victoria. Setelah selesai berbincang dengan Sultan Brunei, James Brooke dan Kapten Belcher telah meninggalkan Brunei belayar pergi ke Pulau Labuan memeriksa pulau itu.

Pengeran Yusuf memang benci kepada orang British yang hendak masuk campur dalam hal-ehwal pemerintahan kerajaan Brunei itu, juga kepada Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin yang suka berbaik-baik dengan orang British itu. Oleh sebab itu Pengeran Yusuf telah bersekutu dengan Sharif Uthman seorang peranakan Arab yang berpengaruh dan menjadi ketua pemerintah di Marudu, di pantai utara Pulau Borneo (Dalam negeri Sabah sekarang). Di tempat Sharif Uthman di Marudu itu telah didirikannya beberapa buah kubu yang kuat dan lengkap dengan senjatanya.

Sejak Pengeran Yusuf bersekutu dengan Sharif Uthman di Marudu, mereka telah memerintahkan pengikut mereka yang ramai itu melakukan rompakan di laut terutama merompak kapal-kapal orang Eropah. Beberapa orang British dan orang yang menyebelahi British telah ditangkap dan dikurung dalam kubu Sharif Uthman di Marudu. Sementara itu Pengeran Yusuf telah cuba mempengaruhi fikiran Sultan Brunei supaya baginda benci kepada Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin. Pendeknya, hasad dengki di antara orang-orang besar di Brunei masa itu sedang menjadi-jadi kerana masing-masing hendak berebut kuasa dan pengaruh dalam pemerintahan kerajaan Brunei.

British mengalahkan Sharif Uthman di Marudu; Pengeran Badaruddin mengalahkan Pengeran Yusuf

Pada bulan Februari tahun 1845, kerajaan British telah melantik James Brooke menjadi Wakil Kerajaan British (British Agent) di Pulau Borneo iaitu selain daripada pangkatnya sebagai Raja Sarawak. Semenjak menerima surat Sultan Brunei yang hendak disampaikan kepada Queen Victoria itu, terbukalah peluang James Brooke hendak mengingatkan kerajaan British supaya bertindak segera melawan Sharif Uthman di Marudu yang menggalakkan kejadian merompak itu.

Dari Brunei, James Brooke telah pergi ke Singapura dan di sana ia telah berjumpa dengan Rear-Admiral Thomas Cochrane yang menjadi panglima perang laut British di Singapura masa itu, dan menceritakan kepadanya keadaan dan hal-ehwal yang sedang berlaku di Brunei dan Marudu. Setelah beberapa kali James Brooke berjumpa dan beramah dengan Thomas Cochrane, akhirnya dia berjanji kepada James Brooke bahawa ia akan datang ke Borneo, berjumpa Sultan Brunei dan akan menyerang Marudu.

Pada 8 hari bulan Ogos tahun 1845 itu juga, Thomas Cochrane dengan satu angkatan mengandungi beberapa buah kapal Kompeni Inggeris (East India Company) telah sampai di Brunei. Thomas Cochrane dan James Brooke telah menemui Sultan Brunei di balai penghadapan baginda. Dalam perjumpaan itulah Thomas Cochrane telah menyatakan kepada Sultan Brunei (menerusi jurubahasa) ia akan menyerang dan membinasakan kubu Sharif Uthman di Marudu, kerana Sharif Uthman telah menggalakkan kejadian merompak, dan menangkap serta mengurung beberapa orang rakyat British dalam kubunya di Marudu itu. Thomas Cochrane telah juga meminta Sultan Brunei supaya memecat Pengeran Yusuf serta beberapa orang pengeran lagi kawannya

yang selalu membuat kacau di Brunei dan telah bersekutu pula dengan Sharif Uthman. Tetapi Sultan Brunei telah menyuruh Thomas Cochrane sendiri menjalankan pemecatan itu, kerana baginda tidak dapat menguasai Pengeran Yusuf.

Kedatangan Thomas Cochrane dengan angkatan kapal perang ke Brunei dan hendak memecat Pengeran Yusuf itu, tidaklah dibiarkan oleh Pengeran Yusuf dijalankan begitu sahaja; sebaliknya Pengeran Yusuf serta orang Brunei yang menyebelahinya telah menyiapkan kelengkapan di rumah Pengeran Yusuf untuk memerangi dan menghalau orang British yang datang itu. Tetapi tindakan Pengeran Yusuf menyediakan kelengkapan itu telah disampaikan oleh Pengeran Muda Hashim kepada Thomas Cochrane. Oleh sebab itu, dengan tidak berlengah lagi, Thomas Cochrane pun membawa askarnya pergi menyerang rumah Pengeran Yusuf. Setelah berlaku pertempuran antara kedua belah pihak seketika lamanya, Pengeran Yusuf pun keluar dari rumahnya lari menyembunyikan diri dengan meninggalkan banyak meriam dan harta kekayaannya emas perak dan batu permata di rumahnya, dan semuanya itu telah diambil oleh Thomas Cochrane dan diserahkannya kepada Sultan Brunei dan Pengeran Muda Hashim. Tiada lama lepas itu, Thomas Cochrane telah meninggalkan Brunei membawa kapal angkatan perangnya belayar menuju ke Marudu tempat Sharif Uthman yang hendak diserangnya itu.

Dua hari selepas Thomas Cochrane dan angkatan perangnya meninggalkan Brunei, Pengeran Yusuf dengan membawa dua ratus orang askarnya, datang semula ke Brunei dan berkubu pada sebuah bukit kecil dekat rumahnya yang telah binasa itu. Pengeran Badaruddin dengan segera mengumpulkan pasukan perangnya dan melawan pihak Pengeran Yusuf yang datang itu. Setelah berlaku pertempuran yang agak hebat juga tetapi tidak lama, Pengeran Yusuf pun kalah dan lari meninggalkan tempat itu dan telah dikejar pula oleh askar Pengeran Badaruddin. Akhirnya, Pengeran Badaruddin mendapati bahawa orang-orang dalam pasukan Pengeran Yusuf telah meninggalkan Pengeran Yusuf, dan Pengeran Yusuf sendiri juga telah meninggalkan anak isteri dan harta bendanya. Isteri dan anak-anak serta harta benda Pengeran Yusuf yang tinggal itu telah dibawa dan diserahkan oleh Pengeran Badaruddin kepada Sultan Brunei. Sejak itu hilanglah segala kebesaran dan kemegahan Pengeran Yusuf yang telah dibanggakannya selama ini, dan tidak ada lagi rakyat Brunei yang mahu menjadi pengikutnya melawan Kesultanan Brunei. Telah menjadi buah mulut dalam masyarakat Orang

Melayu di Brunei masa itu terhadap Pengeran Yusuf dengan mengatakan: lebih baik mati melawan daripada melarikan diri sebagai pengecut.

British mengalahkan Sharif Uthman di Marudu

Angkatan perang Thomas Cochrane yang pergi ke Marudu itu, pada 19 hari bulan Ogos tahun 1845 telah bertempur dengan angkatan perang Sharif Uthman di Teluk Marudu berhadapan dengan kubu Sharif Uthman yang kuat itu. Setelah beberapa jam lamanya kedua belah pihak itu bertempur dengan hebatnya, kesudahannya pihak Sharif Uthman telah dikalahkan, dan beliau sendiri telah luka parah dan dibawa oleh orang-orangnya lari ke dalam hutan. Dalam pertempuran itu, seramai dua puluh orang dari pihak British telah terbunuh dan luka. Seorang daripada yang mati itu ialah pegawai British yang bernama Lt. Gibbard. Charles Johnson anak saudara James Brooke yang bekerja sebagai penolong mualim dalam kapal yang bernama *Wolverin* telah mengambil bahagian cergas dalam pertempuran di Teluk Marudu itu. Apabila Thomas Cochrane dengan pegawai di bawahnya masuk ke dalam kubu Sharif Uthman di Marudu itu, mereka telah menemui banyak barang-barang Orang Eropah yang disimpan dalam kubu itu, dan nyatalah barang-barang itu telah dirompak oleh orang-orang Sharif Uthman.

Sharif Mular menyerang Sarawak

Sharif Mular di Sekrang yang telah diampunkan oleh Raja Sarawak (James Brooke) itu, telah bersekutu dengan Sharif Ahmad bin Sharif Jaafar dan mereka telah berbaik-baik dengan Orang Iban Sekrang. Dalam bulan Oktober tahun 1845, Sharif Mular bersama dengan Sharif Ahmad dan Sharif Abu Bakar telah dapat membawa satu angkatan perang terdiri daripada Orang-orang Iban Sekrang di bawah pimpinan ketua mereka yang bernama Apai Beragai, pergi menyerang pihak James Brooke di Sarawak (Kuching). Pihak James Brooke di Kuching yang terdiri daripada orang Melayu dan Iban Balau telah melawan dengan gagahnya serangan pihak Sharif Mular yang datang itu. Orang Iban Balau itu telah berjaya mengalahkan pihak Sharif Mular dan telah dapat merampas lapan belas buah perahu, serta banyak senjata api dan peluru dari pasukan sharif Mular itu dan telah membunuh Apai Beragai ketua Orang Iban Sekrang itu. Tetapi Sharif Mular, Sharif Ahmad dan Sharif

Abu Bakar telah dapat melepaskan diri lari ke dalam hutan. Tidaklah berhasil cita-cita Sharif Mular hendak mengalahkan pihak James Brooke di Sarawak.

Tiada lama selepas itu, Sharif Mular dan kawan-kawannya telah balik ke Sekrang dan berbaik-semula dengan Orang Iban di situ.

Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin meninggal dunia

Setelah Pengeran Yusuf meninggal dunia di Kimanis pada tahun 1846, seorang yang bernama Haji Saman telah diangkat menjadi penasihat Sultan Brunei, Sultan Umar Ali Saifuddin II. Pada masa itulah juga Sultan Brunei telah melantik ayah saudara baginda Pengeran Muda Hashim menjadi bakal Sultan dan digelar Sultan Muda.

Dalam pada itu, perlantikan itu tidaklah dengan sebenarnya disukai oleh Sultan Brunei; baginda lebih suka putera baginda sendiri yang akan menggantikan kerajaan. Oleh sebab itu Sultan Brunei telah membuat satu pakatan sulit hendak membunuh Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin. Gerombolan sulit itu diketuai oleh Haji Saman. Rancangan Sultan Brunei hendak membunuh Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin itu dibantu juga oleh seorang anak angkat Sultan Brunei bernama Pengeran Hashim yang telah beristerikan anak Pengeran Yusuf, dan Pengeran Hashim ini seperti mendiang ayah mertuanya juga, tidak suka kepada orang British dan kepada orang yang menyebelahi British seperti Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin.

Pada suatu hari dalam bulan Mac tahun 1846, satu kumpulan orang-orang Sultan Brunei seramai lebih kurang lima puluh orang lengkap bersenjata, diketuai oleh Haji Saman, telah datang mengelilingi dan membakar rumah Pengeran Muda Hashim. Pengeran Muda Hashim yang ada dalam rumah itu telah dapat membawa anak isteri dan adik-adiknya serta beberapa orang pengiringnya keluar dari rumah itu, pergi ke tepi sungai menaiki perahu pergi menyeberangi sungai itu. Haji Saman dan orang-orangnya telah mengejar Pengeran Muda Hashim dan rombongannya itu. Tetapi oleh sebab ada beberapa orang pengiringnya, dapat juga Pengeran Muda Hashim bertahan sebentar melawan serangan gerombolan Sultan Brunei itu. Dalam pertempuran itu adik-adik Pengeran Muda Hashim telah gugur, ada yang terbunuh dan ada yang luka. Tetapi akhirnya dapat juga gerombolan yang diketuai oleh Haji Saman itu menun-

dukkan pihak Pengeran Muda Hashim. Pengeran Muda Hashim telah meminta kebenaran Haji Saman untuk menghantar utusan kepada Sultan Brunei memohon supaya ia tidak dibunuh. Permintaan Pengeran Muda Hashim itu telah dibenarkan oleh Haji Saman. Tetapi Sultan Brunei telah menolak permintaan Pengeran Muda Hashim itu.

Oleh sebab Pengeran Muda Hashim telah yakin ia akan dibunuh, ia pun masuk ke sebuah perahu yang kebetulan ada tertambat di tepi sungai itu dengan membawa sekotak besar ubat bedil. Pengeran Muda Hashim telah memanggil baki orangnya yang ada lagi itu datang berkumpul ke dekat perahu itu. Setelah mereka berkumpul dekat perahu itu, Pengeran Muda Hashim pun meletupkan ubat bedil itu dan semua pengikutnya yang berhampiran dengan perahu itu telah terbunuh oleh letupan ubat bedil itu. Kebetulan, Pengeran Muda Hashim tidak pula terbunuh dalam letupan ubat bedil itu. Tetapi ia telah berazam tidak mahu dirinya tertangkap hidup-hidup atau disembelih oleh musuhnya. Oleh sebab itu Pengeran Muda Hashim pun menembak kepalanya dengan pistolnya hingga berhamburan isi kepalanya dan di situ juga ia meninggal dunia. Demikianlah riwayatnya kematian Pengeran Muda Hashim.

Semasa gerombolan yang diketuai oleh Haji Saman pergi menuju ke rumah Pengeran Muda Hashim tadi, ada pula satu pasukan orang Sultan Brunei yang lainnya, telah pergi menyerang rumah Pengeran Badaruddin dengan tujuan hendak membunuh Pengeran Badaruddin juga. Sungguhpun kedatangan pasukan Sultan Brunei itu dengan mengejut sahaja, tidak disangka-sangka oleh Pengeran Badaruddin, tetapi Pengeran Badaruddin serta beberapa orang pengikutnya yang kebetulan sedang berkumpul di rumah itu, telah melawan pasukan yang datang menyerang itu. Seorang demi seorang pihak Pengeran Badaruddin itu mati ditembak atau disembelih oleh pihak penyerang yang lebih ramai itu. Pengeran Badaruddin telah melawan dengan bersungguh-sungguh dengan tidak mengira apa-apa lagi, dan telah dapat membunuh beberapa orang daripada kumpulan penyerang itu. Tetapi pergelangan tangan kiri Pengeran Badaruddin telah kena tembak, bahu dan dadanya telah luka parah kena tetak, dan tangan kanannya telah terkulai tidak berdaya lagi, kepala dan mukanya pun telah luka-luka. Seorang adik perempuan Pengeran Badaruddin, dan seorang perempuan gundiknya bernama Nur Salam, serta seorang hambanya bernama Jaafar, tidak bercerai dari sisi Pengeran Badaruddin walaupun yang lainnya telah mati terbunuh dan telah lari keluar meninggalkan rumah itu.

Sedang kacau-bilau yang berlaku di malam hari itulah juga, Pengeran

Badaruddin berempat dengan adik perempuannya, Nur Salam dan Jaafar telah dapat melepaskan diri keluar dari rumah itu dan pergi bersembunyi ke sebuah rumah lain yang terletak jauh dari situ. Apabila mereka berempat sampai ke rumah itu, Pengeran Badaruddin pun memerintahkan Jaafar membuka sebuah kotak besar berisi ubat bedil dan menaburkan sebagai sebuah bulatan di atas lantai rumah itu. Setelah itu Pengeran Badaruddin mencabut sebentuk cincin dari jarinya (cincin yang diberi kepadanya oleh James Brooke dahulu) dan memberikan cincin itu kepada Jaafar dan menyuruh Jaafar lari meninggalkan Brunei pergi memberikan cincin itu kepada James Brooke di Sarawak (Kuching) serta menyampaikan pesannya supaya James Brooke jangan melupakan sahabatnya dan memberitahu akan nasibnya di Brunei kepada Queen di England. Setelah Jaafar keluar dari rumah itu, Pengeran Badaruddin pun meletupkan ubat bedil dalam rumah itu; Pengeran Badaruddin bersama dengan adik perempuan dan gundiknya telah meninggal dunia di situ. Demikianlah pula riwayat kematian Pengeran Badaruddin.

British menyerang Brunei

Sebelum Jaafar dapat meninggalkan Brunei, ia telah ditangkap oleh orang-orang Sultan Brunei yang telah dapat tahu Jaafar ada membawa cincin Pengeran Badaruddin yang hendak disampaikan kepada James Brooke di Sarawak. Jaafar telah dipanggil datang ke istana Sultan Brunei. Cincin itu telah diambil oleh Sultan Brunei dan Jaafar dihalau keluar dari istana. Walau bagaimanapun Jaafar telah dapat berlindung diri kepada seorang keluarga diraja Brunei yang memang tidak suka kepada Sultan Brunei, bernama Pengeran Muhammad.

Setelah dua bulan lamanya Jaafar tinggal bersama dengan Pengeran Muhammad, terdengar berita mengatakan ada sebuah kapal perang British bernama *H.M.S. Hazard*, diketuai oleh Kapten Egerton, sedang berlabuh di laut tiada berapa jauh dari Brunei dan hendak masuk ke Brunei. Pengeran Muhammad telah melarikan Jaafar pergi ke kapal perang itu dan memberitahu kaptennya supaya jangan masuk ke Brunei, dengan alasan kerana pada masa itu Sultan Brunei sedang melengkapkan kubu-kubu di Brunei dan hendak memerangi sebarang kapal orang putih yang masuk ke Brunei. Jaafar telah meminta Kapten Egerton supaya ia dibawa ke Sarawak kerana ia hendak menyampaikan pesan Pengeran Badaruddin kepada Raja Sarawak (James Brooke). Kebetulan pula Kapten Egerton juga memang hendak belayar ke Sarawak apabila di-

dengarnya hal yang sedang berlaku di Brunei itu.

H.M.S. Hazard telah sampai di Sarawak (Kuching) pada 30 hari bulan Mac (1846). Pada masa itulah James Brooke mula mendengar, dari Jaafar, berita kemalangan nasib sahabat baiknya Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin yang telah meninggal dunia itu. Di samping berdukacita itu, James Brooke sangat marah di atas perbuatan Sultan Brunei dan orang-orang besar baginda yang tiada menaruh rasa peri kemanusiaan terhadap jiwa manusia itu. Selain dari Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin, khabarnya berpuluh orang lagi kaum keluarga diraja Brunei yang telah dibunuh oleh Sultan Brunei. James Brooke telah menetapkan fikirannya akan menyerang Brunei dan menuntut bela di atas kematian sahabatnya itu.

Semasa Pengeran Muda Hashim dan Pengeran Badaruddin meninggal dunia di Brunei, Sir Thomas Cochrane dengan kapal perang *H.M.S. Agincourt* ada di Madras. Apabila Thomas Cochrane menerima surat panggilan dari James Brooke Raja Sarawak, ia telah bertolak membawa sebuah angkatan mengandungi kapal perang *H.M.S. Agincourt, H.M.S. Iris* (Nakhodanya Kapten Rodney Mundy), *H.M.S. Hazard,* serta kapal yang bernama *Spiteful, Phlegethon* dan *Ringdove,* belayar menuju ke Sarawak.

Apabila Thomas Cochrane sampai di Sarawak dan berjumpa Raja Sarawak (James Brooke), di Kuching sedang heboh terdengar berita dan perbualan orang mengatakan hal-hal dan tindakan yang dilakukan oleh Sultan Brunei di Brunei. Ramai bumiputera di Brunei yang telah lari datang menyelamatkan diri ke Sarawak, kerana tidak tahan oleh perbuatan zalim Sultan Brunei dan orang-orang besar baginda yang mengisap darah itu. Di Brunei masa itu sedang dalam keadaan bertahan seperti hendak berperang; kubu-kubu telah dilengkapkan dengan senjata dan askar, dan lima orang perajurit pilihan lengkap bersenjata sedang berjaga-jaga dalam bandar negeri itu. Kubu-kubu bermeriam di Pulau Chermin di hadapan Sungai Brunei yang telah dibinasakan pada masa Pengeran Muda Hashim dahulu telah didirikan semula; di tengah-tengah bandar Brunei, beberapa pucuk meriam tembaga besar telah diletakkan di beberapa buah tempat yang telah ditinggikan tanahnya.

Sir Thomas Cochrane hanya berada sehari sahaja di Kuching, esoknya, pada 23 hari bulan Jun (1846) bersama dengan James Brooke mereka bertolak dengan angkatan kapal perang yang disebutkan itu menuju ke Brunei. Sebelum mereka bertolak, apabila penduduk Kuching dapat tahu bahawa Raja Sarawak pergi sama dengan angkatan perang itu hendak memerangi Brunei, mereka merasa megah dan ber-

sorak-sorai. Ramai ketua puak Orang Melayu, Dayak dan Cina datang ke pangkalan berjumpa dan memberi selamat jalan kepada James Brooke dan Sir Thomas Cochrane.

Setelah bertolak dari Kuching, mereka pergi dahulu memudiki Sungai Batang Rejang memeriksa Sarikei dan Kanowit di sungai itu. Lepas itu baharulah Thomas Cochrane dan James Brooke belayar menuju ke Brunei dan telah sampai ke kuala sungai arah ke bandar Brunei pada 6 hari bulan Julai (1846).

Tiada lama lepas itu, datang sebuah perahu dari arah bandar Brunei membawa beberapa orang dengan seorang ketua mereka yang berpakaian yang mengkagumkan dan berpayung kuning menuju ke kapal perang *Agincourt* dan menyampaikan sepucuk surat kepada Thomas Cochrane dan James Brooke. Surat itu bercap dengan mohor Sultan Brunei, mohor Pengeran Mukmin Perdana Menteri Brunei, dan juga mohor Pengeran Muhammad. Kandungan surat itu ialah: tidak membenarkan orang British yang datang itu masuk ke bandar Brunei tempat semayam Sultan Brunei. Dalam pada itu James Brooke yakin bahawa Pengeran Muhammad yang ada cap mohornya dalam surat itu, tentulah telah dipaksa oleh Sultan Brunei, kerana James Brooke tahu adapun Pengeran Muhammad itu seorang yang suka bersahabat dengan orang British.

Sungguhpun orang British yang datang itu tidak dibenarkan oleh Sultan Brunei masuk ke bandar Brunei, tetapi esoknya, pada 7 hari bulan Julai (1846), angkatan British itu mudik juga menuju ke bandar Brunei dengan didahului oleh kapal *Phlegethon* yang membawa askar laut seramai dua ratus orang dan kelasi seramai empat ratus orang yang telah siap dengan senjata seperti orang hendak berperang. Pada pukul 10.30 pagi itu juga, lebih kurang enam batu lagi hendak sampai ke bandar Brunei, angkatan British itu telah nampak di hadapan, pada sebuah tanjung di tepi sungai itu, empat kumpulan pasukan meriam dengan orangnya berbaju merah yang kelihatan telah bersedia hendak menembakkan meriam mereka. Kemudiannya telah diketahui bahawa pasukan meriam Sultan Brunei yang kelihatan itu diketuai oleh Haji Saman.

Ada kira-kira seribu ela lagi jarak antara kapal *Phlegethon* dengan tempat pasukan meriam Sultan Brunei itu, tiba-tiba pasukan itu telah menembak arah ke kapal British yang datang itu, dan tembakan itu telah dibalas oleh pihak British dan berlakulah pertempuran antara kedua belah pihak. Dalam pada itu, sebuah kapal yang diketuai oleh Kapten Rodney Mundy telah menyerang dan mengalahkan pasukan meriam Sultan Brunei itu dan telah merampas peluru serta menyum-

bat semua muncung meriam yang ada di situ dengan kayu kecuali tiga buah meriam tembaga besar yang sangat cantik dan telah diambil oleh orang British itu. Beberapa buah kapal British yang datang itu telah meneruskan pelayaran mudik lagi hingga berlabuh pada suatu tempat di sungai itu kira-kira setengah batu lagi hendak sampai ke bandar Brunei, kerana mereka hendak makan tengahari di situ.

Esoknya, pada 8 hari bulan Julai (1846), baharulah angkatan perang British yang diketuai oleh Sir Thomas Cochrane dan James Brooke dengan dibantu oleh beberapa orang kapten kapal termasuk Kapten Rodney Mundy, menyerang bandar Brunei tempat semayam Sultan Brunei. Setelah bertempur begitu lamanya, Brunei pun kalah. Pegawai dan askar British telah masuk ke bandar Brunei; mereka mendapati bandar itu telah lengang, semua penduduknya telah meninggalkan bandar itu lari ke dalam hutan. Beberapa orang tawanan Sultan Brunei yang ada dalam penjara di bandar itu, telah memberitahu orang British bahawa Sultan Brunei dengan lima ratus orang pengawal peribadi baginda telah lari pergi ke sebuah kampung bernama Damuan sejauh kira-kira tiga puluh batu dari bandar Brunei dan baginda telah berkubu pula di situ hendak meneruskan penentangannya terhadap British.

Satu pasukan pihak British seramai seratus enam puluh orang askar laut dan tiga ratus orang kelasi diketuai oleh Kapten Rodney Mundy telah diperintahkan pergi mengejar Sultan Brunei ke Damuan. Dengan susah payah kerana hujan lebat dan menempuh kawasan yang berpaya, akhirnya sampai juga pasukan Kapten Mundy itu ke Damuan. Tetapi Kapten Mundy tidak dapat berjumpa Sultan Brunei di situ, kerana baginda telah terlebih dahulu meninggalkan tempat itu. Kapten Mundy membawa pasukannya balik semula ke bandar Brunei. Haji Saman juga telah lari dan meninggalkan anak isterinya di Brunei.

Tiada lama lepas itu, Pengeran Mukmin, Pengeran Muhammad serta beberapa orang besar Brunei yang tidak menentang pihak British, telah keluar dari dalam hutan tempat persembunyian mereka balik semula ke bandar Brunei. Sir Thomas Cochrane telah mengajak mereka berunding. Dalam perundingan itu Cochrane telah mencadangkan supaya Pengeran Mukmin dengan dibantu oleh Pengeran Muhammad cuba berikhtiar memujuk dan mengajak orang Brunei yang telah lari masuk hutan itu balik semula ke rumah mereka di bandar Brunei. Cochrane telah memberikan jaminan bahawa jiwa dan harta benda kepunyaan penduduk bandar Brunei itu tidak akan dipengapakan oleh orang British. Cadangan ketua pihak British itu telah disetujui oleh Pengeran Mukmin dan Pengeran Muhammad melaksanakannya.

Beberapa hari sahaja lepas itu, penduduk bandar Brunei yang bersembunyi dalam hutan telah balik semula ke bandar Brunei dengan membawa barang kepunyaan mereka, dan bandar Brunei telah kembali pulih. Kepercayaan penduduk bandar Brunei terhadap keamanan dan ketenteraman seperti sediakala telah kembali semula, dan pihak British selalu mengadakan permainan muzik di tanah lapang untuk tontonan penduduk bandar Brunei.

Pada 19 hari bulan Julai (1846) Sir Thomas Cochrane telah menjemput Pengeran Mukmin, Pengeran Hashim dan beberapa orang besar Brunei datang berhimpun ke tempat Cochrane. Dalam perhimpunan itu Sir Thomas Cochrane telah menyuruh James Brooke membacakan satu surat perisytiharan dalam bahasa Melayu, iaitu pihak British meminta supaya Sultan Brunei balik semula ke bandar Brunei, dan hendaklah baginda menjauhkan diri daripada bersubahat dengan kegiatan merompak, dan baginda hendaklah mentaati semua syarat dalam perjanjian yang telah dibuat dengan kerajaan British; tidak ada apa-apa tindakan menentang baginda yang akan dilakukan oleh pihak British. Tetapi jika baginda gagal memenuhi syarat yang disebutkan itu, British akan datang lagi dan akan membakar bandar Brunei hingga habis binasa. Demikianlah yang tersebut dalam surat perisytiharan itu, dan surat itu telah diberikan kepada Pengeran Mukmin dan Pengeran Hashim supaya disampaikan kepada Sultan Brunei yang sedang bersembunyi dalam hutan itu. Setelah itu, dalam bulan Julai itu juga, sebelum Sultan Brunei balik ke bandar Brunei, Sir Thomas Cochrane telah meninggalkan Brunei dan James Brooke kembali ke Sarawak.

British menyerang Haji Saman di Membakut

Haji Saman yang keluar dari Brunei, telah membuat kubu pada suatu tempat bernama Membakut tiada berapa jauh dari Kimanis. Sejak Haji Saman berada di Membakut, ia telah berkuasa di tempat itu dan telah dapat menarik orang-orang yang tinggal di sekitar tempat itu menyebelahinya.

Pada pertengahan bulan Ogos tahun 1846, satu pasukan perang pihak British yang diketuai oleh Kapten Rodney Mundy dan dibantu oleh James Brooke, telah pergi mudik Sungai Membakut hendak menyerang kubu Haji Saman di Membakut. Apabila mendengar khabar pasukan orang British hendak datang menyerang ke tempatnya itu, Haji Saman pun melengkapkan pasukan perangnya serta menguatkan tiga buah kubunya di tepi Sungai Membakut.

Pada 16 hari bulan Ogos (1846) angkatan perang pihak British itu telah datang menyerang dan berjaya mengalahkan berturut-turut dua buah kubu Haji Saman yang ada di tepi Sungai Membakut; kubu-kubu itu telah dibinasakan oleh askar pihak British; sebuah rumah besar Haji Saman yang ada di situ telah dibinasakan. Dari situ mereka mudik lagi menuju ke kubu yang ketiga iaitu di tempat kediaman Haji Saman.

Esoknya, pada 17 hari bulan Ogos (1846), setelah belayar mudik selama tiga jam, sampailah angkatan perang pihak British itu ke tempat dan kubu Haji Saman. Askar pihak British telah mendarat dan berlakulah pertempuran hebat antara kedua belah pihak menggunakan senapang dan senjata lain. Kesudahannya Membakut dan Haji Saman dapat dikalahkan dan mereka melarikan diri ke dalam hutan. Sejak itu tidak pernahlah lagi Haji Saman melawan pihak British. Dalam pertempuran di Membakut itu, di pihak British seorang terbunuh dan empat belas orang luka. Esoknya, pada 18 hari bulan Ogos (1846), James Brooke Raja Sarawak telah bertolak dengan kapal *Phlegethon* pergi ke Brunei, dan Kapten Mundy tinggal memeriksa tempat di sekitar Membakut dan Kimanis, kemudian baharu ia balik ke Brunei.

Pulau Labuan diserahkan kepada kerajaan British

Pada 19 hari bulan Ogos tahun 1846 James Brooke dengan kapal *Phlegethon* datang semula ke Brunei. Didapatinya Sultan Brunei belum lagi keluar dari hutan untuk kembali ke bandar Brunei. James Brooke telah menghantar utusannya kepada Sultan Brunei yang masih berada dalam hutan dan mengatakan bahawa keselamatan baginda akan dijamin oleh pihak British jika baginda balik ke bandar Brunei. Setelah menerima utusan dan pengakuan Raja Sarawak itu, Sultan Brunei pun berangkat kembali ke bandar Brunei dan baginda telah meminta maaf kepada James Brooke kerana kelambatan baginda balik ke bandar Brunei. Pada akhir bulan Ogos (1846) itu juga James Brooke balik ke Sarawak.

Tiga bulan setengah selepas itu, pada pertengahan bulan Disember tahun 1846, Kapten Rodney Mundy dengan dua buah kapal dari Singapura telah sampai ke Sarawak dan telah berunding dengan James Brooke mengenai tugasnya hendak pergi berjumpa Sultan Brunei dan hendak mengambil Pulau Labuan seperti yang dijanjikan oleh Sultan Brunei.

Pada 15 hari bulan Disember (1846) Kapten Mundy telah sampai ke Brunei. Tiga hari lepas itu, pada 18 hari bulan Disember (1846), Kapten

Mundy bagi pihak kerajaan British telah membuat surat perjanjian dengan Sultan Umar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei yang menyerahkan Pulau Labuan kepada kerajaan British. Dalam surat perjanjian itu ada tersebut tiga syarat seperti yang dinyatakan di bawah ini (diterjemahkan dari bahasa Inggerisnya):—

(1) Keamanan, persahabatan dan persefahaman yang baik akan berkekalan buat selama-lamanya di antara Yang Maha Mulia Queen Great Britain dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

(2) Dengan ini Yang Maha Mulia Sultan (Brunei) menyerahkan Pulau Labuan dan daerah-daerahnya kepada Yang Maha Mulia Queen Great Britain.

(3) Sebagai balasan kepada penyerahan itu, kerajaan Yang Maha Mulia Queen Great Britain berjanji akan menggunakan segala kuatkuasanya menghapuskan rompakan di laut dan melindungi kapal yang belayar mengikut undang-undang, dan Sultan Brunei serta menteri-menteri baginda berjanji akan memberi pertolongan kepada pihak berkuasa British.

Ramai orang besar Brunei hanya bersetuju kepada syarat pertama dan kedua dalam perjanjian itu, dan mereka tidak bersetuju dengan kandungan dalam syarat ketiga yang mengatakan mereka akan memberi pertolongan kepada pihak berkuasa British itu. Menteri dan orang-orang besar Brunei tidak suka Sultan Brunei membuat surat perjanjian dengan British itu kerana mereka tidak menerima sebarang ganjaran berhubung dengan penyerahan itu, dan sebab yang lain ialah kerana mereka hendak menggalakkan rompakan di laut dan tidak mahu menghapuskannya. Setelah berlaku kelengahan beberapa waktu lamanya, akhirnya surat perjanjian itu ditandatangani juga serta dicap dengan mohor Sultan Brunei dan Kapten Rodney Mundy bagi pihak kerajaan British, dan Pulau Labuan pun diserahkan kepada kerajaan British. Tetapi, dengan arahan Sir Thomas Cochrane atas nama Queen Victoria, Raja British, pada 24 hari bulan Disember tahun 1846, baharulah diadakan istiadat penyerahan Pulau Labuan itu di Pulau Labuan dengan mengadakan perbarisan askar British, dan istiadat itu dihadiri oleh Kapten Rodney Mundy sebagai ketua dalam istiadat itu. Pengeran Mukmin dan ramai orang besar Brunei telah turut sama menghadiri istiadat penyerahan Pulau Labuan itu.

James Brooke mendapat penghormatan

Oleh sebab kesihatannya terganggu, pada akhir bulan Julai tahun 1847, Raja James Brooke telah bertolak meninggalkan Sarawak (Kuching) balik ke England. Arthur Crookshank diwakilkannya tinggal memerintah di Sarawak. James Brooke telah sampai ke England pada bulan Oktober, 1847.

Semasa di England, pada 25 hari bulan Oktober (1847), James Brooke telah diraikan oleh Queen Victoria dalam satu jamuan di Istana Windsor, iaitu satu penghormatan yang sangat tinggi pada pandangan orang British. Selama di England itu banyaklah pertubuhan dan kelab di sana telah menjemput James Brooke memberi ceramah mengenai hal-ehwal dan pengalamannya di sebelah Timur terutama mengenai Sarawak. Sebagai penghormatan pula, James Brooke telah dijadikan ahli kehormat dalam beberapa buah pertubuhan dan kelab di England.

Setelah sampai masanya, pada 1 hari bulan Februari tahun 1848, James Brooke bertolak meninggalkan England dengan kapal perang bernama *H.M.S. Maeander* yang dikendalikan oleh sahabat baiknya Kapten Henry Keppel balik ke Sarawak. Dalam pelayaran pulang ke Sarawak itu, James Brooke telah dilantik pula oleh kerajaan British menjadi Gabenor Pulau Labuan di samping jawatan dan pangkatnya sebagai Raja Sarawak dan wakil diplomatik British bagi Brunei. Sebenarnya Kapten Henry Keppel memang diperintahkan datang untuk menghapuskan perompak laut di Pulau Borneo. Bersama dengan James Brooke dalam kapal perang *Maeander* itu dibawanya juga seorang anak saudaranya (anak kakaknya) bernama James Brooke Johnson. Semasa James Brooke dalam pelayaran itu juga, pada 22 hari bulan Mei (1848), Queen Victoria telah menganugerahkan kepada James Brooke bintang kebesaran K.C.B. (Knight Commander of the Bath). Kapal perang *H.M.S. Maeander* yang membawa James Brooke dan Kapten Henry Keppel itu telah sampai di Sarawak (Kuching) pada 14 hari bulan September, 1848.

Seminggu selepas itu, pada 21 hari bulan September (1848), Raja James Brooke telah mengibarkan Bendera Kebangsaan Sarawak di bandar Kuching. Anak saudaranya James Brooke Johnson dijadikan Edikong (Aide-de-camp) kepada Raja James Brooke dan digelar *Tuan Besar*, dan dialah yang diagakkan akan menggantikan James Brooke sebagai Raja Sarawak.

Tiada lama selepas itu, kapal perang *H.M.S. Maeander* yang dikendalikan oleh Kapten Henry Keppel telah diperintahkan oleh pihak ber-

kuasa Tentera Laut British pergi ke negeri China untuk bertugas di sana.

Pada tahun 1848 itu juga, seorang pegawai British bernama William Brereton telah datang ke Sarawak dan berkhidmat dalam kerajaan Sarawak. Pada masa itulah juga, Datuk Bandar Muhammad Lana telah mengumpulkan wang derma daripada masyarakt Islam di Sarawak kerana hendak membesarkan masjid kecil yang terletak di tepi Sungai Sarawak dalam bandar Kuching itu.

James Brooke menyerang Orang Iban Sekrang

Setelah kepal perang *H.M.S. Maeander* meninggalkan Sarawak pergi ke negeri China, dalam tiga bulan permulaan tahun 1849, orang Iban di Sungai Saribas dan Sungai Sekrang telah melakukan berbagai kejahatan. Mereka telah menyerang dan membakar kampung di pantai laut Sarawak, kerana menunjukkan kebencian mereka terhadap pemerintahan British di Sarawak. Pusat kekuatan mereka ialah di tempat yang bernama Gadung. Dalam enam bulan pertama tahun 1849 itu tidak kurang daripada enam ratus orang telah dibunuh oleh Orang Iban Saribas dan Sekrang itu. Perajurit perang dalam kumpulan Orang Iban Saribas ditaksirkan adalah seramai enam ribu orang; demikian juga Orang Iban Rejang seramai lapan ribu orang telah bersekutu dengan orang Iban Saribas dan Sekrang itu; jumlah mereka semuanya ditaksir adalah seramai 25,000 orang. Mereka telah menyerang tempat yang bernama Sesang, Paloh, Matu, Bruit, Igan dan Sarikei. Di Matu, mereka telah merampas dua buah perahu perdagangan. Tetapi serangan mereka ke Sarikei tidak berjaya, kerana penduduk di Sarikei telah bertahan dan memberi tentangan hebat. Setelah mereka gagal menyerang Sarikei, mereka menyerang pula sebuah kampung bernama Duai dalam Bahagian Pertama Sarawak. Ketua Orang Iban Saribas dan Sekrang yang melakukan serangan dan membinasakan kampung di Sarawak itu ialah Orang Melayu Saribas bernama Abang Apung dengan dibantu oleh seorang Iban bernama Linggir (dari tempat bernama Paku) serta ketua Iban Sekrang bernama Rentap, Bulan dan Rabong. Mengikut cerita Orang Iban Saribas: Abang Apong ialah anak Laksamana Amir, dan Laksamana Amir itu anak Datu Petinggi Kedit; merekalah ketua Orang Melayu yang berpengaruh di Sungai Saribas. Pada masa ini James Brooke telah yakin bahawa musuh lamanya Pengeran Mahkota telah mendapat kedudukan yang baik dan berkuasa di Brunei dan telah berbaik serta mengadakan pakatan sulit dengan "perompak-perompak" Saribas dan Sekrang menentang pihak British di Sarawak.

Sungguhpun pada masa itu di Sarawak tidak ada kapal perang, tetapi James Brooke telah berfikir iaitu bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda orang ramai, ia mestilah menjalankan suatu tindakan supaya Orang Iban Saribas tidak dapat bersekutu dengan Orang Iban Sekrang, dan dengan jalan itu mudahlah mengalahkan mereka.

Pada 25 hari bulan Mac tahun 1849, James Brooke telah bertolak dari Kuching membawa angkatan perang pergi menyerang Orang Iban di Sungai Sekrang, dan James Brooke telah mengalahkan satu pasukan Orang Iban Sekrang itu yang mengandungi 150 buah perahu.

Pada tahun 1849 itu juga, Sultan Brunei telah mengangkat seorang yang bernama Sharif Mashhur menjadi ketua memerintah di Sarikei, terletak di sebelah selatan kuala Sungai Batang Rejang, menggantikan ketua di situ yang bernama Datu Petinggi Abdul Rahman; pada masa itu Sarikei takluk di bawah perintah Kesultanan Brunei. Sharif Mashhur telah dilahirkan di Brunei pada tahun 1810. Semasa mudanya ia tinggal di Igan; pada masa itu Igan di bawah takluk Brunei juga diperintahkan oleh orang besar Brunei bernama Pengeran Arshad. Apabila Sharif Mashhur mengambil alih jawatan dari tangan Datu Petinggi Abdul Rahman menjadi ketua memerintah di Sarikei itu, ada pihak yang mengatakan Sharif Mashhur sebagai "perampas" jawatan itu. Kata setengah riwayat: dalam bulan Ogos tahun 1849 itu juga, ramai orang dari Sarikei datang melindungkan diri ke Kuching kerana mereka tidak tahan akan kezaliman perintah Sharif Mashhur di Sarikei itu. Tetapi walau bagaimanapun James Brooke tidak bertindak supaya Sharif Mashhur dipecat dari jawatannya di Sarikei itu.

James Brooke menyerang Orang Iban Saribas

Setelah mengalahkan Orang Iban Sekrang, James Brooke hendak memerangi Orang Iban Saribas pula yang dianggap oleh Brooke sebagai perompak laut itu. Dalam bulan Julai tahun 1849 itu juga, James Brooke telah melengkapkan satu angkatan perang mengandungi kapal perang *H.M.S. Royalist* (dinakhodakan oleh Lt. Everest), *H.M.S. Albatros* (dinakhodakan oleh Kapten Farquhar), Kapal *"Nemesis"* (dinakhodakan oleh J. Wallage), tiga buah perahu dari *H.M.S. Albatros,* dan sebuah kapal kecil bernama *"Ranee"*. James Brooke menaiki perahunya yang bernama *"Singa Raja"* diiringi oleh lapan belas buah perahu membawa Orang Melayu Sarawak (Kuching). Turut sama dalam angkatan perang James Brooke itu ialah tiga ratus Orang Iban dari

Lundu dalam angkatan perahu mereka di bawah ketuanya Orang Kaya Lundu (Orang Iban); Orang Iban Sebuyau dari Lingga (Banting) seramai tiga ratus orang; Datu Temenggung Sarawak dengan orang-orangnya, serta beberapa buah perahu kecil lagi membawa orang-orang dari Samarahan, Sadong dan daerah lain, kerana orang-orang ini juga telah pernah menderita oleh serangan Orang Iban Saribas itu. Jumlah semua perahu dalam angkatan perang James Brooke itu adalah sebanyak tujuh puluh buah dengan membawa seramai 3,500 orang, dan semuanya itu telah diletakkan oleh James Brooke di bawah pimpinan Kapten Farquhar dari kapal perang *"Albatros"*.

James Brooke dan angkatan perangnya itu telah bertolak dari kuala Sungai Sarawak pada 25 hari bulan Julai (1849). Pada pukul 5.00 petang hari itu juga sampai di Kuala Sungai Batang Lupar. Kapal *"Royalist"* dan *"Nemesis"* telah memudiki Sungai Batang Lupar dan sampai di kuala Sungai Lingga cawangan Sungai Batang Lupar. Esoknya, pada 26 hari bulan Julai (1849), angkatan James Brooke itu mudik lagi jauh sampai di kuala Sungai Saribas pada pukul 3.00 petang dan berlabuh menanti di situ. Perahu orang Melayu dalam angkatan James Brooke itu telah mengepung kuala Sungai Kerian. Bersetentang dengan kuala Sungai Kerian jauh sedikit ke laut, di situlah letaknya sebuah beting pasir yang besar disebut *Beting Marau*.

Pada 28 hari bulan Julai (1849) James Brooke telah dapat khabar mengatakan: pada 26 hari bulan Julai (1849), dua hari lalu, ada sebuah angkatan perompak laut yang besar telah bertolak meninggalkan Sungai Saribas dan telah pergi arah ke utara dengan tujuan hendak menyerang sebuah kampung besar di Sungai Batang Lupar. Perompak laut itu telah meninggalkan Sungai Saribas tidak lama sebelum angkatan James Brooke sampai di situ (pukul 3.00 petang, 26 hari bulan Julai). Oleh sebab itu James Brooke dan Kapten Farquhar telah menetapkan rancangan mereka hendak menyerang angkatan Orang Iban Saribas itu apabila mereka datang semula hendak pulang ke tempat mereka di Sungai Saribas.

James Brooke dan Kapten Farquhar telah mengatur kedudukan angkatan perang mereka di situ sebagai berikut:–

James Brooke dengan dua belas buah perahu Orang Melayu Sarawak menjaga di kuala Kelaka. Kapal *"Nemesis"* berlabuh jauh sedikit ke laut dekat sebuah beting pasir antara kuala Kelaka dengan Sungai Saribas. Perahu dari angkatan laut British dengan empat puluh buah perahu Datu Temenggung Sarawak berlabuh merentang di kuala Sungai Saribas. Ke dalam sedikit dari kuala Sungai Saribas itu berlabuh pula beberapa

buah perahu Orang Kayu Lundu. Kapten Farquhar mengetuai pasukan yang menjaga tempat yang dijangkakan Orang Iban Saribas boleh lari mengikut tempat itu. Demikianlah James Brooke dan Kapten Farquhar mengaturkan kedudukan angkatan perang mereka (Lihat peta).

Setelah tiga hari lamanya angkatan James Brooke berada di tempat yang ditentukan itu, akhirnya pada 31 hari bulan Julai (1849), kelihatanlah perahu Orang Iban Saribas sebanyak 150 buah dari arah utara menuju ke kuala Kelaka. Apabila hari malam, perahu Orang Iban Saribas itu telah cuba hendak masuk ke Sungai Saribas melalui tempat yang dijaga oleh perahu Datu Temenggong Sarawak. Angkatan perahu Iban Saribas itu telah diikuti dari belakangnya oleh perahu perang angkatan laut British. Pada masa itu Orang Iban Saribas itu telah menjadi serba-salah, kerana mereka telah dikelilingi oleh musuh (pihak British). Oleh itu berlakulah pertempuran yang berangkai-rangkai tidak berputusan iaitu sejak dari kuala Kelaka hingga ke Sungai Saribas. Orang Iban Saribas telah melawan dengan gagah berani dan bersungguh-sungguh. Tetapi akhirnya mereka tidak berjaya. Ramai di antara mereka telah undur pergi ke tepi tebing dan naik ke darat lari ke dalam hutan. Perahu-perahu mereka banyak yang telah dibinasakan terutama oleh askar dan kelasi dari kapal *"Nemesis"*.

Ketua Orang Iban Saribas yang bernama Linggir yang belum lari dari pertempuran itu, dengan marah dan bengisnya telah membawa pasukannya sebanyak tujuh belas buah perahu datang menyerang kapal *"Nemesis"* dekat Beting Marau. Pada masa itu kapal *"Nemesis"* sedang berlabuh. Tetapi ada kira-kira lima puluh ela lagi jaraknya dengan perahu-perahu pasukan Linggir yang datang menyerang itu, baharulah kapal *"Nemesis"* bergerak dan melanggar perahu pasukan Linggir itu; banyak perahu Linggir yang telah terbalik karam. Anak-anak kapal dari kapal *"Nemesis"* telah menghentam orang-orang Linggir yang terapung-apung itu dengan dayung besar mereka, dan ramai pula yang telah ditangkap oleh pihak British. Dari sebanyak tujuh belas buah perahu itu, hanya Linggir bersama Abang Apung serta orang-orangnya dengan sebuah perahu sahaja yang dapat melepaskan diri dari pertempuran itu. Pertempuran inilah yang disebut dalam sejarah *"Perang Beting Marau"*.

Dalam pertempuran itu, telah ditaksirkan, ada seramai 3,000 Orang Iban Saribas telah lari ke dalam hutan; 88 buah perahu mereka telah dibinasakan oleh pihak British; di sepanjang tepi laut di tempat itu, sejauh mata memandang, kelihatan berapungan dan berkaparan perahu-perahu Orang Iban Saribas yang telah rosak binasa; lebih kurang 300 orang Iban Saribas telah terbunuh dalam pertempuran itu, dan 500


PERANG BETING MARAU
BETING MARAU
Sungai Seblak
Kabong
Sungai Kerian
NEMESIS
Perahu - perahu Datu Temenggong
Samarang
Maludam
Sapinang
Batang Saribas
ROYALIST
Sebuyau
Batang Lupar

orang lagi mati dalam hutan akibat dari luka-luka parah pada badan mereka. Di pihak Raja Sarawak hanya dua orang terbunuh dan enam orang luka.

British menyerang Paku dan Kawasan Lain

Setelah Perang Beting Marau tamat, Raja James Brooke pun berunding dengan pegawai-pegawainya dan mereka telah mengambil ketetapan hendak pergi menyerang kubu Orang Iban di Saribas.

Pada 2 hari bulan Ogos tahun 1849, satu angkatan perang Sarawak di bawah pimpinan James Brooke dan dibantu oleh Kapten Farquhar telah sampai dan berlabuh hampir dengan kuala Sungai Paku cabang Sungai Saribas, dan mereka hendak menyerang kubu Orang Iban Saribas di tempat yang bernama Paku di bahagian ulu Sungai Paku.

Beberapa buah perahu perang dari angkatan James Brooke dengan membawa askarnya telah belayar mudik Sungai Paku. Sebelum pasukan pihak British itu sampai ke kubu orang Iban Saribas di Paku, mereka telah dihalang dengan batang kayu yang telah diempangkan di sungai itu, dan perahu pihak British itu tidak dapat mudik ke ulu lagi. Tetapi, dengan beberapa ikhtiar, James Brooke dan Kapten Farquhar telah membawa askar mereka mengikut jalan darat di kedua belah tebing sungai itu, dan akhirnya sampai juga mereka ke Paku dan bertempur dengan Orang Iban Saribas yang berkubu di situ. Akhirnya Orang Iban Saribas dapat dikalahkan.

Satu pasukan Sarawak yang terdiri daripada orang bumiputera sahaja telah diperintahkan oleh James Brooke pergi menyerang sebuah kubu orang Iban yang diketuai oleh seorang panglima Iban yang terkenal bernama Mujah dan digelar juga *"Buah Riah"*; kubunya terletak di tepi Sungai Entabai cabang Sungai Kanowit jauh di pedalaman lembah Sungai Batang Rejang. Sungguhpun pasukan James Brooke itu tidak dapat menemui *"Buah Riah"* (Mujah), tetapi mereka telah dapat membakar dan membinasakan lapan belas buah rumah panjang orang Iban Saribas di tempat Mujah itu.

Setelah itu James Brooke pun membawa semua angkatannya pulang ke Sarawak dengan kemenangan dan membawa banyak barang berharga yang telah dirampas dari tempat Orang Iban itu. Di antara barang rampasan itu ialah beberapa buah tajau tembikar yang cantik buatan Orang Cina Zaman dahulu. James Brooke telah sampai semula ke Sarawak (Kuching) pada 24 hari bulan Ogos, 1849.

Orang Iban Saribas berdamai dengan James Brooke

Beberapa minggu lepas itu, ketua-ketua orang Iban dari Sungai Saribas seramai 250 orang dari berbagai tempat telah datang ke Kuching berjumpa dan meminta maaf kepada James Brooke di atas perbuatan mereka yang telah menentang pihak British di Sarawak selama ini. Satu *"Persidangan Damai"* yang besar telah diadakan di Kuching antara ketua-ketua Iban Saribas dengan pihak Raja James Brooke. Mereka telah menandatangani satu surat perjanjian dan mereka mengaku tidak lagi akan melakukan serangan terhadap pihak British di Sarawak. Ketua Orang Iban Saribas yang pertama menandatangani surat perjanjian itu bernama Bayang dan gelarannya Orang Kaya Pemancha Dana. Setelah berdamai, ketua-ketua Orang Iban Saribas itu pun pulang ke tempat mereka masing-masing.

Kota di Sekrang

Pada penghujung tahun 1849 atau awal tahun 1850, Raja James Brooke telah menghantar Arthur Crookshank serta beberapa orang kaki-tangannya pergi mendirikan sebuah kota di persimpangan Sungai Sekrang dengan Sungai Batang Lupar iaitu di tempat yang bernama Nanga Sekrang bagi tempat memerintah dan memerhatikan pergerakan orang Iban Sekrang. Kota itu telah didirikan oleh pekerja-pekerja Melayu dan Dayak di bawah kelolaan Arthur Crookshank. Tiada lama kemudian, Arthur Crookshank telah meninggalkan tempat itu pergi memegang jawatan di tempat lain pula. Raja Sarawak (James Brooke) telah melantik seorang sahabat baiknya seorang peranakan Arab bernama Sharif Matusin menjadi ketua di Kota Sekrang menggantikan Arthur Crookshank.

Semasa Sharif Matusin memerintah di Sekrang, ia telah menjalankan pemerintahan yang zalim dan menganiaya terhadap orang Melayu dan Dayak di tempat itu; oleh itu mereka tidak suka kepada Sharif Matusin. Raja James Brooke telah memanggil Sharif Matusin balik ke Kuching dan menghantar William Brereton pergi menjaga dan memerintah di Sekrang; dan tiada lama kemudian dihantar pula seorang pegawai British bernama Alan Lee membantu William Brereton di Kota Sekrang itu. Sharif Matusin yang tinggal di Kuching itu telah bersahabat baik dengan Raja James Brooke.

Charles Brooke datang ke Sarawak

Pada tahun 1851 Raja Sarawak (James Brooke) telah mendirikan sebuah kota di tempat yang bernama Kanowit terletak di kuala Sungai Julau cabang Sungai Batang Rejang. Seorang pegawai British bernama Henry Steele serta tujuh puluh Orang Melayu dari Kuching telah dihantar pergi menjaga kota di Kanowit itu.

Pada awal tahun 1851 itu juga Sultan Brunei telah meminta James Brooke memungut cukai di tujuh buah sungai di Sarawak yang di bawah takluk kerajaan Brunei iaitu sungai Samarahan, Sadong, Lingga, Sekrang, Kerian, Saribas dan Sungai Batang Lupar. Pada masa itulah juga Sultan Brunei telah membenarkan James Brooke mendirikan kota di Sekrang dan Kanowit. Pada tahun 1852 kerajaan Sarawak telah membangunkan pula sebuah kota di Lingga di kuala Sungai Lingga cabang Sungai Batang Lupar, dan Alan Lee diangkat menjadi ketua menjaga kota di Lingga itu.

Pada tahun 1852 itu juga, Pengeran Mukmin, Perdana Menteri Kerajaan Brunei, telah diangkat menjadi Sultan Brunei bergelar Sultan Abdul Mukmin menggantikan Sultan Umar Ali Saifuddin II yang telah mangkat.

Pada tahun 1852 itulah juga Masjid Besar di bandar Kuching itu siap didirikan hasil dari kutipan derma bagi perbelanjaannya telah cukup dikumpulkan. Pada mulanya Masjid Besar itu telah didirikan daripada kayu sahaja, kerana pada masa itu batu-bata, genting, simen dan lain-lain alatan batu belum ada di Sarawak hingga tahun 1868. Setelah Masjid Besar itu didirikan, Datu Petinggi Haji Abdul Ghafurlah yang pertama menjadi Imam Besar di masjid itu iaitu dari tahun 1852-1854.

Pada pertengahan tahun 1852, seorang anak saudara kepada Raja James Brooke bernama Charles Johnson, berumur lebih kurang dua puluh tiga tahun, telah berhenti berkhidmat dalam angkatan tentera laut British, dan pada 21 hari bulan Julai tahun itu juga (1852) ia telah datang ke Sarawak dan berkhidmat dalam kerajaan Sarawak. Charles Johnson telah mengubah namanya kepada Charles Brooke iaitu mengambil nama keluarga Brooke, dan Raja James Brooke telah menggelarnya *Tuan Muda.*

Pada bulan Januari tahun 1853 itu juga, William Brereton yang menjaga kota di Sekrang itu telah mendapat khabar mengatakan Rentap panglima perang Orang Iban yang tinggal di ulu Sungai Sekrang hendak datang menyerang dan mengambil kota orang British di Sekrang itu. Oleh sebab itu William Brereton telah memanggil Alan Lee yang men-

jaga kota di Lingga datang ke Sekrang, dan mereka telah bersiap mendirikan kubu pertahanan di ulu sedikit daripada kota mereka di Sekrang itu. Apabila Rentap dan pasukannya datang menyerang kubu pihak British itu, berlakulah pertempuran tembak-menembak antara kedua belah pihak. Tetapi tiada lama lepas itu, oleh sebab William Brereton tidak puas hati bertempur dengan tembak secara jauh itu, ia pun dengan membawa orang-orangnya, serta Alan Lee, mudik lagi hendak terus menyerang pasukan Rentap itu. Pada masa itulah pasukan pihak British itu telah diserang hendap oleh orang-orang Rentap dan berlakulah pertempuran secara dekat, dan dalam pertempuran itulah seorang menantu Rentap bernama Layang telah membunuh Alan Lee dengan lembingnya, dan Alan Lee mati di situ juga. Mujurlah William Brereton dapat membawa pasukannya dengan selamat balik ke pangkalannya, dan Rentap dengan segera pula membawa pasukannya pulang ke tempatnya di ulu Sungai Sekrang. Dalam pada itu, ada seorang panglima Iban dalam pasukan William Brereton bernama Gassing, dengan tidak memberitahu lebih dahulu kepada William Brereton, telah membawa pasukannya pergi ke tempat kediaman Rentap lalu membakar dan membinasakan dua puluh buah rumah panjang di tempat Rentap itu; tetapi ia tidak dapat berjumpa Rentap. James Brooke telah memuji tindakan yang telah dibuat oleh Gassing itu. Rentap, sejak ia berjaya menyerang kota pihak British di Sekrang dan telah menyebabkan terbunuhnya Alan Lee, ia pun lebih dihormati lagi oleh pengikutnya, dan ia terus menjadi musuh pihak British yang memerintah di Sarawak.

Dalam bulan Jun tahun 1853 itu juga, Charles Brooke (Tuan Muda) yang tinggal di Lundu telah dipindahkan ke Lingga menjaga tempat itu menggantikan Alan Lee. Semasa Charles Brooke berada di Lingga ia telah berbaik-baik dengan orang-orang Iban Balau di Bukit Banting (dekat Lingga) dan mereka telah menjadi pengikut Charles Brooke yang dapat digunakannya untuk melawan musuhnya.

Dalam bulan Ogos tahun 1853, Sultan Abdul Mukmin, Sultan Brunei, telah membuat surat perjanjian dengan Raja James Brooke, dan dalam surat perjanjian itu diterangkan juga bahawa tujuh batang sungai di negeri Sarawak telah diserahkan oleh almarhum Sultan Umar Ali Saifuddin II kepada Raja James Brooke (nama sungai itu seperti yang telah disebutkan di atas), dan James Brooke membayar wang setiap tahun kepada Sultan Brunei sebanyak $1,500. Sultan Brunei telah memberi kuasa juga kepada James Brooke untuk menghukum perompak Iban Saribas dan Sekrang, dan James Brooke tidak akan membenarkan orang pelarian dari Brunei masuk ke Sarawak. Surat perjanjian

itu telah ditandatangani oleh kedua belah pihak pada 22 hari bulan Ogos tahun 1853.

Selepas itu, dalam tahun 1853 itu juga, James Brooke telah mengidap penyakit cacar yang hampir membahayakan nyawanya. Oleh sebab itu, ia kembali ke England untuk dirawat, dan meninggalkan kedua orang anak saudaranya, James Brooke Johnson (Tuan Besar) dan Charles Brooke (Tuan Muda), memerintah di Sarawak.

Sambil bercuti di England itu, James Brooke telah berusaha juga mencari pihak yang mahu menyokongnya dalam hal kewangan untuk menjalankan pemerintahannya di Sarawak, kerana wang yang ada padanya telah berkurangan. Selain daripada soal wang, Raja James Brooke telah berikhtiar juga mencari pihak yang dapat menyokongnya dalam hal pergolakan politik yang sedang dijalankan di Sarawak.

Semasa James Brooke berada di England juga, ia telah dicerca dalam surat-suratkhabar oleh beberapa orang ahli politik di sana berhubung dengan tindakan James Brooke di Sarawak yang telah melakukan pembunuhan secara besar-besaran terhadap orang Iban terutama orang Iban Saribas dan Sekrang. Ahli-ahli politik yang mencerca James Brooke itu telah berjaya meminta kerajaan British mengadakan satu badan Suruhanjaya Penyiasat yang akan menjalankan penyiasatan mengenai tindakan James Brooke di Sarawak. Suruhanjaya Penyiasat itu telah ditubuhkan dan telah mengadakan persidangannya di Singapura dalam tahun 1854, dan dalam laporannya antara lain Suruhanjaya Penyiasatan itu telah menyatakan: mengikut aturan undang-undangnya, James Brooke di Sarawak itu takluk kepada Sultan Brunei, dan dengan keadaan tarafnya sedemikian itu, tidaklah sesuai lantikan-lantikan yang telah diberikan kepadanya oleh kerajaan British. Orang Iban Saribas dan Sekrang yang telah ditentang oleh James Brooke itu sebenarnya ialah *"perompak-perompak laut"* yang selalu menyerang kapal dan perahu perdagangan. Perang di Beting Marau yang telah dilakukan oleh James Brooke itu, telah dibantu juga oleh angkatan tentera laut British. Begitulah di antara kandungan yang tersebut dalam laporan Suruhanjaya Penyiasat mengenai tindakan James Brooke di Sarawak, dan nampaknya Suruhanjaya Penyiasat itu tidak mahu menyalahkan James Brooke semata-mata. Tiada berapa lama di England, James Brooke belayar balik ke Sarawak.

Dalam bulan Disember tahun 1853 iaitu baharu enam bulan sahaja Charles Brooke berada di Lingga, ia telah mengikut satu angkatan yang telah dihantar oleh Raja James Brooke pergi meninjau ke ulu Sungai Sekrang, ke tempat kediaman Rentap. Angkatan itu diketuai oleh

James Brooke Johnson (Tuan Besar). Inilah angkatan kerajaan Sarawak yang pertama pergi ke daerah itu sejak Alan Lee terbunuh dahulu. Pegawai dalam angkatan kerajaan Sarawak itu telah dapat berjumpa dan bercakap dengan Rentap dan ketua Iban Sekrang yang lain. Setelah itu mereka pun balik ke Sarawak. Charles Brooke (Tuan Muda) berpendapat bahawa pemergian angkatan Sarawak ke ulu Sekrang itu tiada mendatangkan faedah sebaliknya hanya membuang masa sahaja.

Dalam tahun 1854 James Brooke telah menghantar dua buah angkatan pergi menyerang tempat orang Iban di ulu Sungai Sekrang dan Saribas yang menentang pemerintahan Brooke di Sarawak. Angkatan yang pertama telah diarahkan pergi menyerang ke rumah panjang seorang ketua Iban yang bernama Apai Dendang. Tetapi pemergian angkatan pihak British itu telah gagal.

British menyerang Sungai Lang

Angkatan yang kedua telah diarahkan pergi mencari dan menangkap atau membunuh Rentap di tempat kediamannya di Sungai Lang di ulu Sungai Sekrang. Angkatan Sarawak itu mengandungi seramai lima ratus orang Melayu dan Dayak; diketuai oleh Tuan Besar (James Brooke Johnson), dan Tuan Muda (Charles Brooke) juga turut sama pergi. Angkatan ini telah bertolak dalam bulan Ogos tahun 1854.

Angkatan Sarawak ini telah memudiki Sungai Batang Lupar; melalui Nanga Sekrang masuk ke Sungai Sekrang dan mudik lagi ke ulunya. Setelah meninggalkan Nanga Sekrang lebih kurang sejauh tiga puluh batu, angkatan Sarawak itu pun naik ke darat dan berjalan kaki pula selama empat hari baharulah sampai ke Sungai Lang. Mereka dapati Rentap dan orang-orangnya di Sungai Lang itu tinggal di lereng bukit dalam dua buah rumah panjang yang berkubu kuat di sekelilingnya. Pasukan Sarawak yang datang itu telah menyerang kedua buah rumah panjang Rentap itu dan pihak Rentap telah melawan serangan itu. Tiada berapa lama bertempur, pihak kerajaan Sarawak telah dapat menawan kedua buah rumah panjang itu dan Rentap juga telah cedera. Tetapi Rentap dengan sebilangan besar pengikutnya telah dapat melarikan diri ke dalam hutan. Oleh sebab orang-orang dalam pasukan Sarawak itu telah tersangat letih, mereka tidak pergi ke ulu lagi mengejar Rentap, dan mereka balik ke Sarawak. Pihak British tidak dapat menangkap Rentap. William Brereton ketua yang menjaga kota di Sekrang yang turut sama dalam angkatan ke Sungai Lang itu telah meninggal dunia di Sungai Lang kerana mengidap penyakit ceret-beret.

Mengikut pendapat Charles Brooke (Tuan Muda), pasukan Sarawak yang pergi ke Sungai Lang hendak menangkap dan membunuh Rentap itu, telah diaturkan dengan cara yang kurang baik; kerana orang putih yang menjadi pegawai dan bukan pegawai begitu ramai turut sama pergi dalam angkatan itu, dan angkatan itu banyak pula membawa perahu besar. Charles Brooke yakin iaitu untuk menangkap Orang Iban, lebih baik gunakan Orang Iban juga; pendeknya seperti kata Orang Dayak: "Hanya Orang Dayak yang dapat membunuh Orang Dayak".

Rentap berada di Bukit Sadok

Rentap serta pengikutnya yang mengundurkan diri dari Sungai Lang itu telah membuat tempat kediaman mereka cukup dengan kubunya di sebuah bukit bernama Bukit Sadok (dalam Bahagian Kedua Sarawak sekarang), tingginya lebih kurang 2,700 kaki, jauh di pedalaman.

Semasa di Bukit Sadok, Rentap kerap menyerang ke tempat Orang Dayak yang menyebelahi pihak British di Sarawak; pendeknya tidaklah juga ia berhenti menentang pihak British yang memerintah di Sarawak. Setelah membuat tempat kediaman di Bukit Sadok itu, Rentap merasakan selamat tinggal di situ, dan pernah ia mengatakan: "Orang Eropah yang banyak mempunyai kapal dan meriam itu, memanglah berkuasa di laut dan di tempat yang boleh mereka datangi dengan kapal mereka; tetapi kami Orang Iban boleh berjalan dan boleh berperang di darat dan boleh mendaki gunung yang curam-curam."

Mengikut riwayatnya, pada tahun 1854 itu juga, Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) ketua Orang Iban di Saribas yang terkenal itu telah meninggal dunia kerana penyakit cacar, dan meninggalkan beberapa orang anak yang telah dewasa. Di antara anak-anaknya itu bernama Aji, Nanang, Luyuh dan Buda. Sejak meninggalnya ayah mereka, Aji, Nanang dan Luyuh telah bermusuhan pula dengan seorang ketua Orang Iban juga bernama Bunyau dan anaknya bernama Bakir, iaitu keturunan daripada seorang ketua Iban yang terkenal juga bernama Unggang.

Sharif Mashur dan Abdul Ghafur

Berbalik kita menceritakan kisah Sharif Mashhur yang telah menjadi ketua memerintah di Sarikei sejak tahun 1849. Sharif Mashhur telah berkahwin dengan anak Pengeran Arshad ketua pemerintah di Igan. Pengeran Arshad ada seorang anak lelaki bernama Pengeran Nipa; dialah yang dicadangkan bakal menggantikan ayahnya Pengeran Arshad. Pada

suatu masa lepas itu, dengan perintah kerajaan Brunei, Pengeran Arshad telah pindah ke Mukah dan menjadi ketua memerintah di situ iaitu di bawah takluk Kesultanan Brunei juga.

Pada tahun 1854, Datu Petinggi Abdul Ghafur, orang besar Melayu di Kuching, telah dilucutkan pangkat dan jawatannya oleh Raja Sarawak (James Brooke), kerana Datu itu telah mengenakan cukai yang sangat berat kepada orang-orang di bawah jagaannya. Oleh sebab mulanya, Abdul Ghafur pun bersekutu dengan Sharif Mashhur dan mereka telah mengadakan pakatan sulit hendak menghapuskan semua orang putih yang ada di Sarawak. Rahsia mengadakan pakatan sulit itu telah dibocorkan oleh anaknya kepada seorang pembesar Melayu yang bekerja dengan Spencer St. John setiausaha peribadi kepada James Brooke. Bekas Datu Petinggi Abdul Ghafur itu telah dibuang negeri dan dinasihatkan juga supaya beliau pergi ke Mekah.

Kekacauan di Mukah

Pada penghujung tahun 1854 telah berlaku kekacauan di Mukah berpunca dari peristiwa yang telah berlaku di antara Pengeran Arshad ketua pemerintah di Mukah dengan seorang pengeran di situ bernama Pengeran Matusin (bukan Sharif Matusin).

Pengeran Arshad benci kepada Pengeran Matusin, kerana Pengeran Matusin lebih digemari oleh orang ramai di Mukah yang memandang beliau sebagai seorang penganjur yang baik. Pada suatu hari Pengeran Arshad telah menghina Pengeran Matusin, iaitu Pengeran Arshad mengatakan ibu Pengeran Matusin seorang perempuan bangsa rendah dari puak suku Melanau yang bersuamikan seorang orang besar Brunei. Sebagai membalas penghinaan itu, Pengeran Matusin telah menikam Pengeran Arshad hingga mati. Sejak itu berlakulah kekacauan di Mukah di antara orang-orang Pengeran Nipa yang menggantikan ayahnya Pengeran Arshad, dengan orang-orang pihak Pengeran Matusin. Pengeran Nipa yang menggantikan ayahnya Pengeran Arshad, dengan orang-orang pihak Pengeran Matusin. Pengeran Nipa telah meminta bantuan dari Sharif Mashhur di Sarikei untuk menentang pihak Pengeran Matusin.

Pada awal tahun 1855 Sharif Mashhur telah mengumpulkan ramai Orang Iban dari Kanowit dan Saribas dan pergi menyerang pihak Pengeran Matusin di Mukah. Kira-kira tiga puluh orang pengikut Pengeran Matusin telah dibunuh oleh orang-orang Sharif Mashhur; mujurlah Pengeran Matusin dapat melepaskan diri lari ke Kuching

meminta bantuan Raja James Brooke, dan Raja Sarawak itu telah membantu Pengeran Matusin. Kekacauan di Mukah terus berjalan buat beberapa tahun lamanya.

Raja James Brooke telah menghantar Charles Brooke pergi ke Mukah kerana menyiasat kekacauan yang telah berlaku di situ walaupun James Brooke tiada mempunyai apa-apa kuasa di Mukah yang pada masa itu masih takluk di bawah perintah Sultan Brunei. Charles Brooke telah menghukum Sharif Mashhur iaitu melucutkan kuasanya di Sarikei dengan alasan Sharif Mashhur telah menggunakan Orang Iban dari Saribas yang takluk di bawah kuasa James Brooke pergi memerangi pihak Pengeran Matusin di Mukah, dan dikatakan juga bahawa Sharif Mashhur telah membantu Orang Iban Saribas di Bukit Sadok yang sedang menentang pemerintahan British di Sarawak.

Lepas itu James Brooke telah pergi ke Brunei berjumpa Sultan Brunei, Sultan Abdul Mukmin. Dalam perjumpaan itu James Brooke telah mendesak Sultan Brunei supaya baginda memberi kuasa kepadanya menjaga keamanan di Mukah. Sultan Brunei pada mulanya agak enggan hendak memberi kuasa yang diminta oleh James Brooke itu. Tetapi akhirnya, oleh sebab terpengaruh kepada gaya dan sikap James Brooke, baginda pun tidak berkuasa hendak membantah kehendak James Brooke itu dan baginda memberi kebenaran kepada James Brooke menjaga keamanan di Mukah dengan syarat hendaklah James Brooke mengembalikan kuasa Sharif Mashhur di Sarikei. Dan baginda telah membenarkan juga James Brooke mendirikan kota di Sarikei bagi menjaga keamanan dalam masyarakat Orang Iban. Pada masa itu Sharif Mashhur telah bersahabat dengan James Brooke.

Pada tahun 1856 James Brooke telah menghantar seorang pegawai British bernama Charles Fox pergi menjadi ketua menjaga kota yang baharu didirikan di Sarikei itu. Pada masa itu selain daripada James Brooke sebagai Raja Sarawak, pegawai-pegawai British lain yang ada di Sarawak ialah: James Brooke Johnson (Tuan Besar), Charles Brooke (Tuan Muda), Henry Steele di Kanowit dan Charles Fox di Sarikei. Alan Lee telah mati dibunuh oleh Layang menantu Rentap pada tahun 1853, dan William Brereton telah mati semasa pergi ke Sungai Lang dalam tahun 1854.

British menyerang Sungai Julau

Dalam bulan April tahun 1856, Charles Brooke (Tuan Muda) telah membawa satu angkatan pergi menyerang ke tempat Orang Iban di

lembah Sungai Julau cabang Sungai Batang Rejang. Di kuala Sungai Julau cabang itulah letaknya Kanowit. Charles Brooke menyatakan: Orang Iban di lembah Sungai Julau itu belum pernah didatangi oleh pihak kerajaan Sarawak, dan didapati mereka selalu melakukan kejahatan di Sungai Saribas dan Sungai Sekrang. Angkatan pihak British yang pergi ke Sungai Julau itu telah dibentuk sendiri oleh Charles Brooke; James Brooke di Kuching hanya memberi beberapa pucuk senapang lama. Dalam angkatan itu Charles Brooke dibantu oleh tiga orang panglima Melayu bernama Abang Matali (Muhammad Ali), Abang Aing dan seorang yang menamakan dirinya Sauh Besi.

Charles Brooke telah mengerahkan orangnya menyerang dan membakar rumah panjang Orang Iban di Sungai Julau itu, dan orang-orang Charles Brooke itu telah merampas beberapa buah tajau buatan Orang Cina zaman dahulu serta perkakas tembaga buatan Brunei dari rumah Orang Iban itu. Akibat serangan itu, Charles Brooke mengatakan: 25 buah rumah besar kecil telah habis dibakar; banyak harta benda yang telah dirampas; abu padi yang telah dibakar bertimbun-timbun banyaknya dan terus terbakar mengeluarkan asap berkepul-kepul. Demikianlah kisah Charles Brooke yang pergi menyerang ke tempat Orang Iban di Sungai Julau pada tahun 1856 itu.

Pemberontakan Orang Cina di Sarawak

Pada permulaan James Brooke memerintah di Sarawak, ia sangat suka menerima kedatangan orang Cina ke negeri itu, kerana ia merasa Orang Cina itu akan memajukan ekonomi Sarawak. Sejak itu ramailah saudagar dan peniaga bangsa Cina dari negeri China datang dan bermastautin di Sarawak terutama di bandar Kuching; dan di samping itu ramai pula pelombong Cina datang dan tinggal di tempat yang bernama Bau di ulu Sungai Sarawak membuka lombong batu perak (antimony). Orang Cina di Sarawak itu telah berhubung baik dengan orang Cina yang tinggal di Sambas (dalam perintah Belanda), dan oleh sebab mencontohi Orang Cina di Sambas itu, Orang Cina di Sarawak juga telah menunjukkan sikap mereka tidak suka menerima arahan yang diadakan oleh pemerintah British dari Kuching terhadap mereka. Orang Cina yang tinggal di Bau itu telah memusuhi pihak James Brooke, Raja Sarawak. Hal itu telah menimbulkan satu masalah besar kepada James Brooke.

Pada 18 hari bulan Februari tahun 1857, seorang ketua Orang Cina (Cina Hakka) telah mengumpulkan orangnya seramai enam ratus orang

dan melengkapkan mereka dengan senjata dengan menaiki beberapa buah perahu, menghilir Sungai Sarawak hendak menyerang pihak James Brooke yakni pihak pemerintah Sarawak di Kuching. Kebetulan pula tiada berapa jauh lagi hendak sampai ke bandar Kuching, angkatan orang Cina yang sedang dalam pelayaran di Sungai Sarawak itu telah dilihat oleh seorang Melayu yang sedang bersampan di sungai itu, kemudian Orang Melayu itu segera memberitahu Datuk Bandar Muhammad Lana di bandar Kuching akan peristiwa yang telah dilihatnya itu. Entah apa sebabnya, Datuk Bandar itu tidak pula percaya dengan cerita yang telah disampaikan itu, dan beliau tiada menjalankan apa-apa tindakan.

Pada tengah malam hari itu juga, rombongan Orang Cina itu telah sampai ke bandar Kuching dengan cara mengejut. Ketua Orang Cina itu telah membahagi-bahagikan orangnya menjadi dua pasukan; satu pasukan diperintahkan pergi menyerang ke kota Raja Sarawak (James Brooke) dan satu pasukan lagi pergi melanggar bangunan-bangunan kerajaan.

Pada masa itu James Brooke belum lagi tidur, dia sedang membaca buku dalam rumahnya. Ia telah terkejut apabila mendengar bunyi bising dan jerit-pekik orang ramai di luar rumahnya. James Brooke dengan seorang orang gajinya bernama Charles Penty yang ada dalam rumah itu telah pergi melihat ke tingkap dan dilihatnya beberapa Orang Cina sedang membunuh seorang pegawai muda James Brooke bernama Nicholetts yang sedang tidur di sebuah bangsal dekat rumah James Brooke itu. Kepala Nicholetts yang telah dikerat dari badannya oleh Orang Cina itu, telah dipacakkan pada sebatang kayu lalu dibawa berarak di sekitar bandar Kuching dengan tempik sorak yang riuh; Orang Cina itu menyangkakan mereka telah membunuh James Brooke.

Dalam masa kekacauan yang mengejut itu, James Brooke dengan Penty turun pergi ke bilik mandi di tingkat bawah rumah itu dan menghambur keluar masuk ke dalam kebun di sisi rumah itu; James Brooke bersenjatakan sebilah pedang dan sepucuk pistol yang telah berisi peluru. Dalam kebun itu tidak ada seorang lain pun di situ. James Brooke telah pergi ke sebuah sungai kecil dekat rumahnya lalu berenang, dan setelah berenang sambil menyelam di bawah sebuah daripada perahu barang Orang Cina itu, James Brooke sampai ke seberang. Setelah berbaring seketika lamanya kerana keletihan, James Brooke berjalan lagi dan telah bertemu dengan beberapa orang pegawai British kakitangannya yang juga telah melarikan diri dari tempat kediaman mereka. Penty yang rupanya tidak tahu berenang itu, telah lari ke

dalam hutan menyelamatkan nyawanya.

Orang Cina itu telah menyerang semua rumah tempat kediaman pegawai Raja Sarawak, dan beberapa orang British serta isteri dan anak kecil mereka telah dibunuh atau cedera.

Pasukan Orang Cina yang menyerang kota James Brooke itu, telah dilawan juga oleh beberapa orang askar Raja Sarawak yang menjaga kota itu. Oleh sebab mereka tidak ramai dan Orang Cina yang datang menyerang itu jauh lebih ramai daripada mereka, terpaksalah askar-askar James Brooke meninggalkan kota tersebut.

Orang British yang bukan orang kerajaan Sarawak, telah berkumpul ke rumah seorang Paderi Besar (Bishop) di bandar Kuching, dan rumah paderi itu tidak diserang oleh pemberontak Cina itu. Oleh sebab paderi itu juga seorang doktor, Cina pemberontak itu telah meminta paderi itu merawat orang-orang mereka yang cedera. Permintaan Orang Cina itu disanggupi oleh paderi itu dengan syarat paderi itu juga boleh mengubati orang-orang Raja Sarawak yang luka.

James Brooke yang dapat melepaskan diri, telah berjalan kaki sampai ke kuala Sungai Siol yang mengalir ke Sungai Santubong. Apabila James Brooke sampai ke kuala Sungai Santubong, di situ ia telah bertemu sebuah perahu perang British yang membawa enam puluh orang askar British lengkap bersenjata. Sambil menghantar utusannya kepada Charles Brooke yang ada di Sungai Batang Lupar (di Lingga), James Brooke pun mudik dengan perahu perang British itu menuju ke Kuching.

Setelah pemberontak Cina itu dapat menguasai bandar Kuching mereka pun memanggil Paderi Besar yang ada di Kuching itu serta dua orang saudagar bangsa Eropah (bernama Helms dan Ruppel) dan Datuk Bandar Muhammad Lana, berempat orang semuanya, datang berkumpul ke bangunan mahkamah di bandar Kuching. Ketua-ketua Cina itu telah memaksa keempat-empat orang itu bersumpah mengaku taat setia kepada *"Kongsi"* mereka. Mereka hendak meninggalkan keempat-empat orang itu menjaga bandar Kuching di bawah pemerintah tertinggi *"Kongsi"* mereka, kerana mereka hendak balik ke Bau. Dalam perjumpaan itu juga Paderi Besar telah menerangkan kepada ketua-ketua Cina itu: boleh jadi Charles Brooke yang berada di Sungai Batang Lupar itu tidak bersetuju dengan perbuatan mereka hendak membunuh ayah saudaranya James Brooke dan orang British di Kuching itu. Sebaik mendengar nama Charles Brooke disebut oleh Paderi Besar itu, orang Cina itu pun terdiam kerana mereka tahu bahawa Charles Brooke itu ramai pengikutnya Orang Iban dan Dayak Laut (Orang Bidayu) dan dia boleh

membawa beribu-ribu Orang Iban dan Orang Bidayu itu datang memerangi mereka. Orang Cina itu telah mengambil ketetapan hendak mengirim surat kepada Charles Brooke supaya ia jangan keluar dari tempatnya di Sungai Batang Lupar itu dan mereka tidak akan menggganggui Charles Brooke.

Sehari lepas mereka dapat menguasai bandar Kuching itu, Orang Cina pemberontak itu pun naik semula ke perahu dan mudik di Sungai Sarawak hendak balik ke tempat mereka. Sekumpulan Orang Melayu yang diketuai oleh Abang Pata dan Datu Bandar Muhammad Lana telah mengikuti dan menyerang orang Cina yang mudik itu; tetapi orang Melayu itu tidak berjaya. Orang Cina itu telah berpatah balik ke bandar Kuching dan menyerang pihak Orang Melayu yang berkubu di Kuching. Pihak orang Melayu itu tidak sanggup menahan dan melawan serangan tersebut; dan mereka telah membakar semua rumah Orang Melayu yang ada di bandar Kuching.

Dalam masa Orang Cina sibuk membakar rumah-rumah Orang Melayu itulah juga James Brooke dengan askar-askar British tadi hampir sampai ke bandar Kuching dan kelihatan bandar itu sedang terbakar dan kacau-bilau. Oleh sebab itu James Brooke menghilir semula dengan tujuan hendak bersatu dengan angkatan Charles Brooke di kuala dan datang semula untuk bersama-sama mengambil bandar Kuching.

James Brooke telah sampai ke kuala Sungai Samarahan. Di situ dilihatnya ada sebuah kapal kepunyaan *"Borneo Company"* dan kapal itu juga bernama *"James Brooke"*, baharu sahaja datang dari Singapura. James Brooke serta askar-askar British yang bersamanya itu, dengan membawa beberapa pucuk meriam, telah naik ke kapal itu dan belayar menuju ke bandar Kuching.

Apabila kapal yang ditumpangi oleh James Brooke itu sampai ke pelabuhan bandar Kuching, mulalah askar-askar di kapal itu menembak dengan meriam yang diarahkan ke bandar Kuching. Apabila pemberontak Cina yang ada di bandar Kuching itu melihat kapal pihak British datang dan telah menembakkan meriam-meriamnya pula, mereka telah ketakutan dan lari meninggalkan bandar Kuching belayar mudik di Sungai Sarawak. Sekumpulan besar Orang Melayu Sarawak yang dibantu oleh Orang Dayak telah mengejar Orang Cina yang lari itu; jika ada Orang Cina yang mereka jumpai di sungai itu, terus dibunuh. Dengan mudah sahaja bandar Kuching dapat diambil semula oleh James Brooke. Orang Cina yang telah melakukan pemberontakan itu, mana yang hidup lagi, telah dihukum denda berat oleh kerajaan Sarawak. Oleh sebab itu Orang Cina yang tinggal di Bau itu pun tidak lagi mem-

bangkitkan kekacauan. Dalam rusuhan dan kekacauan yang diceritakan ini, lebih kurang tiga ribu orang telah terbunuh atau dihalau keluar dari negeri Sarawak; dan Orang Cina yang masih tinggal lagi di Sarawak, tidaklah berani lagi melakukan kekacauan atau menyeludupkan barang-barang yang bercukai; cukai-cukai yang dikehendaki oleh kerajaan Sarawak telah dibayar dengan betul dan tiada lagi terdengar sebarang rungutan. Sejak itu berakhirlah pemberontakan yang telah dicetuskan oleh Orang Cina di Sarawak.

Selepas pemberontakan Orang Cina itu, pada tahun 1857 itu juga, James Brooke telah meletakkan semula Sharif Mashhur memerintah di Sarikei.

Angkatan yang pertama ke Bukit Sadok

Lebih kurang tiga bulan setelah tamatnya pemberontakan Orang Cina di Sarawak itu, dalam bulan Jun tahun 1857, satu angkatan besar yang pertama dihantar oleh kerajaan Sarawak untuk menangkap atau membunuh Rentap di tempat kediamannya di Bukit Sadok. Angkatan itu mengandungi 3,500 orang Iban dan 500 Orang Melayu dipimpin oleh Tuan Muda Charles Brooke.

Charles Brooke dan angkatannya itu telah sampai ke Bukit Sadok dan mendaki hingga ke suatu tempat di kemuncak bukit itu. Dari situ dapatlah Charles Brooke melihat kubu pertahanan dan rumah kediaman Rentap dan orang-orangnya, terletak di sebelah sana bukit itu. Kelihatan kubu pertahanan Rentap itu dikelilingi oleh pagar kayu belian iaitu jenis kayu yang kuat dan dapat menahan tembakan peluru senapang. Dalam lingkungan pagar kayu belian itulah kelihatan didirikan beberapa buah rumah tinggi dan dari rumah-rumah itu senang sahaja Rentap dan orang-orangnya membedil dan merajam musuh mereka yang datang hendak naik ke situ dengan batu, lembing, seligi, damak beracun dan lain-lainnya. Jalan yang boleh dilalui untuk pergi ke tempat itu hanya ada sebuah lorong sempit yang berbatu-batu di kiri kanannya dan lorong itu nampak jelas dari rumah-rumah Rentap dan orang-orangnya. Pendeknya, tempat kediaman Rentap itu ialah satu tempat yang sangat sukar hendak ditawan.

Lapan hari lamanya angkatan Charles Brooke telah berada di Bukit Sadok dan dalam selama itu kerap pula turun hujan hinggakan orang-orang dalam pasukan Charles Brooke itu menggigil kesejukan. Pasukan dari Sarawak itu telah melakukan juga satu serangan ke arah tempat kediaman Rentap itu dan telah berlaku pertempuran tembak-menembak

dan berlontaran senjata. Tetapi serangan dari pihak Sarawak itu tiada mendatangkan sebarang kesan. Abang Aing yang ada bersama dalam pasukan Sarawak itu telah luka. Dalam pada itu mereka telah membakar beberapa buah rumah Orang Iban yang selalu menolong memberi makanan dan lain-lain bekalan kepada Rentap; harta benda di rumah-rumah Orang Iban itu telah dirampas. Angkatan Charles Brooke telah balik semula ke Sarawak dan mereka tidak dapat menangkap atau membunuh Rentap. Rentap gembira dengan kejayaannya itu dan kemegahannya juga semakin bertambah tinggi pada pandangan pengikutnya.

Pada masa itu (1858) bukan sahaja Rentap, tetapi Aji anak mendiang Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) juga telah menentang pihak British yang memerintah di Sarawak. Aji ialah ketua orang-orang Iban di Sungai Saribas. Ia tinggal dan berkubu di tempat yang bernama Padeh di ulu Sungai Saribas tidak jauh dari Betung.

Dalam bulan April tahun 1858, Aji serta seorang Iban yang terkenal di Sungai Julau bernama Lintung telah bersiap di Sungai Saribas hendak membawa angkatan mereka pergi mengayau hendak memotong kepala orang. Apabila perihal Aji dan Lintung bersiap itu kedengaran beritanya ke Kuching, James Brooke dengan segera menghantar satu pasukannya pergi ke Sungai Saribas untuk menghalang rancangan yang hendak dilakukan oleh Aji dan Lintung itu.

Lepas itu, dalam tahun 1858 itu juga, Aji telah mengumpulkan empat puluh buah perahu perang serta orang-orangnya hendak pergi menyerang pihak British di Nanga Sekrang di ulu Sungai Batang Lupar, tempat kediaman Charles Brooke, dan di situlah letaknya kota pihak British yang mereka namakan *"Fort James"* yang telah didirikan pada akhir tahun 1849 atau awal tahun 1850. Apabila berita mengenai Aji hendak menyerang ke Nanga Sekrang itu sampai kepada Charles Brooke, ia telah melengkapkan angkatannya dan pergi mudik Sungai Saribas menyerang pihak Aji di Padeh. Angkatan Charles Brooke itu telah berjaya mengalahkan pihak Aji. Aji serta pengikutnya telah dihalau keluar dari Padeh; rumah-rumah di situ habis dibakar oleh orang Charles Brooke.

Setelah mengalahkan Aji di Padeh, dalam tahun 1858 itu juga, Charles Brooke mendirikan pula sebuah kota di Betung di ulu Sungai Saribas, tidak jauh dari Padeh. Kerja mendirikan kota di Betung itu telah dibantu juga oleh Bunyau dan anaknya Bakir. Kota di Betung itu dinamakan *"Fort Lili"*. Beberapa orang askar pihak British telah ditempatkan di kota itu untuk menjaga dan menahan supaya perahu-perahu Orang Iban dari ulu Sungai Saribas itu tidak dapat menghilir ke laut.

Tiada beberapa lama lepas itu, dalam bulan Julai tahun 1858 itu juga, Aji serta adik-adiknya Luyuh dan Nanang telah membawa pasukan perang mereka datang menyerang *Fort Lili* di Betung. Pihak askar British di *Fort Lili* yang diketuai oleh Arthur Crookshank dengan dibantu oleh Bakir dan orang-orangnya telah melawan serangan pihak Aji itu, dan berlakulah pertempuran. Tiada berapa lama bertempur, akhirnya pihak British yang dibantu oleh Bunyau dan Bakir itu dapat mengalahkan pihak Aji dan menghalau mereka dari tempat itu.

Sebelum berakhir tahun 1858, Tuan Muda Charles Brooke telah membalas serangan Aji itu dengan menghantar pasukan perangnya hendak menyerang orang Iban Saribas yang diketuai oleh Aji. Apabila pasukan pihak British itu datang menyerang, Aji dan pengikutnya berundur ke Sungai Layar, dan sambil berundur itu orang-orang Aji telah menebang pokok-pokok kayu yang besar-besar dijatuhkan ke sungai untuk menghalang perahu pihak British yang mengejar mereka. Semasa perahu pasukan Charles Brooke hendak dirapatkan ke tebing di sebuah sungai bernama Sungai Langit kerana hendak naik ke darat, tiba-tiba Aji dengan orang-orangnya telah datang menyerang pasukan pihak British itu. Tetapi serangan mereka itu tidak berjaya kerana telah ditentang dengan hebat oleh pasukan Charles Brooke dan dalam pertempuran itulah pasukan Charles Brooke telah dapat membunuh Aji.

Mengikut cerita daripada orang Iban Saribas, mereka mengatakan: setelah Aji dibunuh oleh pasukan pihak British itu, kepalanya telah dikerat dan diambil oleh seorang Iban Sekrang yang ada dalam pasukan British itu dan tengkorak kepala Aji itu dibawa pulang ke rumahnya. Sampai ke rumahnya, dari tengkorak kepala Aji itu keluar hantu dan hantu itu telah mengacau. Pada suatu masa yang lain pula, pagi-pagi subuh, hantu Aji itu telah merupakan dirinya seperti seorang muda dan duduk bertunggu di sebuah sungai tempat mandi dekat sebuah rumah panjang Orang Iban Sekrang. Apabila perempuan-perempuan Iban Sekrang datang hendak mengambil air di sungai itu, hantu itu pun terjun ke dalam sungai dan menjadi seekor buaya pula, dan buaya itu telah membuat beberapa kekacauan di tempat itu. Akhirnya, tengkorak kepala Aji yang disimpan oleh Orang Iban Sekrang itu dipulangkan kepada orang Iban Saribas Keluarga Aji dan tengkorak kepala Aji itu dikuburkan dekat kubur ayahnya mendiang Bayang, Orang Kaya Pemancha Dana, di tempat yang bernama Buluh Antu, di Padeh. Sejak itu tiadalah lagi hantu Aji itu membuat kacau. Demikianlah seperti yang diceritakan oleh orang-orang Iban Saribas berkenaan dengan Aji setelah ia mati.

Setelah Aji mati dibunuh oleh pihak British, adiknya Nanang dan Luyuh telah bertambah marah kepada pihak British, dan mereka telah menyebelahi Rentap menentang pihak British di Sarawak. Nanang dan Luyuh telah membuat perhubungan juga dengan Sharif Mashhur di Sarikei, dan dengan Pengeran Nipa di Mukah; mereka hendak membantu Sharif Mashhur dan Pengeran Nipa melawan pihak Charles Brooke. Sharif Mashhur telah menghadiahkan kepada orang-orang Iban Saribas beberapa pucuk meriam, dan setelah senjata itu ada di tangan mereka, mereka terus bercadang akan menentang pihak British di Sarawak.

Angkatan yang kedua ke Bukit Sadok

Angkatan pihak British bagi kali keduanya telah pergi menyerang Bukit Sadok hendak menangkap atau membunuh Rentap, telah dilancarkan dalam tahun 1858 itu juga. Angkatan itu lebih besar daripada angkatan yang pertama dahulu. Angkatan ini dipimpin oleh James Brooke Johnson (Tuan Besar); Charles Brooke (Tuan Muda) juga turut sama pergi. Mereka telah membawa sepucuk meriam besar yang dibawa oleh orang Dayak. Apabila sampai ke kemuncak Bukit Sadok, pasukan pihak British itu telah membedil sebanyak lima puluh das ke arah kubu pihak Rentap. Tetapi tembakan itu tidaklah menjejaskan kubu Rentap yang kuat di bukit itu. Apabila askar-askar James Brooke Johnson mara menyerang kubu Rentap, mereka telah dihujani dengan seligi beracun dan batu-batu besar yang dijatuhkan dari atas bukit itu serta tembakan. Pada masa itulah kedengaran Rentap memekik, menghina pihak British yang datang itu sambil mengatakan: "Bawalah semua meriam kamu dari Eropah itu; kami tidak takut kepada kamu orang Eropah!". Pendeknya, tiadalah dapat pihak British itu mara lagi. James Brooke Johnson telah membawa angkatannya berundur meninggalkan tempat itu. Serangan pihak British itu gagal juga.

Charles Fox dan Henry Steele dibunuh di Kanowit

Kekacauan yang dahsyat yang dialami oleh orang British di Sarawak telah berlaku dalam bulan Jun tahun 1859. Pada 25 hari bulan Jun tahun itu (1859), Charles Fox dan Henry Steele yang tinggal di Kota Kanowit telah dibunuh. Pada masa itu mereka berdua sahajalah pegawai British yang berada di Bahagian Ketiga Sarawak. Orang Melanau di Kanowit yang menyerang dan membunuh kedua pegawai British itu

dipimpin oleh dua orang ketua Orang Melanau yang tiada beragama (Orang Liko) bernama Sawing dan Sakalai. Beberapa Orang Iban yang tinggal di Sungai Poi dan Ngemah cabang Sungai Batang Rejang, telah turut campur juga dalam serangan itu.

Pembunuhan Charles Fox dan Henry Steele di Kanowit itu telah mengejutkan Orang British di Kuching yang baharu sahaja agak bernafas selepas pemberontakan Orang Cina itu. Dalam bulan Julai tahun 1859 itu juga Charles Brooke dengan satu angkatannya telah pergi ke Sungai Batang Rejang dan terus ke Kanowit. Charles Brooke telah dibantu oleh Sharif Mashhur dari Sarikei. Di Kanowit, Charles Brooke telah menjatuhkan hukum bunuh kepada sepuluh orang di situ yang dipercayai telah terlibat dalam pembunuhan Fox dan Steele; lima orang penjaga kota British di Kanowit juga telah dihukum bunuh, kerana mereka telah lari meninggalkan kota itu apabila kedua pegawai British itu dibunuh oleh Sawing dan Sakalai. Mengikut setengah riwayat: Sharif Mashhur yang masuk menyebelahi pihak British itu adalah kerana hendak melindungkan dirinya supaya pihak British tidak menyangka ia terlibat dalam pembunuhan itu; pada hal dialah (Sharif Mashhur) yang sebenarnya telah merancangkan tindakan membunuh pegawai-pegawai British itu. Semua Orang Eropah yang ada di Sarawak masa itu percaya bahawa Sharif Mashhurlah yang mengetuai pakatan sulit membunuh Charles Fox dan Henry Steele.

Rancangan dan tindakan Sharif Mashhur

Pada awal tahun 1860, ada seorang bernama Pengeran Temenggong Hashim Jalil dari Brunei tinggal di daerah Sadung. Mengikut rancangan yang telah diatur oleh Sharif Mashhur, Pengeran Temenggong Hashim Jalil itu disuruhnya pergi ke Pontianak berjumpa dengan bekas Datu Petinggi Abdul Ghafur yang telah dipecat oleh James Brooke di Kuching dahulu. Kemudian, dari Pontianak kedua mereka itu hendaklah datang ke Sarawak berjumpa Sharif Mashhur di Sungai Batang Rejang. Dari situ mereka bertiga akan membawa angkatan pergi menyerang Kuching untuk menggulingkan pemerintahan Orang Putih di Sarawak.

Dalam pada itu, Pengeran Matusin yang berada di Kuching telah menerima sepucuk surat yang tertulis menyebutkan surat itu datang dari Pengeran Temenggong Hashim Jalil mengajak Pengeran Matusin masuk menyebelahinya melawan pihak British di Kuching. Surat itu telah diserahkan oleh Pengeran Matusin kepada Charles Brooke dan

tahulah mereka bahawa surat itu sebenarnya ditulis oleh Sharif Mashhur, dan surat itulah juga dijadikan satu bukti yang menunjukkan bahawa Sharif Mashhur itu sebenarnya menentang Charles Brooke dan pengikutnya.

Mengikut rancangan Sharif Mashhur, pada awal bulan Februari tahun 1860, Sharif Mashhur telah membawa dua buah perahu yang membawa lebih kurang lapan puluh orang askarnya menuju ke Kuching. Apabila Tuan Muda (Charles Brooke) mendengar berita mengatakan Sharif Mashhur dengan pasukannya hendak datang ke Kuching, ia pun mengesyaki kejujuran Sharif Mashhur. Charles Brooke telah membawa pasukannya dan telah bertemu dengan pasukan Sharif Mashhur di pertengahan Sungai Sarawak. Charles Brooke telah memberitahu Sharif Mashhur supaya belayar mengikutnya pergi ke satu tempat bernama Semujan di Sungai Batang Sadong. Kehendak Charles Brooke itu diikut oleh Sharif Mashhur. Tatkala belayar di Sungai Batang Sadong, pada 6 hari bulan Februari (1860), Charles Brooke telah memerintahkan orang-orangnya menembak (dengan meriam) ke perahu Sharif Mashhur. Dalam pada itu mereka tidak mahu menembak Sharif Mashhur, kerana kata mereka dia seorang Sharif (saiyid). Dalam kacau-bilau itu perahu Sharif Mashhur telah keram. Tetapi Sharif Mashhur dapat menyelamatkan diri naik ke darat lari ke dalam hutan, berjalan darat dan sampai ke Sarikei. Di Sarikei ia telah dihalau pula oleh seorang pegawai Melayu yang berkuasa di situ yang menyebelahi Brooke bernama Abang Ali. Sharif Mashhur telah pergi ke Igan kampung asalnya.

Oleh sebab sakit hati kerana kegagalannya tidak dapat menangkap atau membunuh Sharif Mashhur, Charles Brooke pun membawa pasukannya lagi sebanyak 150 buah perahu penuh bermuat Orang Iban pergi ke Sarikei. Beberapa buah rumah besar kepunyaan Sharif Mashhur yang ada di situ habis dibakar oleh pihak British. Dari Sarikei, Charles Brooke pergi menyerang Igan dan telah membakar semua rumah Sharif Mashhur yang ada di situ. Dalam serangan pasukan Charles Brooke ke Sarikei dan Igan itu, tidak kurang 64 orang penduduk di situ telah dibunuh oleh pihak British. Sharif Mashhur telah lari pergi ke Mukah dan diberi perlindungan oleh iparnya Pengeran Nipa.

Dalam pada itu, tindakan Sharif Mashhur dan pengikutnya melawan pihak James Brooke di Sarawak itu telah mendapat perhatian dan dibela pula oleh Gabenor Pulau Labuan yang bernama George Warren Edwardes, kerana Gabenor itu memang cemburu kepada kemajuan Sarawak di bawah perintah James Brooke yang telah memundurkan perniagaan dan kemajuan di Pulau Labuan. Dewan Perniagaan di

Singapura serta saudagar-saudagar di Kuching telah mengadu kepada kerajaan British di England menyatakan mereka tidak bersetuju dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Gabenor Pulau Labuan itu yang hendak menjatuhkan perniagaan di Sarawak. Oleh sebab itu, akhirnya, pada penghujung tahun 1860 itu juga, kerajaan British di England telah memberhentikan G.W. Edwardes dari jawatannya sebagai Gabenor Pulau Labuan dan diperintahkan balik ke England.

Pada masa itulah juga, Pengeran Nipa yang berada di Mukah telah cuba menyekat perdagangan sagu yang hendak dihantar ke Sarawak. Perbuatan Pengeran Nipa itu telah menambahkan lagi kemarahan pihak British dan saudagar-saudagar pengilang sagu di Sarawak.

British menyerang Mukah

Pada tahun 1860 itu juga, satu pasukan pihak British dari Sarawak mengandungi 25 buah perahu yang dipunyai oleh saudagar-saudagar Melayu di Kuching, dan tiga buah perahu membawa meriam, serta sebuah kapal kecil bernama *"Venus"* telah berlayar menuju ke Mukah. Pasukan itu diketuai oleh James Brooke Johnson (Tuan Besar) dan Charles Brooke (Tuan Muda) juga turut sama dalam pasukan itu. Pasukan Sarawak itu telah menyerang Mukah. Tetapi serangan pihak British itu gagal, kerana kubu pertahanan Pengeran Nipa di Mukah itu cukup kuat; telah diaturkannya dengan baik dan lengkap pula askar serta senjatanya. Pertempuran di Mukah itu telah berlaku dalam bulan Ogos tahun 1860.

Mengikut keterangan seorang pegawai British yang bekerja di Sarikei, bernama Walter Watson mengatakan: pada masa itu di Sarikei juga berlaku huru-hara. Sharif Mashhur telah menghadiahkan sebatang lembing perang kepada ketua Orang Iban di tempat itu, dan pemberian seperti itu bererti mengajak Orang Iban menyebelahinya memerangi pihak British. Demikianlah kata Walter Watson.

Pada masa itulah juga tersebar berita angin di kalangan penduduk Mukah dan Sarikei mengatakan Tuan Muda (Charles Brooke) telah mati terbunuh di Mukah. Berita Angin itu tidak menyenangkan hati Charles Brooke. Untuk menghapuskan berita bohong itu, Charles Brooke sendiri telah membawa pasukannya pergi ke Sungai Saribas menyerang tempat perkubuan Nanang (adik Aji) di tempat yang bernama Nanga Spak di Sungai Layar cabang Sungai Saribas.

Pada 20 hari bulan April tahun 1861, James Brooke Raja Sarawak telah belayar dengan kapalnya bernama *"Rainbow"* pergi ke Brunei ber-

jumpa Sultan Brunei, Sultan Abdul Mukmin. James Brooke telah merayu kepada Sultan Brunei supaya ia diberi kuasa menjaga dan mengamankan Mukah yang di bawah takluk Kesultanan Brunei itu. Rayuan James Brooke itu telah diperkenankan oleh Sultan Brunei dan baginda telah mengirim surat perintah kepada ketua-ketua di Mukah supaya mereka menerima Raja Orang Putih (Brooke) dan wakilnya tinggal di Mukah, baginda juga telah memerintahkan Sharif Mashhur serta pengikutnya keluar dari Mukah.

Dengan membawa surat yang diberi oleh Sultan Brunei, James Brooke pun datang ke Mukah menemui dan telah mengadakan beberapa rundingan dengan Sharif Mashhur.(*) Mereka telah berunding dalam sebuah rumah panjang Orang Melanau di Mukah. Rumah itu panjangnya hampir 120 kaki dan tingginya dari tanah 20 kaki. Dalam perjumpaan dengan James Brooke itu, Sharif Mashhur masih tetap juga mengatakan ia tidak bersalah. Tetapi oleh sebab adanya titah perintah dari Sultan Brunei itu, relalah Sharif Mashhur keluar meninggalkan Mukah; menjadi orang buangan pergi ke Singapura. Setelah Sharif Mashhur terbuang ke Singapura, beberapa orang pengeran di Mukah berasal dari Brunei yang tidak disetujui oleh James Brooke, telah diperintahkannya balik ke Brunei; sahabat baiknya Pengeran Matusin telah diangkat memegang jawatan Pegawai Bumiputera di Mukah.

James Brooke Raja Sarawak itu belum juga merasa puas dengan kuasa yang didapatinya hanya "menjaga" keamanan di Mukah. Oleh sebab itu, dalam bulan Ogos tahun 1861, ia telah pergi lagi ke Brunei berjumpa Sultan Brunei, Sultan Abdul Mukmin, dan cuba mempengaruhi baginda supaya memberikan kuasa yang lebih besar lagi di negeri Sarawak. Putar belit James Brooke itu telah berjaya. Sultan Brunei telah menyerahkan lagi kawasan negeri Sarawak itu kepada James Brooke iaitu hingga ke Tanjung Kidurung ke sebelah sana lampau Bintulu. Satu surat perjanjian yang hampir sama syaratnya dengan surat

(*) Sharif Mashhur inilah juga orangnya yang terkenal dengan nama *Saiyid Mashhur* dalam sejarah negeri Selangor yang telah berjuang menyebelahi Raja Mahadi menentang pihak Tengku Kudin dan Sultan Abdul Samad yang telah membawa British masuk campur dalam pemerintahan negeri Selangor. Dalam sejarah Sarawak mengatakan ia telah meninggal dunia di Singapura pada tahun 1890. Tetapi yang sebenarnya Sharif Mashhur atau Saiyid Mashhur itu telah meninggal dunia di Kerling dalam negeri Selangor (Daerah Ulu Selangor) dan kuburnya itu masih ada lagi hingga sekarang dan boleh dilihat di Kerling. Patutlah diketahui, bahawa panggilan *Sharif, Tuanku* dan *Wan* memang dipakai oleh orang-orang keturunan Arab atau peranakan Arab di Sarawak dan di Borneo. Tetapi di Semenanjung Tanah Melayu disebut *Saiyid*.

perjanjian tahun 1853, telah diperbuat di antara Sultan Brunei dengan James Brooke mengenai penyerahan kawasan itu kepada James Brooke, dan Raja Sarawak itu mengaku akan membayar wang setiap tahun kepada Sultan Brunei sebanyak $4,500.

Angkatan yang ketiga ke Bukit Sadok

Dalam masa James Brooke sedang sibuk menguruskan pengambilan wilayah-wilayah di Sarawak itu, anak saudaranya Charles Brooke telah melengkapkan satu pasukan hendak pergi lagi menangkap atau membunuh Rentap di Bukit Sadok. Pada masa itu, mengikut ceritanya, Rentap tidak begitu digemari lagi oleh pengikutnya, kerana ia telah berlaku sombong dan bongkak oleh kejayaannya, dan telah melakukan pula perbuatan yang menyalahi adat istiadat bangsanya iaitu isteri tuanya telah dibuangnya dan telah mengambil seorang isteri muda dan isteri mudanya itu digelarnya *"Ranee Bukit Sadok"*. Ramai di antara pengikut Rentap telah meninggalkannya.

Pasukan Charles Brooke yang hendak pergi ke Bukit Sadok itu terdiri daripada orang Melayu dan Iban, dan membawa sebuah meriam besar serta beberapa buah meriam kecil. Beberapa orang pekerja Cina telah bekerja menebas-menebang hutan yang akan dilalui oleh pasukan itu. Pasukan itu telah bertolak dalam bulan September tahun 1861.

Sebelum pasukan Charles Brooke sampai ke kemuncak Bukit Sadok, Nanang dan Luyuh yang telah meninggalkan Rentap telah menyerah diri kepada Charles Brooke (pada 25 hari bulan September 1861). Nanang dan Luyuh mengatakan bahawa mereka telah berkelahi dengan Rentap fasal beberapa butir peluru meriam yang asalnya dipunyai oleh saudara mereka Aji; tetapi janda Aji telah memberikan peluru itu kepada Rentap. Begitu juga, sebuah meriam besi yang terkenal kepunyaan Nanang, pesaka dari ayahnya Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) yang telah diambilnya dalam satu serangan ke Pontianak dahulu, yang mana telah diambil oleh Rentap juga. Itulah sebabnya mereka berkelahi dengan Rentap.

Apabila pasukan Charles Brooke itu sampai ke kemuncak Bukit Sadok, berlakulah satu pertempuran dengan orang-orang Rentap yang ada di situ tetapi tiada berapa ramai lagi. Tiada berapa lama bertempur, Rentap dan orang-orangnya yang tiada berapa ramai itu pun lari meninggalkan tempat itu. Di tempat Rentap yang telah ditinggalkannya itu, Charles Brooke telah menjumpai banyak barang rampasan yang asalnya kepunyaan Orang British. Di antara benda-benda itu ialah

meriam-meriam yang dalam jagaan William Brereton dan Alan Lee dahulu (1853), dan peluru yang telah diberikan kepada Rentap oleh Sharif Mashhur, serta sebuah meriam tembaga besar yang berasal dari Pontianak. Kubu dan rumah tempat kediaman Rentap dan orang-orangnya itu habis dibakar oleh pihak British iaitu pada 28 hari bulan Oktober tahun 1861, dan api kebakaran itu sangatlah besar dan menjulang tinggi hingga boleh kelihatan dari jauh. Rentap yang melarikan diri itu telah pergi ke ulu Sungai Entabai cabang Sungai Kanowit dan di situlah ia tinggal. Beberapa tahun kemudian Rentap telah meninggal dunia di tempat itu, dan tamatlah kisah penentangan Rentap terhadap pihak British di Sarawak.

Setelah Rentap meninggal dunia, anak perempuannya yang bernama Tambung telah berkahwin dengan Layang, pembunuh Alan Lee; mereka tiada beroleh anak, dan mereka telah mengambil seorang anak perempuan dijadikan anak angkat dan dinamakan Subang. Apabila dewasa, Subang telah dikahwinkan dengan Munan anak Penghulu Dalam Minggat. Munan inilah kemudiannya, dalam tahun 1900, digelar Penghulu Dalam oleh Raja Charles Brooke; Penghulu Dalam Munan tinggal di Sibu.

Sejak Rentap dikalahkan, tindakan Orang Iban dari Saribas dan Sekrang yang selama ini sebagai duri dalam daging kepada pemerintah British di Sarawak juga tiada berlaku lagi. Cuma pihak British di Sarawak masih tetap juga hendak mencari dan menangkap Sawing dan Sakalai pembunuh Charles Fox dan Henry Steele dahulu yang dipercayai oleh pihak British masih bersembunyi dalam kumpulan orang-orang Kayan di ulu Sungai Batang Rejang.

Angkatan besar ke tempat Orang Kayan

Angkatan kerajaan Sarawak yang hendak pergi menyerang ke tempat orang Kayan di ulu Sungai Batang Rejang itu diketuai oleh Charles Brooke (Tuan Muda) dengan dibantu oleh lima orang lagi pegawai British, dan serangan itu bertujuan memberi suatu pengajaran kepada Orang Kayan supaya mereka tidak lagi menentang pihak British yang memerintah di Sarawak, dan juga hendak menangkap atau membunuh Sawing dan Sakalai pembunuh Charles Fox dan Henry Steele yang khabarnya menyembunyikan diri ke tempat Orang Kayan itu.

Angkatan Charles Brooke itu telah memudiki Sungai Batang Rejang hingga 200 batu ke ulunya iaitu di ulu lagi daripada Jeram Pelagus dan

Jeram Bakun yang terkenal itu. Di jeram-jeram itu beberapa buah perahu dalam angkatan itu telah terbalik karam dan ada juga orang-orangnya yang mati lemas. Daerah itu hanya telah didatangi oleh dua orang bangsa Eropah, iaitu Robert Burns dalam tahun 1847, dan Henry Steele dalam tahun 1852, dan sekarang baharulah didatangi pula oleh Charles Brooke dan pembantu-pembantunya itu.

Angkatan Charles Brooke itu telah berjumpa dengan beberapa Orang Kayan dan mereka telah melawan pihak British yang datang itu. Tetapi sebentar sahaja bertempur, orang Kayan itu pun lari meninggalkan tempat mereka, dan ramai pula orang perempuan dan anak-anak Orang Kayan itu telah diserang dan dibunuh oleh pihak British yang salah pandang menyangkakan mereka itu lelaki Kayan, kerana orang perempuan dan anak-anak Kayan itu memakai perhiasan di kepala mereka serupa seperti hiasan yang dipakai oleh kaum lelaki mereka juga.

Angkatan Charles Brooke yang pergi ke tempat Orang Kayan itu tidak dapat menemui Sawing dan Sakalai, kerana pada masa itu mereka telah lari menyembunyikan diri pula ke tempat Orang Kayan yang lebih jauh lagi di pedalaman. Pada masa itu Charles Brooke telah mengetahui iaitu selain daripada Sawing dan Sakalai, ada seorang lagi bernama Talip yang telah bersama dengan Sawing dan Sakalai pembunuh Fox dan Steele dahulu.

Sebelum Charles Brooke bertolak balik meninggalkan tempat itu, seorang daripada Orang Kayan yang telah ditawan oleh Charles Brooke, telah disuruh membawa sebuah besi bulat peluru meriam dan sehelai bendera Sarawak, supaya kedua benda itu diberikan kepada ketuanya, dan hendaklah juga Orang Kayan itu memberitahu ketuanya seperti yang dipesankan oleh Charles Brooke iaitu: "Kami datang melanggar ke tempat mereka (Orang Kayan) ialah oleh sebab mereka telah mengambil bahagian menyerang kawan-kawan kami dan rakyat Sarawak, dan juga telah menyembunyikan tiga orang pembunuh Tuan Fox dan Tuan Steele yang bernama Sakalai, Sawing dan Talip."

Dan Charles Brooke menyatakan juga kepada Orang Kayan yang disuruhnya itu supaya memberitahu ketuanya iaitu: jika ketuanya memilih bendera Sarawak yang dihantar itu, bererti ketua Orang Kayan itu hendak berdamai; tetapi jika ia memilih besi bulat peluru meriam itu, bererti ia hendak berperang dengan pihak British. Ketua Orang Kayan itu bernama Oyong Hang. Setelah Orang Kayan yang disuruh oleh Charles Brooke itu pergi hendak berjumpa ketuanya, Charles Brooke pun membawa angkatannya balik ke Nanga Sekrang.

Orang Kayan berdamai dengan pihak British

Lebih kurang sebulan lepas itu satu rombongan Orang Kayan seramai tujuh puluh orang telah datang ke Kanowit berjumpa Charles Brooke. Mereka membawa bersama bendera Sarawak yang diberi oleh Charles Brooke itu, iaitu bererti orang Kayan itu telah memilih hendak berdamai dengan pihak British bukan hendak berperang. Ketua rombongan Orang Kayan itu telah menyatakan kepada Charles Brooke iaitu: ketua mereka Oyong Hang itu telah menghimpunkan orang-orangnya, dan dalam perhimpunan ramai itulah Oyong Hang telah membunuh Talip dan Sakalai; tetapi Sawing telah lepas lari. Tengkorak kepala Talip dan Sakalai yang ada dibawa oleh rombongan Orang Kayan itu, telah ditunjukkan kepada Charles Brooke. Setelah mereka berunding dengan Charles Brooke, ditetapkanlah bahawa istiadat dan keramaian bagi melaksanakan perdamaian itu akan diadakan di Kanowit dalam bulan Oktober tahun itu juga (1863). Setelah itu rombongan Orang Kayan kembali ke tempat mereka. Apabila sampai masanya, istiadat dan keramaian berdamai itu pun diadakan di Kanowit yang dihadiri oleh Orang Kayan serta ketua-ketua mereka dan juga orang-orang dari pihak British.

Tiada lama lepas itu, Sawing yang melarikan diri telah datang menyerah diri dan meminta ampun kepada Charles Brooke. Tetapi Charles Brooke tidak dapat mengampunkannya, dan Sawing telah dijatuhkan hukuman bunuh. Dengan terbunuhnya Talip, Sakalai dan Sawing itu baharulah Charles Brooke merasa lega, dan ia telah berkata: "Sekarang, kematian sehabat-sahabat saya yang telah berkhidmat kepada orang ramai itu telah dibela dengan secukupnya; orang-orang yang mengetuai pembunuhan itu telah menerima hukumannya yang setimpal".

Semasa Charles Brooke pergi ke tempat Orang Kayan, dan sewaktu diadakan istiadat perdamaian dengan orang Kayan itu, Raja James Brooke masih ada di Sarawak tetapi sedang uzur.

Charles Brooke diangkat menjadi bakal Raja Sarawak

Pada suatu hari dalam tahun 1863 itu juga, James Brooke Johnson (Tuan Besar) yang telah dijadikan Bakal Raja Sarawak pengganti ayah saudaranya James Brooke itu telah berkata kepada James Brooke: "Saya sangat suka jika sekiranya mamanda melantik saya di hadapan khalayak ramai menjadi Raja Muda Sarawak. Dengan itu bukan sahaja

akan menjadi sebagai bukti menunjukkan kepercayaan mamanda terhadap diri saya, tetapi juga dapat menguatkan kuasa saya menjalankan pemerintahan di negeri ini". Apabila mendengar permintaan anak saudaranya itu, James Brooke pun marah dan timbullah pertengkaran antara mereka kedua. Oleh sebab marahnya, pada masa itu juga James Brooke telah membatalkan pengakuannya terhadap anak saudaranya itu yang dicadangkan menggantikannya menjadi Raja Sarawak, lantas James Brooke mengoyakkan surat wasiat pengakuannya itu. Dan pada masa itu juga Raja James Brooke membuat satu surat wasiat lain mengangkat anak saudaranya Charles Brooke (Tuan Muda) pula bakal penggantinya menjadi Raja Sarawak.

Tiada lama lepas itu, dalam tahun 1863 itu juga, Raja James Brooke pun bertolak meninggalkan Sarawak balik ke tanah airnya di England dan tidak kembali lagi ke Sarawak. James Brooke Johnson yang tidak dapat menjadi pengganti Raja Sarawak itu juga balik ke England.

Pada tahun hadapannya, tahun 1864, *Fort Lili* di Betung (yang telah didirikan pada tahun 1858 dahulu) telah dirombak, dan sebahagian besar daripada batu-batu dan perkakas dari kota itu telah dipindahkan ke Simanggang, kemudian didirikan sebuah kota baharu pula di situ, dan kota di Simanggang itu kemudiannya terkenal dengan nama *"Fort Alice"* mengambil sempena daripada nama Ranee Margaret Alice isteri Charles Brooke.

Setelah lima tahun lamanya (1863–1868) James Brooke tinggal di kampung halamannya di Burrator dalam daerah Devonshire, England, pada 11 hari bulan Jun tahun 1868, dalam usia 65 tahun, James Brooke pun meninggal dunia dan telah dikebumikan dalam kawasan Gereja Sheepstor di bahagian barat Dartmoor, Devonshire, England. Dan dengan itu tamatlah riwayat pemerintahan James Brooke, Raja Sarawak yang pertama.

Tiga tahun sebelum James Brooke meninggal dunia, pada tahun 1865, semasa James Brooke memerintah di Sarawak, Datu Bandar Muhammad Lana telah meninggal dunia; adiknya Haji Abu Hasan diangkat menjadi Datu Bandar. Haji Abu Hasan ini telah meninggal dunia pada tahun 1906, anaknya yang bernama Abang Muhammad Kasim pula menjadi Datu Bandar. Datu Bandar Abang Muhammad Kasim ini telah meninggal dunia di Mekah pada tahun 1921, dan adiknya Abang Haji Abdillah diangkat menggantikan tempat beliau; dan gelaran ini kemudiannya diubah kepada Datu Shahbandar.

Pada tahun 1865 itu juga, Charles Brooke telah mendirikan sebuah kota di tempat yang bernama Kabung di kuala Sungai Kerian. Pada

tahun hadapannya, tahun 1866, seorang ketua Orang Iban di Sungai Katibas bernama Balang telah cuba hendak membunuh James Brooke Cruickshank, Residen di Bahagian Ketiga Sarawak; tetapi percubaan Balang itu tidak berhasil. Ia telah ditangkap dan dihukum bunuh. Setelah Balang mati, adiknya bernama Unjup telah menggantikan Balang menjadi ketua Orang Iban di Sungai Katibas dan meneruskan penentangannya terhadap pemerintah British di Sarawak.

Dengan persetujuan James Brooke (di England), pada tahun 1867 Charles Brooke (Tuan Muda) mula menubuhkan majlis mesyuarat bagi seluruh negeri Sarawak yang disebut *"Council Negeri"*; dan persidangan Council Negeri yang pertama telah diadakan dalam tahun 1867 itu juga di Bintulu. Persidangan kali keduanya telah diadakan di Sibu pada tahun 1868. Persidangan-persidangan yang berikutnya telah diadakan di bandar Kuching.

BAHAGIAN VI

Sarawak dalam pemerintahan Charles Brooke Raja Sarawak yang kedua 1868-1917

Kota-kota pihak British di Sarawak

Pada awal tahun 1868, Charles Brooke Bakal Raja Sarawak yang kedua telah mendirikan sebuah kota di Lubuk Antu di uhu Sungai Batang Lupar berdekatan dengan sempadan Kalimantan yang diperintah oleh Belanda. Pada tahun itu juga didirikan pula sebuah kota di Bintulu yang dinamakan *"Fort Keppel"*. Pendeknya, sehingga tahun 1868 itu, pihak British yang memerintah di Sarawak telah mempunyai sembilan buah kota di merata negeri Sarawak untuk mempertahankan dan melawan serangan dari pihak bumiputera Sarawak yang tidak suka orang British amnya dan Keluarga Brooke khasnya memerintah di Sarawak. Kota-kota pihak British itu ialah: *Fort James* di kuala Sungai Sekrang (1850), di Kanowit (1851), di Lingga (1852), di Sarikei (1856), *Fort Lili* di Betong (1858), di Sibu (1863), *Fort Charles* di Bakung (1865), di Lubuk Antu (1868) dan di Bintulu (1868).

Ngumbang menentang pihak British di Sarawak

Pada pertengahan tahun 1868 itu juga, telah heboh terdengar berita di bandar Kuching (Sarawak) mengatakan: di Ulu Sungai Batang Lupar ada seorang ketua orang Iban bernama Ngumbang; pengikutnya menggelarkan *"Berauh Langit"*; mereka menganggapnya sebagai seorang pahlawan yang gagah berani. Ngumbang telah membawa orang-orangnya pergi menyerang musuhnya orang Dayak yang berada di daerah Kalimantan perintah Belanda, sehingga menggusarkan pegawai-pegawai Belanda yang memerintah di sana. Ngumbang telah memberangsangkan juga orang-orangnya melawan pihak British yang memerintah di

Sarawak, dan jangan membayar cukai pintu seperti yang telah ditetapkan oleh pemerintah Sarawak. Dan Ngumbang terus juga melakukan pekerjaan memotong kepala orang di tempat-tempat yang berjiran dengan tempatnya. Dalam tahun 1868 itu juga Ngumbang serta orang-orangnya telah datang menyerang dan membakar kota pihak British yang baharu didirikan di Lubuk Antu.

Oleh sebab perbuatan Ngumbang yang dipandang oleh pemerintah Sarawak telah melampaui batas, dalam tahun 1968 itu juga, iaitu lebih kurang sebulan sebelum diangkat menjadi Raja Sarawak, Charles Brooke telah menghantar satu pasukan pergi ke ulu Sungai Batang Lupar hendak menangkap dan menghukum Ngumbang kerana perbuatan jahatnya yang telah keterlaluan itu. Tetapi pemergian pasukan kerajaan Sarawak itu tidak berhasil menangkap Ngumbang. Pendeknya perkara Ngumbang itu tidaklah dapat diselesaikan oleh Charles Brooke.

Charles Brooke menjadi Raja Sarawak yang kedua

Pada 3 hari bulan Ogos tahun 1868 itu juga Charles Brooke telah diangkat menjadi Raja Sarawak yang kedua menggantikan ayah saudaranya mendiang Sir James Brooke Raja Sarawak yang pertama. Charles Brooke telah mengangkat sumpah sebagai Raja Sarawak pada 11 hari bulan Oktober tahun 1868.

Pada awal tahun 1869, Charles Brooke telah belayar balik ke England, dan Arthur Crookshank tinggal memerintah di Sarawak. Di England, Charles Brooke telah berkahwin dengan Margaret de Windt. Apabila balik ke Sarawak isterinya itu digelarnya "Ranee Sarawak".

Lintong ketua Orang Iban di Kanowit menyerang Sibu

Pada 13 hari bulan Mei tahun 1870, Orang Iban dari Kanowit seramai 3,000 orang di bawah pimpinan ketua mereka bernama Lintong gelarannya "Mua-ari" telah datang menyerang kota pihak British di Sibu. Tetapi serangan itu telah dapat ditangkis oleh pihak British di Sarawak.

Charles Brooke melawan Orang Iban Ulu Ai

Dalam tahun 1870 itu juga, ramai Orang Iban Ulu Ai(r) datang mendiami Sungai Katibas cabang Sungai Batang Lupar yang dapat dimudiki ke ulunya masuk ke Sungai Kapuas dalam Kalimantan perintah Belanda. Orang Iban Ulu Ai itu kerap membuat kacau datang menye-

rang musuh mereka Orang Dayak yang tinggal di daerah Kalimantan perintah Belanda. Orang Belanda di sana telah menghantar bantahan kepada Raja Sarawak (Charles Brooke) mengenai perbuatan jahat Orang Iban Ulu Ai yang datang dari Sarawak itu.

Sungguhpun dalam tahun 1870 itu telah dua kali Charles Brooke menghantar pasukan pergi menyerang ke tempat Orang Iban Ulu Ai itu, tetapi mereka tidak juga jeran, sebaliknya terus mereka melakukan kejahatan. Akhirnya dalam bulan Julai tahun 1871, Charles Brooke telah menghantar pasukannya kali yang ketiga iaitu pasukan yang lebih besar lagi, melancarkan serangan mengejut ke tempat orang Iban Ulu Ai dan telah menghalau mereka dari Sungai Katibas, serta juga mengusir ketua mereka yang bernama Balang. Seorang adik Balang bernama Unjup, selepas itu, telah menjadi ketua orang-orang Iban yang datang lagi mendiami Sungai Katibas dan meneruskan penentangan mereka terhadap pihak British di Sarawak.

Ibu negeri Sarawak dinamakan Kuching

Dalam bulan Ogos tahun 1872, dalam suatu istiadat yang sederhana, Charles Brooke Raja Sarawak yang kedua itu telah merasmikan bandar ibu negeri Sarawak itu dengan nama *Kuching* iaitu mengikut nama sebuah sungai kecil tiada berapa jauh dari situ bernama Sungai Kuching.

Charles Brooke melawan Orang Iban Ulu Ai (Sambungan)

Dari tahun 1873 hingga tahun 1875 orang-orang Iban Ulu Ai yang tinggal di Sungai Katibas itu tidak juga berhenti-henti melakukan perbuatan jahat bahkan mereka telah bertambah berani lagi. Oleh sebab itu, dalam bulan Oktober tahun 1875, Charles Brooke telah menghantar lagi, iaitu bagi kali keempatnya, pasukan pergi menyerang ke tempat Orang Iban Ulu Ai itu. Pasukan kerajaan Sarawak itu telah membawa lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada orang Dayak dan Melayu. Pasukan pihak British ini telah membinasakan sebanyak 40 buah rumah Orang Iban Ulu Ai itu.

Oleh sebab serangan dalam bulan Oktober (1875) itu tidak juga memuaskan hati Charles Brooke, dalam bulan Disember tahun itu juga (1875), Charles Brooke menghantar lagi pasukan Sarawak bagi kali kelimanya pergi menyerang ke tempat Orang Iban Ulu Ai lalu memaksa mereka meninggalkan Sungai Katibas, tetapi dibenarkan tinggal di

Sungai Batang Lupar. Sejak itu pemerintah Sarawak telah melarang Orang Iban Ulu Ai tinggal di Sungai Katibas. Dan sejak itu juga boleh dikatakan tiadalah lagi berlaku kekacauan yang ditimbulkan oleh Orang Iban di sempadan Sarawak-Kalimantan. Dua tahun lepas itu, pada tahun 1877, pihak pemerintah Belanda di Kalimantan pula telah mengambil tindakan menyerang Orang Iban yang ada di ulu Sungai Batang Lupar dalam daerah perintah Belanda.

Kisah Lang Endang Ketua Orang Iban Sekrang

Pada tahun 1879, ada seorang ketua Orang Iban Sekrang, bernama Lang Endang (atau Lang Ngindang) telah diberi jawatan menjadi penghulu oleh pemerintah Sarawak. Sungguhpun pada zahirnya ia menunjukkan taat setianya kepada kerajaan Sarawak, tetapi dalam sulit ia telah mengapi-apikan Orang Iban Sekrang melawan pemerintah British di Sarawak dan jangan membayar cukai pintu kepada kerajaan.

Sebabnya Lang Endang melawan pemerintah British di Sarawak ialah kerana pada suatu masa tidak berapa lama dahulu beberapa buah perahu Orang Iban Sekrang, yang diketuai oleh Lang Endang, telah dibinasakan oleh pihak pemerintah Sarawak semasa hendak pergi menyerang Dayak Kuntu di Kalimantan perintah Belanda. Dan pada suatu masa yang lain pula, Lang Endang telah mengumpulkan orang-orangnya di keliling rumah panjangnya hendak pergi menyerang dan menggulingkan pemerintah British di Sarawak (Kuching). Tetapi pihak British telah dapat menghalang gerakan Lang Endang itu lalu Lang Endang diisytiharkan oleh pemerintah Sarawak sebagai seorang pelanggar undang-undang negeri dan dia telah diasingkan tinggal terpencil bersendirian di Kanowit. Semasa menentang Lang Endang, Nanang anak mendiang Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) telah membantu pihak British. Sejak itu Nanang telah dipandang oleh kerajaan Sarawak sebagai ketua orang-orang Iban di Saribas, dan kemudiannya Nanang telah dijadikan ahli dalam beberapa buah majlis mesyuarat kerajaan di Sarawak.

British dan Belanda menghadapi Orang Iban

Oleh sebab keadaan dan suasana di sempadan Sarawak dengan Kalimantan perintah Belanda itu tidak juga aman di atas perbuatan Orang Iban, pada tahun 1880 pihak pemerintah Belanda di Kalimantan dengan pihak British pemerintah Sarawak telah berunding pada suatu tempat di Kalimantan perintah Belanda. Dalam rundingan itu pihak Belanda telah

menuduh pemerintah British di Sarawak mendengar dan mempercayai berita bohong yang disebarkan oleh orang Iban mengenai tindakan yang dijalankan oleh pihak Belanda menindas orang Iban. Padahal, mengikut pihak Belanda, berita daripada Orang Iban itu tidak boleh dipercayai.

Dua tahun lepas itu, pada tahun 1882, pihak pemerintah Belanda di Kalimantan telah menyalahkan pemerintah British di Sarawak iaitu: "pemerintah Sarawak telah menjalankan pengaruh buruk terhadap Orang Dayak yang tinggal di sempadan dalam daerah perintah Belanda"; oleh sebab itu pihak Belanda pun tidak membenarkan pasukan dari Sarawak melintasi sempadan di daerah Kalimantan perintah Belanda.

Dalam pada itu tidaklah pula Charles Brooke berdiam diri sahaja; ia telah mencadangkan kepada pihak Belanda supaya pemerintah Belanda di Kalimantan (Borneo) dan pemerintah British di Sarawak dibenarkan bertindak barang ke mana sahaja dalam daerah kedua pemerintah itu; dan Charles Brooke telah menyatakan juga, semasa Ngumbang menjalankan serangan ke daerah perintah Belanda dan perintah British di Sarawak itu, pengikut Ngumbang hanya ada seramai empat atau lima ratus orang sahaja.

Setelah pegawai-pegawai pihak Belanda bermesyuarat sesama mereka berkenaan dengan cadangan Charles Brooke itu, akhirnya pihak Belanda bersetuju membenarkan pasukan dari Sarawak menyeberangi sempadan ke Kalimantan perintah Belanda iaitu di beberapa buah tempat yang ditentukan oleh pihak Belanda sahaja, dan dengan syarat, hendaklah diberitahu terlebih dahulu kepada pihak Belanda supaya pihak Belanda dapat mengadakan pengawal berjaga-jaga melindungi rumah-rumah panjang Orang Dayak dalam perintah Belanda yang bukan orang jahat, daripada diserang oleh pasukan dari Sarawak itu. (Lihat peristiwa yang berlaku dalam tahun 1886).

Nanang digelar Orang Kaya Pemancha Dana

Pada tahun 1882 itu juga, dalam suatu istiadat yang telah diadakan di *Fort Lili* di Betung, Charles Brooke telah memberi gelaran kepada Nanang, Orang Kaya Pemancha Dana iaitu mengambil gelaran mendiang ayahnya Bayang (Orang Kaya Pemancha Dana) dahulu. Dalam istiadat itu juga, Ringkai anak saudara kepada Bunyau seorang dari keluarga Iban Saribas, telah diberi gelaran *"Pengerah"*.

Setelah lebih kurang lima belas tahun lamanya Charles Brooke menjadi Raja Sarawak, pada tahun 1883, Orang Kayan yang tinggal di

Sungai Baram dekat negeri Brunei telah bangkit memberontak melawan kerajaan Brunei. Orang Kayan itu telah menghalau pegawai kerajaan Brunei yang ada di situ dan mereka tidak mahu lagi membayar cukai kepada kerajaan Brunei. Raja Charles Brooke telah pergi ke Brunei lalu berunding dengan Sultan Brunei berkenaan dengan hal itu. Dalam rundingan itu dengan kerelaan hati Baginda sendiri telah menyerahkan daerah Sungai Baram kepada kerajaan Sarawak, dan kerajaan Sarawak akan membayar sejumlah wang setiap tahun kepada kerajaan Brunei. Sejak itulah tempat-tempat di pantai laut dari Tanjung Kedurong, hingga ke Sungai Baram termasuk Similajau, Suai, Niah, dan Sibuti masuk ke dalam perintah kerajaan Sarawak, dan Charles Brooke telah mendirikan sebuah kota di Marudi.

Setelah Sungai Baram diserahkan kepada Sarawak, berlaku pula suatu perkelahian di Sungai Terusan di mana penduduk di situ telah membunuh orang Sarawak seramai lebih kurang dua puluh orang yang datang ke Sungai Terusan. Oleh sebab itu, pada awal tahun 1885 Sultan Brunei telah menyerahkan pula daerah Sungai Terusan itu kepada kerajaan Sarawak dan kerajaan Sarawak tidak pula dikenakan membayar apa-apa wang kepada kerajaan Brunei berkenaan dengan penyerahan Sungai Terusan ini.

Charles Brooke menyerang Orang Iban di Kadang

Hasil daripada persetujuan pihak Belanda dengan cadangan Charles Brooke pada tahun 1882 dahulu, pada bulan Mac tahun 1886 Charles Brooke telah menghantar satu angkatan perang mengandungi lebih kurang 12,000 Orang Iban pergi menyerang ke tempat Orang Iban yang bernama Kadang, kerana Orang Iban di situ selalu menimbulkan kekacauan terhadap pemerintah British di Sarawak. Tempat tersebut telah dibinasakan oleh angkatan pihak British yang datang menyerang itu. Sungguhpun orang Iban di Kadang itu tidak melawan dengan bersungguh-sungguh, tetapi 20 orang daripada mereka telah dibunuh oleh pihak British dan ramai juga yang cedera; 80 buah rumah panjang Orang Iban itu habis dibakar. Ngumbang juga ada sama dalam kumpulan Orang Iban di Kadang itu, dan dia telah menyerah diri kepada pemerintah British di Sarawak.

Charles Brooke telah merasa puas hati hasil daripada serangan yang telah dilancarkan itu; kerana sejak itu baharulah orang-orang Iban itu mahu membayar cukai pintu dan mahu pindah dari bukit-bukit di sempadan Sarawak – Kalimantan itu. Oleh pemerintah Sarawak,

kawasan negeri Sarawak di sempadan Sarawak-Kalimantan itu tidak dibenarkan lagi dijadikan tempat kediaman. Orang Iban itu dibenarkan dan digalakkan membuat penempatan di sepanjang Sungai Batang Lupar.

Residen Deshon dengan Orang Iban di sempadan Kalimantan

Tiada lama selepas itu, H.F.Deshon, Residen di Bahagian Kedua Sarawak, mengatakan ia telah berjaya menyuruh Ngumbang pergi membakar rumah-rumah panjang yang didiami oleh tiada berapa ramai lagi Orang Iban yang masih degil tidak mahu meninggalkan bukit-bukit tempat kediaman mereka di sempadan itu, dan mereka tidak juga mahu menurut perintah kerajaan supaya berpindah ke Sungai Batang Lupar.

Dalam pada itu pihak pemerintah Belanda di Kalimantan tidak juga berpuas hati, kerana Raja Sarawak tidak memenuhi pengakuannya untuk memberitahu terlebih dahulu kepada pihak Belanda berkenaan kedatangan angkatan dari Sarawak itu, hingga pihak Belanda tidak sempat mengadakan pengawal-pengawal di tempat yang tertentu bagi memerhatikan kedatangan dan tindakan yang dibuat oleh angkatan dari Sarawak itu. Pihak Belanda telah menegaskan lagi bahawa angkatan dari Sarawak tidak dibenarkan masuk ke daerah Kalimantan perintah Belanda.

Sarawak masuk ke bawah naungan perintah kerajaan British

Pada masa pemerintahan Charles Brooke inilah iaitu pada tahun 1888 Sarawak mula masuk ke bawah naungan perintah kerajaan British di England. Pada 14 hari bulan Jun tahun 1888 itu, satu surat perjanjian telah diperbuat dan ditandatangani di antara kerajaan British dan kerajaan Sarawak. Charles Brooke telah dianugerahkan bintang kebesaran G.C.M.G. (Knight Grand Cross of St. Michael and St. George), oleh kerajaan British, dan kemudiannya beliau telah diberi hak oleh kerajaan British boleh menerima tembakan kehormatan sebanyak 21 das tembakan meriam apabila beliau datang melawat ke sebarang tempat dalam Jajahan Empayar British.

Limbang masuk ke dalam perintah Sarawak

Sejak tahun 1884 lagi penduduk di tempat yang bernama Limbang dekat sempadan negeri Brunei, telah memberontak melawan pemerin-

tahnya kerajaan Brunei; kerana penduduk di Limbang tidak tertahan lagi menanggung penderitaan di atas kezaliman perintah orang-orang besar Brunei yang memerintah di Limbang. Pemberontakan itu telah berjalan beberapa tahun lamanya, dan tidak juga penduduk Limbang dapat mengubah sikap pemerintahan orang-orang besar Brunei itu. Akhirnya, dalam bulan Mac tahun 1890, ketua-ketua penduduk Limbang itu pun mengibarkan bendera kerajaan Sarawak di Limbang dan meminta perlindungan dari kerajaan Sarawak. Oleh sebab Charles Brooke merasa patut menolong penduduk Limbang yang tertindas itu, maka pada 17 hari bulan Mac tahun 1890 itu juga, Charles Brooke telah mengambil daerah Limbang dan dimasukkan ke dalam perintah kerajaan Sarawak iaitu setelah mendapat kebenaran daripada kerajaan British di England.

Bantin menjadi ketua Orang Iban di ulu Sungai Batang Lupar

Sungguhpun Ngumbang serta sebilangan besar Orang Iban dari ulu Sungai Batang Lupar telah menyerah diri dan tunduk kepada pemerintah British di Sarawak, tetapi ada beberapa orang pula di antara orang Iban itu yang muda-muda dan berdarah panas, masih tidak mahu menyerah kalah kepada pihak British. Mereka telah berpakat sesama sendiri lalu mengambil keputusan memilih dan mengangkat seorang muda di antara mereka, bernama Bantin, dijadikan ketua dan pemimpin mereka. Bantin terkenal juga dengan gelaran *"Ijau Layang"*. Tidak lama lepas itu, orang Iban yang diketuai oleh Bantin telah berpindah secara beramai-ramai ke ulu Sungai Delok cabang di sebelah ulu Sungai Batang Lupar. Bantin telah mendirikan sebuah rumah panjang di situ yang didiami oleh lapan kelamin orang-orangnya.

Ngumbang meruntuhkan rumah Bantin

Apabila hal perpindahan Bantin dan orang-orangnya ke ulu Sungai Delok itu diketahui oleh pihak British, pada bulan Ogos tahun 1890, Residen H.F. Deshon telah menyuruh Ngumbang membawa orang-orangnya pergi meroboh dan membinasakan rumah Bantin di ulu Sungai Delok itu. Perintah Deshon itu telah ditaati oleh Ngumbang dan beliau pergi membawa orang-orangnya untuk meroboh dan membinasakan rumah Bantin di ulu Sungai Delok itu. Perbuatan Ngumbang itu sebenarnya telah menjatuhkan maruahnya sebagai seorang pahlawan

pada pandangan orang-orang Iban. Lima kelamin Orang Iban yang tinggal di rumah panjang itu telah meninggalkan Ngumbang, kerana mereka tidak mahu lagi tinggal bersama dan mereka telah kembali semula menduduki kawasan yang dilarang oleh pihak British di sempadan Sarawak-Kalimantan itu. Charles Brooke telah memberikan arahan kepada Residen Deshon dan Residen yang lain di Sarawak supaya membiarkan Bantin membuat penempatan di mana saja yang disukainya.

Kisah Munan anak Penghulu Dalam Minggat

Tersebut pula kisah seorang yang bernama Munan anak Penghulu Dalam Minggat yang menjadi penghulu di tempat yang bernama Awik. Munan telah mengikut ayahnya Penghulu Dalam Minggat pergi belayar ke Sumatera. Penghulu Dalam Minggat telah meninggal dunia di Sumatera. Pada tahun 1892, Munan dengan beberapa orang pengikutnya telah balik ke Sarawak. Pada masa itulah timbul kekacauan di Awik kerana mencari ganti penghulu. Munan, anak sulung kepada mendiang Penghulu Dalam Minggat itu merasakan dialah yang sepatutnya menggantikan ayahnya menjadi penghulu atau setidak-tidaknya salah seorang daripada adik-adiknya yang bertiga bernama Rantai, Antau dan Enggah, untuk dilantik menjadi penghulu di Awik menggantikan ayah mereka. Ibu Munan yang bernama Indai Runai, seorang perempuan yang berpengaruh di Awik masa itu bersetuju dengan pendapat anaknya Munan itu. Dalam bulan Julai tahun 1892, Raja Charles Brooke telah datang ke Awik dan mengadakan perhimpunan ramai Orang Iban di situ bagi memilih siapakah yang akan dijadikan penghulu. Orang Iban yang berhimpun itu telah mengemukakan kepada Charles Brooke bahawa mereka telah memilih seorang yang bernama Ampan menjadi penghulu di Awik dan tiga orang lagi dijadikan penghulu di tempat lain; seorang daripada adik Munan iaitu Antau telah dipilih menjadi penghulu di Sungai Seblak.

Sungguhpun Ampan yang telah terpilih menjadi penghulu itu telah beristerikan anak saudara Munan, dan Antau adik Munan pun telah dapat menjadi penghulu, tetapi keluarga Munan tidak berpuas hati dengan pemilihan ke atas Ampan itu dan mereka menyalahkan D.S.J. Bailey pegawai British di situ yang suka kepada pemilihan Ampan itu. Setelah itu Munan pergi ke Sungai Kerian mengumpulkan orang-orangnya dengan tujuan hendak memberontak melawan pihak British.

Ampan telah memberitahu Bailey tentang pemergian Munan ke

Sungai Kerian hendak mengumpulkan orang-orangnya untuk sama memberontak. Bailey telah pergi ke Sungai Kerian dan memberikan sepucuk surat kepada Munan menyuruh Munan balik ke tempat isterinya di Sungai Julau. Tetapi perintah Bailey itu tidak diindahkannya. Oleh sebab itu Bailey telah menangkap Munan dan menghantarnya ke Kuching diserahkan kepada Raja Sarawak. Demikianlah kisah Munan mengikut cerita Bailey. Tetapi mengikut cerita Orang Iban pula didapati berlainan sedikit daripada cerita Bailey itu.

Orang Iban menceritakan: Munan telah menerima sebatang tongkat daripada Residen Bailey yang memanggil Munan hadir dalam satu mesyuarat. Munan dengan bersenjatakan pedang, menaiki sebuah perahu bersama pengikutnya telah menghilir datang ke tempat Bailey iaitu di Kabung. Apabila Munan sampai di pengkalan hendak naik ke darat, didapatinya Bailey telah sedia menanti di situ sambil memegang pistol di tangannya. Bailey telah menyuruh Munan segera naik ke darat; oleh sebab itu hampir berlaku perkelahian di antara Bailey dengan Munan. Seorang daripada pengikut Munan telah berkata kepadanya, "Kalau dibunuhnya tuan, kami akan membunuh dia, dan ramai lagi akan terbunuh". Melihat gelagat itu, Pengeran Matali, Pegawai Bumiputera dari Simanggang yang ada bersama Bailey di situ telah menasihatkan Bailey supaya jangan memaksa Munan. Akhirnya, dengan persetujuan Bailey, Pengeran Matali telah membawa Munan ke Kuching dan diserahkan kepada Raja Sarawak (Charles Brooke) untuk keputusan hukum dari Raja Sarawak itu. Munan telah dipenjarakan di Kuching.

Tiada berapa bulan lamanya dipenjarakan, dalam pertengahan tahun 1893, Charles Brooke telah melepaskan Munan dan disuruh tinggal di Sibu dalam Bahagian Ketiga Sarawak. Munan telah membuka kedai dan berniaga di situ sehingga ia menjadi kaya. Pada masa itu tiadalah berlaku lagi sebarang pergaduhan di antara Munan dengan Bailey. Tetapi Bailey memang benci kepada Munan.

Charles Brooke dengan bergopoh-gapah telah pergi ke Sungai Kerian. Pada 25 hari bulan Jun tahun 1893, ia telah berjumpa dengan sekumpulan Orang Iban seramai 300 orang di tempat yang bernama Saratok, dan telah mengatakan kepada orang-orang Iban itu, bahawa Munan ialah seorang pengacau yang bercita-cita tinggi; ia telah masuk campur dalam beberapa perkara di tempat yang bukan di bawah kuasanya. Charles Brooke telah menyalahkan Indai Runai ibu Munan yang telah menggalakkan anaknya itu, dan Charles Brooke telah memerintahkan supaya rumah panjang yang dipunyai oleh Indai Runai dirobohkan iaitu dalam tempoh enam bulan dari masa Charles Brooke memberikan arah-

an itu. Dan Antau adik Munan yang menjadi penghulu itupun dipecat oleh Charles Brooke dari jawatannya. Akhirnya Charles Brooke telah memerintahkan keluarga Munan menyerahkan kepada kerajaan Sarawak sepuluh buah tajau lama yang ditaksir berharga $1,500/- sebagai jaminan iaitu jika sesiapa dalam keluarga Munan yang berkelakuan tidak baik, tajau-tajau itu akan dirampas oleh kerajaan Sarawak.

Dalam tahun 1893 itu juga Raja Sarawak (Charles Brooke) telah pergi ke Lubuk Antu dan telah mengutus orangnya pergi memberitahu Bantin yang diketahui berada di situ yang mana Raja Sarawak hendak menemui beliau. Tetapi Bantin enggan menemui Raja Sarawak itu. Oleh sebab itu hampalah maksud Charles Brooke hendak berjumpa Bantin. Dalam pada itu Charles Brooke telah memberitahu Bailey di Simanggang: biarkanlah Bantin tinggal di mana sahaja yang disukainya, dan jangan dipaksa-paksa.

Perkelahian di antara orang Iban

Selang dari itu, dalam tahun 1893 itu juga, telah meletus perkelahian di antara Orang Iban di Sungai Batang Rejang dengan Orang Iban di Sungai Batang Lupar, Orang Iban di Sungai Batang Lupar itu dipimpin oleh Bantin dan dibantu oleh Ngumbang.

Pasukan Munan Menyerang Orang Kenyah

Sejak Munan menetap di Sibu, ia telah semakin terkenal kerana kekayaannya dan telah menjadi pembantu kepada pihak British yang memerintah di Sarawak. Dalam bulan Februari dan Jun tahun 1895, Munan telah membawa pasukan pihak kerajaan Sarawak yang terdiri daripada orang Iban pergi menyerang dan mengalahkan orang Kenyah yang tinggal jauh di pedalaman Sungai Batang Rejang, kerana Orang Kenyah itu telah membunuh seorang Melayu dan seorang peniaga Cina serta beberapa Orang Iban Saribas. Tiada seorang pun orang Eropah yang ikut sama dalam pasukan yang dipimpin oleh Munan itu.

Bantin mula memusuhi pihak British di Sarawak

Dalam tahun 1895 itu juga, Bantin bersama dengan beberapa orang ketua dari ulu Sungai Batang Lupar telah pergi berniaga ke Kapuas di Kalimantan dalam perintah Belanda. Apabila mereka kembali semula ke Sarawak, mereka telah membawa beberapa buah tajau lama yang

cantik-cantik serta perkakas-perkakas tembaga. Mengikut aturannya, barang-barang seperti itu apabila dibawa masuk ke Sarawak, hendaklah dibayar cukainya kepada kerajaan Sarawak. Tetapi Bantin dan kawan-kawannya tidak membayar cukai barang-barang yang mereka bawa itu. Residen D.S.J. Bailey telah mendakwa Bantin dan kawan-kawannya dan dibawa ke muka pengadilan. Dalam suatu perbicaraan yang telah diadakan dalam mahkamah di Lubuk Antu, Bailey yang menghakimkan perbicaraan itu telah menjatuhkan hukuman denda ke atas Bantin dan semua kawannya yang membawa tajau dan perkakas tembaga itu. Bantin sendiri telah membayar denda sebanyak sepuluh kati iaitu $7.20 dan semua tajau serta perkakas tembaga itu dirampas oleh Bailey. Sejak itu Bantin telah memusuhi pemerintah British di Sarawak. Walaupun Bailey telah mengisytiharkan bahawa Sungai Delok di ulu Sungai Batang Lupar itu menjadi kawasan yang tidak boleh didiami orang, tetapi Bantin serta pengikutnya terus juga mendiami tempat itu.

Pihak British di Sarawak menyerang pihak Bantin di Sungai Delok

Dalam pertengahan tahun 1896, Residen Bailey telah menghantar satu pasukan Orang Iban dari bahagian hilir Sungai Batang Lupar, iaitu musuh orang Iban yang berada di bahagian ulu sungai itu, pergi menyerang dan membinasakan rumah yang telah didirikan oleh Bantin di Sungai Delok. Pasukan pihak kerajaan Sarawak itu dipimpin oleh pegawai-pegawai Melayu sahaja, tidak ada seorang pun orang putih yang pergi sama. Apabila sampai di tempat Bantin, berlakulah pertempuran di antara pasukan Bailey dengan pengikut Bantin. Dalam pertempuran itu, seorang sahaja dari pihak Bailey yang terbunuh, dan mereka telah dapat membunuh seorang anak saudara Bantin dan telah membawa kepalanya yang dikerat balik ke tempat mereka di hilir Sungai Batang Lupar. Kepala anak saudara Bantin itu telah digunakan oleh orang Iban pihak Bailey itu dalam suatu istiadat keramaian yang telah mereka adakan di tempat yang bernama Sukong. Apabila orang-orang Iban pengikut Bantin mendengar berita istiadat keramaian yang telah diadakan di Sukong itu telah menggunakan kepala anak saudara Bantin, mereka semakin bertambah marah, terutamanya Bantin, terhadap pihak British dan pihak yang menyebelahinya itu. Bantin telah menetapkan hatinya hendak menuntut bela.

Apabila Raja Sarawak (Charles Brooke) dapat tahu bahawa Bailey telah menghantar angkatan pergi menyerang ke tempat Bantin itu,

timbullah kemarahannya dan telah melarang Bailey dengan keras supaya jangan lagi melakukan pekerjaan seperti itu.

Ngumbang membawa pasukan pihak British menyerang ke tempat Bantin

Dalam bulan Mac tahun 1897, Charles Brooke telah pergi ke Simanggang dan menyuruh Ngumbang pergi berjumpa Bantin menawarkan supaya Bantin berdamai dengan pihak Charles Brooke. Tetapi Bantin telah menolak tawaran Charles Brooke dan tetap juga hendak membalas bela di atas perbuatan pihak British (Bailey) di Sukong itu. Oleh sebab itu, pada akhir bulan itu juga, pemerintah Sarawak telah menyuruh Ngumbang dan ketua Orang Iban yang lain menyebelahi pihak British, mengumpulkan pasukan dan pergi menyerang ke tempat Bantin. Dalam pertempuran yang telah berlaku antara kedua belah pihak itu, pihak Ngumbang telah membunuh anak Bantin yang bernama Inggol. Setelah itu Ngumbang pun membawa pasukannya pulang. Walaupun demikian, Charles Brooke telah merungut juga mengatakan bahawa semua penentangan dari pihak Bantin terhadap pihak British itu berpunca daripada perbuatan Bailey yang telah mendenda Bantin dahulu.

Charles Brooke hendak berjumpa Bantin

Dalam bulan Oktober tahun 1897 itu juga, sekali lagi Charles Brooke datang ke Lubuk Antu dengan tujuan hendak berjumpa dan berunding dengan Bantin. Dalam suatu ucapan terbuka di tempat lapang di Lubuk Antu itu Charles Brooke telah mengatakan kepada hadirin di situ: ia boleh mengurangkan atau menggantikan semua wang denda yang telah dibayar oleh Bantin kepada Bailey dalam tahun 1895 dahulu, dan pihak British tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap Bantin. Charles Brooke juga telah mengatakan, apabila pengikut-pengikut Bantin itu telah selesai menuai padi, eloklah mereka berpindah ke Kuala Sungai Delok. Raja Sarawak itu telah mengingatkan juga kepada Bailey supaya jangan menjalankan apa-apa tindakan terhadap Bantin; biarlah Bantin tetap tinggal di tempat yang didiaminya itu, dan Bantin tidak akan dikenakan apa-apa bayaran, cuma Charles Brooke berkehendakkan supaya Bantin memberhentikan serangannya terhadap pihak British dan terhadap puak lain yang tinggal di Sarawak. Walaupun Charles Brooke telah mengatakan demikian kepada penduduk di Lubuk Antu sebagai

memujuk Bantin, tetapi apabila kata-kata Raja Sarawak itu disampaikan oleh orang-orang Bantin kepadanya, Bantin tetap juga tidak mahu berjumpa dengan Raja Sarawak itu. Pendeknya tawaran Charles Brooke itu telah terlambat.

Bantin menyerang Sukong

Beberapa minggu sahaja selepas lawatan Charles Brooke ke Lubuk Antu itu, pada suatu pagi, subuh-subuh lagi, Bantin telah membawa orangnya datang menyerang ke tempat Orang Iban di Sukong, iaitu Orang Iban yang telah mengambil dan mempermainkan kepala anak saudaranya dahulu. Dalam serangan tersebut pasukan Bantin telah membunuh lima orang lelaki dan lima orang perempuan Iban di Sukong itu. Setelah itu Bantin pun membawa pasukannya pulang. Dalam perjalanan pulang, mereka telah melalui kawasan berhampiran kota pihak British di Lubuk Antu. Residen Bailey telah merungut, kerana Orang Iban pihak British yang ada di Lubuk Antu itu, tidak ada seorang pun yang telah bertindak melawan pihak Bantin tatkala mereka melalui tempat itu.

Pasukan Charles Brooke menyerang lagi ke tempat Bantin

Oleh sebab Bantin telah melakukan beberapa serangan, Charles Brooke telah menetapkan: oleh sebab perbuatan Bantin itu, semua Orang Iban pengikutnya yang tinggal di ulu Sungai Batang Lupar itu mesti dihukum.

Pada tahun 1897 itu juga, Charles Brooke telah menghantar satu pasukan yang terdiri daripada orang-orang Iban yang diketuai oleh Munan pergi berjalan darat mengikut tebing Sungai Batang Rejang, kemudian mengelencong pergi menyerang ke tempat Bantin di ulu Sungai Batang Lupar. Tujuannya mengambil jalan mengelencong itu ialah supaya kedatangan pasukan pihak British itu tidak disedari oleh pihak Bantin. Munan telah menjalankan tugas itu. Dalam pertempuran yang telah berlaku dengan pihak Bantin itu, pasukan Munan yakni pihak British telah dapat membinasakan 20 buah rumah panjang dan membunuh 18 Orang Iban pengikut Bantin, dan Bantin sendiri telah melarikan diri ke arah sempadan Kalimantan perintah Belanda.

Charles Brooke dengan ketua-ketua Orang Iban di Simanggang (tahun 1898)

Lebih kurang setahun selepas itu, dalam bulan Mac tahun 1898, Charles Brooke telah datang lagi ke Simanggang, dan di situ ia telah berjumpa dengan beberapa orang ketua Orang Iban dari ulu Sungai Batang Lupar yang telah dikalahkan oleh pasukan Munan itu. Charles Brooke telah memerintahkan ketua-ketua Orang Iban itu menyerahkan kepada kerajaan Sarawak beberapa buah tajau lama serta perkakas-perkakas tembaga dijadikan sebagai jaminan dari pihak ketua-ketua Orang Iban itu, iaitu dengan janji mereka tidak lagi melakukan tindakan jahat terhadap pihak British, dan Charles Brooke telah mendesak mereka supaya memelihara keamanan dalam negeri.

Kerajaan Sarawak mendamaikan orang-orang Iban

Beberapa bulan lepas itu, dalam bulan Julai tahun 1898, kerajaan Sarawak telah mendamaikan Orang Iban yang tinggal di hilir Sungai Batang Lupar dengan Orang Iban di ulu sungai itu. Sejak itu hingga beberapa tahun lamanya penduduk di lembahan Sungai Batang Lupar hidup dalam aman damai.

Munan digelar Penghulu Dalam

Dua tahun lepas itu, pada tahun 1900, dalam suatu istiadat yang telah diadakan di Kuching, Raja Charles Brooke telah memberi gelaran *"Penghulu Dalam"* kepada Munan iaitu seperti gelaran mendiang ayahnya Penghulu Dalam Minggat. Pada masa itu Penghulu Dalam Munan itulah ketua yang paling kanan bagi orang-orang Iban yang tinggal di lembahan Sungai Batang Rejang.

Orang Murut di Sungai Terusan menentang pihak British di Sarawak

Dalam tahun 1900 itu juga, orang-orang Murut di bawah pimpinan dua orang ketua mereka bernama Okong dan Dayong yang tinggal di Sungai Terusan arah ke sana Sungai Limbang telah membangkitkan kekacauan. Mereka telah membunuh beberapa orang puak lain di pedalaman tempat mereka itu dan telah menyatakan pula bahawa mereka menen-

tang pemerintah British di Sarawak. Oleh sebab itu pada awal bulan Mei tahun 1900, Charles Brooke telah menghantar satu pasukan mengandungi seramai 800 orang pergi menyerang ke tempat Orang Murut di Sungai Terusan itu. Pasukan pihak British ini diketuai oleh C.F. Ricketts yang pada masa itu menjadi Residen di Limbang, Raja Muda Vyner Brooke (anak Charles Brooke) turut sama pergi dalam pasukan itu.

Pasukan pihak British yang pergi ke Sungai Terusan itu telah mengalami beberapa kesusahan dan penderitaan kerana jalannya jauh, mendaki menurun menempuh gunung-ganang dan meredah paya di sepanjang perjalanan itu. Dalam pada itu, akhirnya, sampai juga mereka ke Sungai Terusan tempat orang Murut itu. Tetapi apabila mereka sampai ke tempat itu, mereka tidak menjumpai Orang Murut dan ketua mereka Okong dan Dayong itu; mereka telah melarikan diri dan telah meninggalkan rumah panjang serta harta benda kepunyaan Okong dan Dayong. Rumah panjangnya itu adalah sebanyak enam buah. Semua rumah panjang itu habis dibakar dan harta benda kepunyaan Okong dan Dayong telah dirampas oleh pasukan pihak British yang datang itu sambil bertempik sorak kegirangan. Setelah itu pasukan pihak British berangkat pulang dan tiada berhasil untuk menangkap Okong dan Dayong.

Bantin mula membayar cukai pintu

Tiga bulan selepas itu, dalam bulan Ogos tahun 1900 itu juga, Bantin serta beberapa orang ketua keluarga Orang Iban yang tinggal di kawasan ulu itu telah datang ke Lubuk Antu dan mereka telah membayar cukai pintu seperti yang dikehendaki oleh pemerintah Sarawak.

Orang Iban di Sermat membunuh Bujal

Dalam bulan Disember tahun 1901, dengan tidak disangka telah berlaku satu peristiwa yang mungkin membangkitkan kekacauan lagi di Sarawak jika Charles Brooke tidak segera mengambil tindakan. Begini kisahnya.

Ada seorang tua yang hampir buta matanya, bernama Bujal, dari suatu tempat dekat Lubuk Antu telah datang ke bahagian hilir Sungai Batang Lupar. Orang tua itu telah dibunuh oleh beberapa orang pemuda Iban yang tinggal di tempat bernama Sermat di bahagian hilir Sungai Batang Lupar itu. Orang tua itu mempunyai ramai saudara Orang Iban

di ulu Sungai Batang Lupar. Oleh sebab pemerintah Sarawak menyedari bahawa pembunuhan itu mungkin akan menimbulkan perkelahian hebat antara orang Iban, Charles Brooke segera mengeluarkan perintah menangkap pemuda-pemuda di Sermat yang membunuh Bujal dan menjatuhkan hukuman penjara yang lama serta dihukum juga membayar wang gantirugi seperti yang disebut oleh Orang Iban hukum *"Pati Nyawa"* kepada keluarga si mati itu mengikut adat Orang Iban. Tindakan yang telah dijalankan oleh Charles Brooke terhadap pemuda-pemuda di Sermat itu telah memuaskan hati Orang Iban puak Bujal di ulu Sungai Batang Lupar. Tetapi Bantin tetap berdendam terhadap Orang Iban di Sermat itu.

Bantin menyerang Orang Iban di Sermat

Dalam bulan Mac tahun 1902, Bantin telah membawa pasukannya pergi menyerang ke rumah pemuda-pemuda di Sermat yang membunuh Bujal dahulu lalu membakar rumah-rumah panjang di situ dan telah mencederakan juga beberapa Orang Iban di Sermat. Lebih kurang sebulan lepas itu, dalam bulan Mei (1902) Bantin datang lagi menyerang ke Sermat. Bantin telah menjalankan tindakannya membalas bela di atas perbuatan pemuda-pemuda Iban di Sermat itu. Tetapi pemerintah Sarawak merasa tidak boleh membiarkan Bantin melakukan pembunuhan sesuka hatinya sahaja. Oleh sebab itu Charles Brooke telah bersiap hendak pergi menyerang ke tempat Bantin di ulu Sungai Batang Lupar.

Charles Brooke menghantar pasukan besar menyerang ke tempat Bantin (Angkatan Kolera – tahun 1902)

Dalam bulan Jun tahun 1902, ramai Orang Iban dari Bahagian Kedua dan Ketiga Sarawak telah dikumpulkan oleh Charles Brooke di Lingga (di tepi Sungai Batang Lupar). Mereka telah datang dengan perahu dan membawa alat senjata serta makanan yang telah mereka sediakan sendiri, bukan disediakan oleh kerajaan Sarawak; makanan mereka itu cukup untuk sebulan. Setelah semuanya siap, kumpulan Orang Iban itu pun dibawa ke Simanggang, dan di situ Charles Brooke telah mengatur serta menetapkan ketua-bagi tiap pasukan dalam angkatan itu, dan semua pasukan itu dipimpin oleh Raja Muda Sarawak Vyner Brooke yang pada masa itu menjadi Residen di Mukah dengan dibantu oleh

Deshon (Residen di Kuching) serta Bailey. Semua Orang Iban yang datang menyahut panggilan Raja Sarawak (Charles Brooke) itu adalah seramai lebih kurang 12,000 orang.

Dari Simanggang, orang-orang dalam angkatan itu telah berperahu memudiki Sungai Batang Lupar. Setelah dua hari, sampailah angkatan itu ke Lubuk Antu. Orang Melayu seramai 500 orang yang turut sama dalam angkatan itu telah diperintahkan membawa senapang. Pasukan bersenjata kerajaan Sarawak yang disebut *"Sarawak Rangers"* dari Kuching seramai 50 orang dibawa juga bersama dalam angkatan itu.

Pada 12 hari bulan Jun (1902) angkatan itu telah sampai dan berkhemah di kuala Sungai Delok. Menurut rancangannya, dari situlah angkatan Sarawak itu akan melancarkan serangan dari berbagai sudut menuju ke rumah panjang Orang Iban pengikut Bantin di ulu Sungai Delok. Tetapi angkatan Charles Brooke itu tidak dapat melancarkan serangan besar seperti yang telah dirancangkan itu; kerana pada masa itu juga dalam angkatan itu telah merebak penyakit taun atau kolera (cholera) hingga tidak kurang 1,000 Orang Iban dalam angkatan Charles Brooke itu telah mati. Oleh sebab ketakutan, Orang Iban yang tinggal itu pun dengan bergopoh-gapah berkemas lalu meninggalkan tempat itu menghilir balik ke tempat mereka. Tinggallah lebih kurang 100 Orang Iban yang diketuai oleh Penghulu Dalam Munan pergi menyerang dan membakar beberapa buah rumah panjang pengikut Bantin di ulu Sungai Delok. Tetapi tidaklah juga mereka berjumpa dengan Bantin dan Orang Iban pengikutnya. Dalam serangan itu ramai ketua Orang Iban dan pegawai Melayu dalam angkatan Charles Brooke itu yang telah mati kerana penyakit kolera atau taun yang telah menular dengan hebatnya di tempat itu. Angkatan itu pun balik ke Kuching dengan tiada mencapai maksudnya, dan angkatan itulah dalam sejarah Sarawak disebut *"Angkatan Kolera" (Cholera Expedition).*

Setelah angkatan pihak British itu balik ke Kuching, Bantin serta orang-orangnya datang semula ke tempat mereka di ulu Sungai Delok itu. Bantin tidak membenarkan orangnya mengambil kepala orang pihak kerajaan Sarawak yang mati kerana penyakit kolera itu. Oleh sebab itu tiadalah mereka dijangkiti oleh penyakit tersebut. Pada masa itu, Ngumbang yang telah menyebelahi pihak Charles Brooke sejak tahun 1868 dahulu, telah berpaling tadah masuk semula menyebelahi Bantin dan menentang pihak British yang memerintah Sarawak.

Bantin dan Ngumbang menyerang Orang Iban di Sungai Lemanak

Dua bulan lepas itu, pada 26 hari bulan September tahun 1902 itu juga, Ngumbang bersama dengan Bantin telah membawa pasukan mereka seramai 1,000 Orang Iban datang menyerang ke rumah panjang Orang Iban di hilir Sungai Lemanak cabang Sungai Batang Lupar, dan mereka telah membunuh 72 orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak Iban di situ.

Oleh sebab itu, dalam bulan Oktober dan November tahun itu juga (1902), Residen Bailey telah menghantar pasukannya berturut-turut pergi menyerang ke tempat Bantin di ulu Sungai Batang Lupar dan Batang Wi tempat kediaman Ngumbang. Tetapi tidak juga mereka dapat menangkap Bantin dan Ngumbang.

Pasukan Penghulu Dalam Munan menyerang ke tempat Bantin dan Kana di Sungai Engkari (tahun 1902)

Dalam bulan November tahun 1902 itu juga, Penghulu Dalam Munan telah diperintahkan oleh pihak British membawa orang-orangnya dari Sungai Batang Rejang, pergi bersatu dengan orang Iban dari Sekrang dan Saribas yang diketuai oleh Insol anak Nanang yang menyebelahi pihak British, supaya bersatu pergi menyerang Orang Iban pengikut Bantin di Sungai Engkari di ulu Sungai Batang Lupar, kerana Bantin telah bersatu dengan Orang Iban di Sungai Engkari yang diketuai oleh pemimpin mereka bernama Kana.

Pasukan yang dibawa oleh Penghulu Dalam Munan itu telah terlambat sampai menemui Insol dan pasukannya. Oleh sebab itu, sebelum Munan sampai, pasukan Insol telah diserang hendap dan dikalahkan oleh pasukan Kana di Sungai Engkari.

Apabila pasukan Penghulu Dalam Munan sampai, lalu diserangnya pasukan Kana di Sungai Engkari yang terdiri daripada orang Iban yang menentang pihak British. Semasa pasukan Penghulu Dalam Munan datang menyerang itu, orang-orang Iban pengikut Kana sedang berkumpul bersuka-sukaan menjalankan istiadat kerana mereka telah dapat memotong kepada beberapa Orang Iban Sekrang dan Saribas yang memihak kepada British. Pasukan Penghulu Dalam Munan itu telah dapat membunuh 60 orang dan menawan lima orang pengikut Kana di Sungai Engkari itu. Tetapi mereka gagal menangkap Kana atau Bantin; kedua mereka itu telah lari melepaskan diri.

Pertempuran Bong Kap (Tahun 1904)

Hingga masa ini pun Bantin dan Kana masih meneruskan tindakan melawan pihak British yang memerintah di Sarawak. Dalam bulan Mac tahun 1904, satu pasukan British di Sarawak, di tempat yang bernama Wong Adai di ulu Sungai Nanga Entabai, yang diketuai oleh Vyner Brooke (Raja Muda) bersama dengan pasukan "Sarawak Rangers" dipimpin oleh seorang pegawai British bernama; H.S.B. Johnson, telah diserang oleh pasukan yang diketuai oleh Bantin dan Kana. Dalam pertempuran di Wong Adai itu, pihak Bantin dan Kana telah dikalahkan oleh pihak British; 18 orang dalam pasukan Bantin dan Kana telah terbunuh. Bantin telah melarikan diri pergi ke daerah Kalimantan perintah Belanda. Kana, walaupun tangan dan beberapa bahagian badannya telah kena tembak, tetapi ia dapat juga melarikan diri. Tidak juga pihak British dapat menangkap Bantin dan Kana.

Pasukan kerajaan Sarawak yang dipimpin oleh Raja Muda Vyner Brooke serta pasukan Sarawak Rangers itu telah menunggu di tempat itu dengan harapan Bantin dan Kana datang semula ke situ. Menurut ceritanya, Bantin dan Kana telah pergi ke sebuah bukit di sempadan Sarawak-Kalimantan perintah Belanda bernama Bukit Mikar Pambar. Pertempuran di ulu Sungai Entabai inilah yang disebut dalam sejarah Sarawak *"Pertempuran Bong Kap"* iaitu mengikut nama sejenis perahu Orang Iban disebut perahu "Bong Kap" yang dikayuh oleh Orang Iban seramai seratus orang. Bantin yang telah pergi ke daerah perintah Belanda itu telah berbaik dan telah menolong Orang Belanda di sana.

Orang Iban berdamai dengan Charles Brooke (Tahun 1905)

Pada tahun 1905, Orang-orang Iban di Sungai Pan dan Sungai Engkari, tiada berapa jauh dari Lubuk Antu, telah merasa bosan dan tidak mahu lagi berperang melawan pihak British yang memerintah di Sarawak. Mereka beramai-ramai telah datang berjumpa Charles Brooke dan minta berdamai; mereka telah membayar cukai pintu dan telah mengaku kepada Charles Brooke akan berkelakuan baik, tidak lagi mahu melawan pihak British yang memerintah di Sarawak.

Bantin berdamai dengan Penghulu Dalam Munan (1907)

Lebih kurang setahun setengah lepas itu, iaitu setelah kerajaan Sarawak menjalankan beberapa perhubungan, pada pertengahan bulan Mei

tahun 1907, Bantin serta beberapa orang Ketua Orang Iban yang melawan pihak British di Sarawak itu, telah datang ke Kapit di bahagian ulu Sungai Batang Rejang. Pada 16 hari bulan Mei itu (1907) Bantin serta ketua-ketua Orang Iban dari ulu Sungai Batang Rejang itu telah membuat perdamaian dengan ketua-ketua Orang Iban di bahagian hilir Sungai Batang Rejang yang diketuai oleh Penghulu Dalam Munan. Istiadat perdamaian itu telah disaksikan oleh Residen Charles Hose dan juga Raja Charles Brooke. Pada masa itulah Bantin telah menghadiahkan kepada Charles Brooke sebatang lembing yang berhiaskan rambut manusia yang telah dikorbankan oleh Bantin, sambil Bantin mengatakan kepada Charles Brooke bahawa ia tidak mahu lagi berperang melawan pihak pemerintah British di Sarawak. Bantin telah mengatakan juga bahawa ia bermaksud hendak membuat perdamaian dengan orang-orang Iban di hilir Sungai Batang Lupar yang menyebelahi pihak British itu.

Bantin dan Ngumbang tidak mahu lagi melawan pihak British di Sarawak (1909)

Dalam bulan Mac tahun 1909, Bantin serta Ngumbang dan beberapa orang ketua Orang Iban yang menentang pemerintah British di Sarawak selama ini, telah datang ke Lubuk Antu membayar denda yang dikenakan oleh pemerintah Sarawak ke atas mereka; mereka tidak lagi membantah perintah dari kerajaan Sarawak itu. Setelah membayar denda itu, Bantin serta pengikutnya seramai 80 kelamin telah berpindah ke Sungai Leboyan di ulu Sungai Delok dalam daerah perintah Belanda, dan di situlah Bantin hidup hingga akhir hayatnya. Bantin telah meninggal dunia dan dikuburkan di situ dalam tahun 1932.

Charles Brooke menentang Orang Iban Sungai Balleh

Dalam tahun 1912 sebahagian besar Orang Iban telah berpindah ke lembah Sungai Balleh di bahagian ulu Sungai Batang Rejang. Apabila berita itu sampai kepada Raja Sarawak (Charles Brooke), tidaklah pula diambil apa-apa tindakan, kerana ia menyangkakan perpindahan mereka itu tidak akan mendatangkan keburukan. Tetapi tiada lama lepas itu, Charles Brooke mendapat berita mengatakan orang Iban di Balleh itu telah membuka kawasan hutan di situ dengan luasnya untuk bercucuk tanam dengan cara berpindah-pindah seperti kebiasaan mereka ber-

cucuk tanam, dan yang pentingnya, sambil itu mereka telah melakukan pula perbuatan jahat memotong kepala orang serta menyatakan bahawa mereka menentang pemerintahan British di Sarawak.

Dalam bulan Ogos tahun 1913, tatkala Charles Brooke datang melawat Kapit, telah dinyatakan bahawa seramai 63 Orang Iban dari Balleh telah pergi menyerang orang Kayan di Sungai Mahakam dalam perintah Belanda, dan telah membawa balik tujuh kepala Orang Kenyah yang mereka potong. Charles Brooke telah menulis surat kepada Residen Belanda di Kalimantan menyatakan dukacitanya mengenai hal yang baharu dilakukan oleh orang Iban Balleh itu, dan Charles Brooke berjanji akan menjalankan tindakan terhadap mereka. Tiada lama lepas itu, beberapa orang Ketua Orang Iban Balleh telah ditangkap dan dihukum bunuh oleh kerajaan Sarawak.

Walaupun demikian, perbuatan memotong kepala orang oleh Orang Iban Balleh itu masih diteruskan. Dalam tahun 1914 sekumpulan Orang Iban Balleh di bawah pimpinan ketuanya yang bernama Merum, telah berpindah ke Sungai Mujong dan Sungai Gat di bahagian ulu Sungai Batang Rejang. Dalam tahun 1915, Merum serta pengikutnya telah membangkitkan gerakan memberontak melawan pemerintah British di Sarawak. Dalam bulan Februari dan Mei tahun 1915 itu juga, dua kali kerajaan Sarawak telah menghantar pasukannya, termasuk pasukan Sarawak Rangers, pergi menyerang ke Bukit Salong tempat kediaman dan kubu kuat Merum serta orang-orangnya. Mereka telah dikalahkan oleh pasukan kerajaan Sarawak itu. Sejak itu sebahagian besar daripada Orang Iban Balleh itu telah berpindah ke sungai besar Batang Rejang. Merum telah dipecat daripada jawatannya sebagai penghulu Orang Iban; dia dan semua anggota keluarganya tidak akan diberi memegang apa-apa jawatan kerajaan lagi.

Charles Brooke menentang Orang Iban Sungai Gat

Dalam pada itu, Orang-orang Iban yang degil dan berani yang tinggal di Sungai Gat itu, terus juga melakukan beberapa serangan ke Bahagian kedua dan Ketiga Sarawak. Dalam bulan April tahun 1916, satu pasukan kecil dari Sarawak Rangers terdiri daripada orang Melayu dan Kayan, diketuai oleh seorang pegawai muda British bernama G.M. Gifford telah pergi menyerang Orang Iban yang melawan kerajaan di Sungai Gat itu. Ketua Orang Iban itu bernama Tabor. Pertempuran antara kedua belah pihak itu telah berlaku di tempat yang bernama Nanga Pila di bahagian ulu Sungai Batang Rejang. Seramai 200 orang

daripada Orang Iban Sungai Gat itu telah dibunuh oleh pasukan kerajaan Sarawak itu. Tabor telah dibunuh oleh seorang ahli dalam pasukan Sarawak Rangers bernama Impin. Menurut ceritanya, Orang Iban Sungai Gat itu sedang dalam perjalanan hendak pergi menyerang ke tempat Orang Melanau; tetapi telah bertembung dan bertempur dengan pasukan kerajaan Sarawak. Charles Brooke gembira dengan kejayaan pasukan kerajaan itu, dan dia berharap semoga tindakan yang baharu dilakukan itu dapat memberi pengajaran kepada pihak yang hendak memberontak melawan pemerintah British di Sarawak.

Charles Brooke balik ke England dan meninggal dunia

Setelah berkhidmat dalam kerajaan Sarawak selama 65 tahun, termasuk selama 48 tahun sebagai Raja Sarawak, pada bulan November tahun 1916, Charles Brooke telah jatuh sakit. Setelah sakitnya itu berkurang sedikit dan selepas diberi rawatan pada 5 hari bulan Disember tahun itu juga (1916), ia pun bertolak meninggalkan Sarawak balik ke tanah airnya di England. Anaknya, Charles Vyner Brooke sebagai Raja Muda, tinggal menjalankan pemerintahan di Sarawak.

Setelah lima bulan lamanya Charles Brooke berada di rumahnya di Cirencester, England, penyakitnya menyerang lagi, dan pada 17 hari bulan Mei tahun 1917, Charles Brooke telah meninggal dunia dalam usia kurang sebulan 88 tahun. Mayatnya telah dibalut dan diubati dengan tujuan hendak dibawa balik dan dikebumikan di Sarawak mengikut wasiatnya. Tetapi, setelah menanti selama dua tahun dan mayat itu tidak juga dapat dibawa ke Sarawak, kesudahannya keluarganya pun mengkebumikan mayat Charles Brooke di kawasan Gereja Sheepstor, Devonshire, England. Dan dengan itu tamatlah riwayat pemerintahan Charles Brooke di Sarawak.

BAHAGIAN VII

Sarawak dalam pemerintahan Charles Vyner Brooke Raja Sarawak yang ketiga 1917-1946

Vyner Brooke diangkat menjadi Raja Sarawak

Pada hari Jumaat, 18 haribulan Mei tahun 1917, berita kematian Sir Charles Brooke di England itu telah sampai ke Kuching (Sarawak) menerusi berita telegraf. Mulai hari itu seluruh negeri Sarawak mengibarkan bendera separuh tiang sebagai tanda perkabungan rakyat Sarawak atas kematian Raja Sarawak yang kedua itu. Seminggu lepas itu, pada 24 haribulan Mei (1917), Raja Muda Vyner Brooke anak mendiang Sir Charles Brooke itu pun diangkat menjadi Raja Sarawak iaitu Raja Sarawak yang ketiga.

Pengalaman Vyner Brooke sebelum menjadi Raja Sarawak

Sebelum menjadi Raja Sarawak, semasa ayahnya masih memerintah di Sarawak lagi, Vyner Brooke telah memegang beberapa jawatan dan telah menempuh beberapa pengalaman di Sarawak. Ibu Vyner Brooke bernama Ranee Margaret dan telah dilahirkan di England pada 26 haribulan September 1874. Ketika berumur 24 tahun, ia telah memegang jawatan Residen bagi Daerah Batang Lupar di Sarawak iaitu dari tahun 1898-1899, dan menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak. Pada tahun 1900, setelah Vyner Brooke menjadi Raja Muda Sarawak, ia telah turut sama dalam angkatan kerajaan Sarawak pergi menyerang ke tempat orang Murut di Sungai Terusan. Lepas itu, pada tahun 1902, pada masa Vyner Brooke menjadi Residen di Mukah, ia telah mengetuai angkatan kerajaan Sarawak pergi menyerang Sungai Delok untuk menangkap Bantin, dan angkatan Sarawak itu telah dijangkiti oleh penyakit taun atau kolera dan angkatan itulah yang disebut *"Angkatan Kolera"*

(Cholera Expedition). Kemudian dalam tahun 1904, sekali lagi Vyner Brooke telah memimpin angkatan Sarawak yang telah bertempur dengan pengikut Bantin dan Kana dalam pertempuran yang dinamakan *"Pertempuran Bong Kap"*. Pada tahun 1911, setelah berumur 37 tahun, Vyner Brooke telah balik ke England, dan di England ia telah berkahwin dengan Sylvia. Demikianlah ringkasnya riwayat hidup dan pengalaman Vyner Brooke sebelum menjadi Raja Sarawak.

Vyner Brooke dengan rasmi menaiki takhta Kerajaan Sarawak (1918)

Pada hari Isnin, 22 hari bulan Julai 1918, satu istiadat telah diadakan di bandar Kuching, dan dalam istiadat itulah Vyner Brooke dengan rasminya telah menaiki takhta kerajaan Sarawak sebagai Raja Sarawak. Dari atas takhta kerajaan itu sambil memegang kitab Bible, Vyner Brooke telah bersumpah dalam bahasa Melayu sebagai Raja Sarawak. Datu Bandar Abang Muhammad Kasim telah menyampaikan pedang kerajaan Sarawak kepada Raja Vyner Brooke yang sedang berdiri di atas takhta kerajaan itu. Sumpah Raja Sarawak dalam bahasa Melayu itu demikian bunyinya:

(1) Fasal pertama: kita berjanji mengakui agama Islam serta dengan adat dan hukum yang tersebut pada agama itu.

(2) Fasal kedua: kita berjanji seperti hukum dan adat di atas orang Melayu boleh seperti yang sudah diletakkan perintah selama ini. Maka jikalau mengganti atau mengubah itulah serta fikiran dan pertimbangan daripada tuan-tuan yang duduk di dalam Konsul Negeri.

(3) Fasal ketiga: kita berjanji mana-mana pergantian kita yang menjadi Raja Sarawak maka sehingga boleh mengikut fasal-fasal yang tersebut di dalam wasiat Raja Sir Charles Brooke.

Maka menurutkan mengambil sumpah dan mengikut seperti adat negeri yang seperti maksud almarhum ayahanda kita.

Demikianlah maksud sumpah dalam bahasa Melayu yang telah dilafazkan oleh Raja Vyner Brooke tatkala ia dirasmikan menaiki takhta kerajaan menjadi Raja Sarawak pada 22 haribulan Julai 1918 itu.

Azam dan usaha Vyner Brooke di masa permulaan menjadi Raja Sarawak

Pada permulaan Vyner Brooke menjadi Raja Sarawak, ia telah berazam hendak mengamankan penghidupan beberapa puak bangsa yang tinggal di ulu-ulu sungai dalam negeri Sarawak itu, kerana selama ini puak-puak suku bangsa itu selalu sahaja bermusuhan dan berkelahi. Dan lagi Vyner Brooke telah juga berusaha mengumpulkan wang derma daripada saudagar-saudagar dan orang awam di Sarawak, dan wang derma itu telah dihantar ke England untuk membantu orang-orang yang cacat dan yang ditimpa kemalangan dalam Perang Dunia Pertama yang telah berlaku di benua Eropah sejak tahun 1914. Di masa penyakit selsema besar (influenza) merebak di seluruh dunia dalam tahun 1918, di Sarawak telah diserang juga oleh penyakit itu iaitu dalam bulan Julai – Ogos tahun 1918.

Pada 12 hari bulan November 1918 telah sampai berita ke Kuching mengatakan Perang Dunia Pertama di benua Eropah itu telah selesai dan pihak yang bermusuhan telah berdamai. Oleh sebab itu, di Sarawak juga telah diadakan beberapa acara sambutan kerana kegirangan seluruh penduduk Sarawak menyambut perdamaian itu.

Orang Iban di Sungai Gat menentang pemerintah British di Sarawak

Sungguhpun Raja Vyner Brooke sentiasa berharap semoga Sarawak kekal dalam aman damai, tetapi orang Iban di Sungai Gat (cabang di sebelah ulu Sungai Batang Rejang) masih terus melakukan keganasan dengan tujuan melawan pemerintah British di Sarawak yang diketuai oleh Raja Vyner Brooke. Oleh sebab itu, pada bulan April tahun 1919, Raja Sarawak telah menghantar satu angkatan dipimpin oleh pegawai British yang bernama G.M. Gifford pergi menyerang tempat Orang Iban di Sungai Gat itu. G.M. Gifford dibantu oleh pegawai-pegawai British lainnya bernama Aplin, P.M. Adams dan Lt. Clark dari pasukan Sarawak Rangers. Tuan Muda Bertram Brooke, adik Raja Vyner Brooke, turut sama dalam angkatan itu.

Angkatan kerajaan Sarawak itu telah sampai ke Sungai Gat dan telah membakar rumah-rumah Orang Iban yang memberontak itu di tempat yang bernama Bukit Tunggal. Orang Iban itu telah lari ke dalam hutan dan ramai di antara mereka telah melarikan diri ke wilayah Kalimantan perintah Belanda. Tetapi mereka telah ditangkap oleh pihak berkuasa

Belanda di sana dan diserahkan semula kepada kerajaan Sarawak. Beberapa orang ketua Orang Iban Sungai Gat yang memberontak itu telah dapat ditangkap oleh pihak kerajaan Sarawak dan mereka telah dihukum bunuh. Ketua-ketua Orang Iban itu yang bernama Belikau, Gila, Unyat dan Kunjan telah dapat juga ditangkap dan dipenjarakan di bandar Kuching; ada juga yang telah dihantar ke Igan di tepi laut dalam Bahagian Ketiga Sarawak.

Nampaknya, sehingga kepada permulaan Vyner Brooke menjadi Raja Sarawak, permusuhan dan pergaduhan di antara puak-puak Orang Iban itu masih berlanjutan terutama permusuhan di antara Orang Iban Ulu Ai yang berbaik dengan Orang Iban Engkari, bermusuh dan selalu berkelahi dengan Orang Iban di Sungai Sekrang, Layar dan Lemanak.

Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (kali yang pertama, di Simanggang, 1920)

Dengan kebijaksanaan Raja Vyner Brooke, dalam bulan Ogos tahun 1920, ia telah mengumpulkan beberapa orang ketua Orang Iban dari berbagai puak datang berkumpul dalam satu perhimpunan besar yang diadakan di Simanggang pada 4 hari bulan Ogos (1920). Ketua-ketua Orang Iban itu telah berdamai kemudian bertukar-tukar tajau dan memotong beberapa ekor babi untuk jamuan mereka, dan mereka juga telah mengaku di hadapan Raja Sarawak akan menjaga dan memelihara keamanan dalam negeri Sarawak.

Dalam perhimpunan ketua-ketua Orang Iban di Simanggang pada 4 hari bulan Ogos (1920) itulah Raja Vyner Brooke telah memberi suatu ucapan panjang kepada Orang Iban, dan isi ucapan Raja Sarawak itu antara lainnya adalah seperti yang disebutkan ini:

> Saya datang ke sini hendak melihat kamu semua yang datang dari ulu Sungai Batang Lupar, Sekrang, Layar (Saribas) dan Sungai Lemanak, kerana kamu hendak berdamai sambil memotong beberapa ekor babi dan bertukar-tukar tajau sebagai menandakan bahawa permusuhan di antara kamu pada masa yang sudah-sudah itu telah dihilangkan langsung. Begitulah juga mendiang ayah saya dahulu telah menyaksikan perdamaian yang dibuat di antara orang-orang dari puak Balau, Undup dan Sekrang, dan sejak itu mereka telah hidup dalam aman dan berbaik-baik antara satu dengan lain. Dan pada hari ini, saya harap semua bangsa yang ada di bawah pemerintahan saya di Sarawak ini, hendaklah

menunjukkan tanda perhubungan baik kepada puak-puak yang dahulunya bermusuhan itu.

Ikrar yang telah kamu ucapkan mengikut adat istiadat kamu dalam perhimpunan perdamaian ini, saya tegaskan pula dengan perkataan saya iaitu pada masa yang akan datang kalau ada sesiapa yang menimbulkan semula pergaduhan di antara kamu, orang itu adalah dianggap menjadi musuh saya; saya akan menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa yang membunuh orang lain. Pada masa yang lalu, pergaduhan di antara puak kamu itu memang ada; tetapi mulai dari sekarang ini pergaduhan itu tidak ada lagi, kerana telah diselesaikan dengan darah beberapa ekor babi dan pertukaran tajau-tajau yang telah dilakukan pada hari ini.

Demikianlah di antara ucapan Raja Vyner Brooke kepada ketua-ketua Orang Iban yang telah berkumpul mengikut istiadat mereka yang telah diadakan di Simanggang pada 4 hari bulan Ogos 1920.

Raja Vyner Brooke meraikan Putera Mahkota Inggeris di Singapura (tahun 1922)

Dua tahun lepas itu, pada tahun 1922, Prince of Wales Putera Mahkota Inggeris, dalam pelayarannya mengelilingi dunia, telah singgah di Singapura kerana merasmikan pembukaan Pamiran Malaya-Borneo yang diadakan di Singapura. Raja Sarawak, Vyner Brooke, juga pergi ke Singapura turut sama menyambut dan meraikan kedatangan Putera Mahkota Inggeris itu. Dalam satu majlis yang telah diadakan di Singapura, dan disaksikan juga oleh Raja Vyner Brooke, sekumpulan Orang Dayak dan Kayan dari Borneo telah menunjukkan tarian kebangsaan mereka di hadapan Putera Mahkota Inggeris itu.

Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (kali keduanya, di Simanggang, Mac 1924)

Dalam bulan Mac tahun 1924, Raja Vyner Brooke, bagi kali keduanya, telah berjaya pula mengumpul dan mendamaikan dalam suatu istiadat di Simanggang di antara Orang Iban dari ulu Sungai Batang Lupar dengan Orang-orang Iban dari hilir Sungai Batang Rejang yang selalu bermusuhan itu.

Tugu patung Charles Brooke didirikan di Kuching (tahun 1924)

Lebih kurang enam bulan lepas itu, pada 16 hari bulan Oktober tahun 1924 itu juga, Raja Vyner Brooke telah mengadakan suatu istiadat rasmi di Kuching kerana membuka tugu patung ayahnya mendiang Sir Charles Brooke, dan tugu patung itu masih ada lagi di Kuching hingga sekarang.

Raja Vyner Brooke mendamaikan Orang Iban (bagi kali ketiganya, di Kapit, November 1924)

Sebulan pula lepas itu, pada 16 hari bulan November (1924), Raja Vyner Brooke telah mengadakan perjumpaan dalam suatu istiadat besar di Kapit kerana perdamaian di antara Orang-orang Iban yang bermusuh-an iaitu Orang Iban dari ulu Sungai Batang Lupar dengan Orang Iban dari hilir Sungai Batang Rejang yang telah menyebelahi pihak peme-rintah British di Sarawak. Lebih kurang 4,000 Orang Iban, Kayan dan Kenyah dari berbagai tempat di Sarawak dan juga dari wilayah Borneo perintah Belanda telah datang berkumpul ke Kapit di tepi Sungai Batang Rejang menghadiri istiadat perdamaian itu. Beberapa orang pegawai Belanda dari Borneo telah juga hadir dalam perjumpaan yang meriah itu.

Dalam suatu istiadat di perhimpunan itu, semua ketua Orang Iban, Kayan dan Kenyah itu telah diberi hadiah oleh Raja Sarawak. Dan suatu penghormatan khas telah diberikan oleh Raja Sarawak kepada Penghulu Koh yang menjadi ketua Orang Iban di Sarawak, dan Raja Sarawak telah menggelar Penghulu Koh dengan gelaran Temenggung Koh kerana jasanya yang telah berjaya membawa dan mengumpulkan Orang Iban dari puak-puak yang selalu bermusuhan dan berkelahi itu datang berkumpul ke Kapit untuk berdamai. Dalam istiadat perdamaian itu Orang-orang Iban, Kayan dan Kenyah telah memotong beberapa ekor babi kemudian dibakar dan dimakan bersama sambil bersukaria. Sejak itu hingga dua tahun lamanya tiadalah berlaku apa-apa kekacauan di Sarawak.

Seorang Dayak bernama Jam mengamuk di Sibu (1926)

Pada 29 Oktober tahun 1926 telah berlaku suatu peristiwa yang meng-gemparkan di Sarawak. Pada hari itu ada seorang Dayak bernama Jam

yang bekerja sebagai mata-mata di Sibu, telah mengamuk dengan menggunakan sebilah parang di tempat awam di pasar Sibu. Dia telah membunuh empat orang Cina serta mencederakan 26 orang lainnya sehingga keadaan di pasar itu menjadi huru-hara; tiada siapa pun yang berani merapatinya. Dalam pada itu, ada seorang peon bekerja di mahkamah Sibu, Samat (Abdul Samad) namanya, dengan beraninya telah datang memukul kepala Jam dan mengambil parang dari tangannya dan terus ditangkap. Setelah dibicarakan di mahkamah Sibu, Jam telah dijatuhkan hukum bunuh. Sejak berlakunya peristiwa itu, beberapa hari lamanya Orang-orang Cina di pasar Sibu tidak mahu membuka kedai mereka. Itulah satu daripada kejadian mengamuk yang dahsyat dalam sejarah Sarawak.

Orang Iban diketuai oleh Asun tidak puas hati kepada kerajaan Sarawak kerana harga getah jatuh

Dalam tahun 1930 dan 1931 meletus pula kekacauan yang dibangkitkan oleh Orang Iban di ulu Sungai Kanowit, Entabai dan di ulu Sungai Julau. Ini berikutan kerana pada masa itu harga getah dan harga barang-brang hasil hutan telah jatuh di pasar Sarawak, dan mereka tidak tahu akan sebab sebenar kejatuhan harga itu, mereka hanya menyalahkan pemerintah British di Sarawaklah yang telah menyebabkan harga barang-barang itu jatuh. Oleh sebab itu mereka tidak berpuas hati kepada kerajaan Sarawak.

Ada seorang penghulu Orang Iban bernama Asun. Dialah yang menjadi penganjur kepada orang-orang Iban yang tidak puas hati kepada kerajaan Sarawak kerana kejatuhan harga getah dan hasil-hasil hutan itu. Dalam tahun 1931 kerajaan Sarawak telah menghantar satu pasukan untuk menangkap Asun. Tetapi Asun serta beberapa orang pengikutnya telah melarikan diri ke dalam hutan ke darat Sarawak dan kerajaan Sarawak gagal menangkapnya.

Dalam tahun 1932, Asun serta pengikutnya telah berterus terang menyatakan bahawa mereka memberontak melawan kerajaan Sarawak yang diketuai oleh Raja Vyner Brooke itu. Oleh sebab itu kerajaan Sarawak telah mendirikan beberapa buah rumah tempat berkawal di beberapa buah tempat di Sarawak dan telah menempatkan pasukan askar untuk berjaga dan mengawal tempat pengikut Asun yang tidak puas hati kepada kerajaan itu. Sungguhpun demikian Asun tetap juga meneruskan penentangannya dan dia telah berusaha pula memujuk Orang Iban di Bahagian Kedua Sarawak supaya menyebelahinya dan

melawan kerajaan. Tetapi Orang Iban di Bahagian Kedua Sarawak itu tidak mahu menjadi pengikut Asun dan mereka tetap juga taat setia menyebeblahi kerajaan Sarawak.

Walau bagaimanapun, dalam bulan Disember tahun 1932 Asun telah menyerah diri kepada kerajaan Sarawak. Asun telah ditahan dan kemudian dibuang (diasingkan) ke Lundu. Pengikut-pengikut Asun ada yang menyerah diri dan ada yang ditangkap oleh kerajaan. Pada tahun 1933, semua pengikut Asun telah menyerah diri kepada kerajaan Sarawak dan telah dihantar ke Igan.

Vyner Brooke menentang pemuda-pemuda Iban yang suka memotong kepala orang

Dalam tahun 1933 itu juga, akibat daripada kekacauan yang telah dibangkitkan oleh Asun itu, beberapa orang pemuda Iban telah melakukan pekerjaan mengayau (memotong kepala orang). Dalam tahun 1934 tiga orang Cina telah dibunuh di tempat yang bernama Belawai, dan kepala mereka dipotong. Dalam bulan Ogos tahun 1934 itu juga sekumpulan Orang Melayu dan Kayan di tempat yang bernama Pelagus telah diserang oleh orang Iban, dan kepala Orang Melayu dan Kayan itu telah dipotong dan dibawa pulang.

Pemuda-pemuda Iban yang melakukan perbuatan jahat membunuh dan mengambil kepala orang itu, telah diketahui oleh kerajaan adalah seramai tiga puluh orang. Oleh sebab penghulu-penghulu tidak mahu ataupun tidak sanggup memujuk mereka supaya menyerah diri kepada kerajaan, pihak kerajaan telah bertindak dengan mendirikan beberapa buah rumah tempat berjaga dalam kawasan lembahan Sungai Katibas dan Sungai Ngemah; askar-askar yang ditempatkan di situ ialah pasukan askar dari Bahagian kedua Sarawak. Dalam usaha ini pihak kerajaan telah agak berjaya dan telah dapat menangkap dua Orang Iban yang bertanggungjawab dalam perkara itu, dan mereka telah dihukum bunuh.

Mereka yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan di Pelagus itu telah juga dapat ditangkap iaitu seramai tiga orang dan mereka juga dihukum bunuh. Seorang lagi telah mati ditembak oleh askar peronda dari pihak kerajaan. Beberapa orang lain lagi telah ditangkap dan dipenjarakan kerana mereka telah melindungi pemberontak itu.

Oleh sebab kerajaan telah mendapat beberapa kejayaan dalam tindakan melawan orang Iban yang suka membunuh dan mengambil kepala orang itu, pada bulan Januari tahun 1936 pasukan askar kerajaan itu pun ditarik balik ke tempat perkhemahan mereka. Sungguhpun

demikian masih ada lagi di antara ketua-ketua pemberontak itu yang belum dapat ditangkap. Empat tahun kemudian, pada tahun 1940, ada empat orang ketua Orang Iban yang jahat itu telah dapat ditangkap dan diserahkan kepada Raja Sarawak bagi memutuskan hukuman ke atas mereka.

Datu Petinggi Abang Haji Abdillah

Pada tahun 1937, Raja Sarawak, Vyner Brooke, telah mengadakan semula pangkat dan jawatan Datu Petinggi di Sarawak. Pada 29 April tahun 1937, Abang Haji Abdillah telah diangkat menjadi Datu Petinggi.

Perlembagaan Sarawak dan 100 tahun Keluarga Brooke memerintah di Sarawak

Pada 24 hari bulan September tahun 1941, Raja Sarawak, Vyner Brooke, mula mengeluarkan Perlembagaan Sarawak dan diisytiharkan kepada rakyat Sarawak. Dengan adanya Perlembagaan itu, pemerintahan Raja Sarawak tertakluk di bawah nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Tertinggi Sarawak (Supreme Council) yang ahlinya terdiri daripada beberapa orang besar, ketua-ketua kaum dan juga Raja Sarawak sendiri.

Dua hari lepas itu, pada 26 hari bulan September (1914), di seluruh Sarawak terutama di Kuching telah diadakan keramaian besar kerana merayakan genap 100 tahun pemerintahan Keluarga Brooke di Sarawak. Pada hari itu ramai ketua dan wakil dari seluruh Bahagian di Sarawak telah datang ke Kuching mengucapkan tahniah kepada Raja Vyner Brooke, Raja Sarawak, dan mengaku taat setia kepadanya. Dalam satu istiadat di hari perayaan itu, Datu Petinggi Abang Haji Abdillah telah menyerahkan Pedang Negeri kepada Raja Sarawak.

Pada 17 hari bulan November tahun 1941 mulalah diadakan persidangan Konsul Negeri mengikut Perlembagaan yang baharu diadakan itu. Persidangan itu dipengerusikan oleh Kapten C.D. le Gros Clark.

Tentera Jepun menduduki Sarawak

Beberapa hari lepas itu, pada 7 hari bulan Disember tahun 1941, mulalah kelihatan kapalterbang tentera udara Jepun terbang melalui ruang angkasa di bandar Kuching. Esoknya, pada 8 hari bulan Disember

(1941) tersiarlah khabar ke seluruh dunia mengatakan Jepun telah mengisytiharkan perang terhadap British, Amerika Syarikat dan sekutunya. Seminggu lepas itu pada 16 hari bulan Disember (1941) tentera Jepun telah mendarat di Miri dan telah menduduki tempat itu dengan tiada mendapat sebarang tentangan dari pihak Sarawak. Kilang dan tempat minyak yang ada di Miri telah dibinasakan lebih dahulu oleh pihak tentera British yang berjaga di situ sebelum mereka lari meninggalkan tempat itu. Tiga hari lepas itu, pada 19 hari bulan Disember (1941), bandar Kuching mula dibom oleh tentera udara Jepun dan telah mengakibatkan banyak kerosakan di bandar itu. Lima hari kemudian, pada 24 hari bulan Disember (1941) tentera Jepun telah mendarat dan menduduki bandar Kuching. Sebelum tentera Jepun itu mendarat, menurut perintah dari pihak berkuasa tentera British di Singapura, padang kapalterbang di Kuching itu hendaklah terlebih dahulu dibinasakan (diletupkan) oleh pihak British, dan askar-askar Punjabi pasukan 2/15 yang ada di Kuching telah diperintahkan undur pergi ke Borneo perintah Belanda dan bersatu dengan pasukan tentera Belanda.

Jepun kalah dan British datang semula memerintah Sarawak

Dari awal bulan Disember tahun 1941 itu hingga bulan September tahun 1945, Sarawak takluk di bawah perintah Tentera Jepun, dan rakyat Sarawak telah menderita akibat kekurangan makanan dan pakaian seperti juga negeri lain di Asia Tenggara yang dikuasai oleh Tentera Jepun.

Pada 11 hari bulan September tahun 1945, beberapa pasukan tentera Australia, sekutu British dan Amerika Syarikat, telah tiba di bandar Kuching dan menerima penyerahan kalah dari pegawai tertinggi tentera Jepun di Sarawak. Dari masa itu hingga tujuh bulan lamanya Sarawak diperintahkan oleh Pertadbiran Tentera British (British Military Administration).

BAHAGIAN VIII

Sarawak menjadi Crown Colony dan kemudiannya bersekutu dalam Malaysia

Pada 16 hari bulan April tahun 1946, dengan perintah perisytiharan yang ditandatangani oleh Lord Louis Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Berikat di Asia Tenggara (British, Amerika Syarikat dan sekutunya), pemerintahan sibil (Civil) telah dikembalikan semula di Sarawak menggantikan Pertadbiran Tentera British. Raja Sarawak Vyner Brooke dan isterinya Ranee Sarawak (Sylvia) telah hadir sama dalam satu majlis menyambut kedatangan Lord Louis Mountbatten ke Kuching dan beliau diikuti bersama oleh beberapa orang British pegawai kerajaan Sarawak masa sebelum perang dahulu, dan pegawai-pegawai itu diketuai oleh Setiausaha Kerajaan (Sarawak) yang lalu bernama J.B. Archer, dan mereka telah diperintahkan menjalankan semula pertadbiran di Sarawak seperti dahulu.

Sebenarnya, tiada berapa lama sebelum pertadbiran sibil dikembalikan semula di Sarawak, Raja Sarawak Vyner Brooke telah menyatakan kehendaknya menyerahkan (cede) negeri Sarawak itu kepada kerajaan British di England jika penyerahan itu disetujui oleh rakyat Sarawak. Sungguhpun hasrat Raja Sarawak itu tidak disetujui oleh beberapa pihak rakyat Sarawak, namun ada pula pihak yang menyetujuinya dan telah berlaku pertentangan antara kedua belah pihak itu. Tetapi akhirnya rancangan Raja Sarawak itu berhasil juga. Sebagai permulaan dalam melancarkan penyerahan itu, kerajaan British telah menghantar seorang pegawainya dari England bernama C.W. Dawson datang ke Kuching yang kemudiannya dilantik sebagai pegawai pentadbir menjalankan pertadbiran bagi pihak kerajaan British di Sarawak.

Tiada lama lepas itu, satu badan Suruhanjaya dari Parlimen British di England yang diwakili oleh Rees Williams (dari Parti Buruh) dan seorang lagi bernama Gammans (dari Parti Konsevatif) telah datang ke Sarawak untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak mengenai penyerahan Sarawak kepada kerajaan British seperti yang dikehendaki oleh Raja

Sarawak itu. Setelah mereka menjalankan tugas itu di Sarawak, mereka kembali ke England, dan tiada lama lepas itu diterbitkanlah Laporan Suruhanjaya itu. Dalam Laporan itu antara lain menyatakan: Rakyat Sarawak lebih ramai yang suka dijalankan penyerahan itu. Setelah itu satu rang undang-undang mengenai penyerahan itu telah diserahkan kepada pertimbangan Konsul Negeri di Sarawak untuk diputuskan. Rang undang-undang itu telah diluluskan dengan suara terbanyak. Akhirnya, pada 1 hari bulan Julai tahun 1946 Sarawak dengan rasminya telah diserahkan kepada kerajaan British dan dijadikan sebuah jajahan kemahkotaan Diraja British yang disebut *"Crown Colony"*. Sejak itu berakhirlah pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak yang berjalan selama 105 tahun itu (1841-1946).

Negeri Sarawak telah menjadi "Crown Colony" dari 1 hari bulan Julai tahun 1946 sampai 15 hari bulan September tahun 1963. Semasa menjadi Crown Colony, pemerintahan kerajaan British di Sarawak diketuai oleh Gabenor British. Mereka yang telah menjadi Gabenor di Sarawak itu (1946-1963) ialah:

Sir Charles Arden-Clarke	:	1946-1949 (tiga tahun).
Mr. Duncan Stewart	:	1949: mati dibunuh oleh orang Sarawak di Sibu.
Sir Anthony Abell	:	1949-1959 (sepuluh tahun).
Sir Alexander Wadell	:	1959-15hb. September 1963.

Pada 16 hari bulan September tahun 1963, Sarawak bersama dengan Sabah, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu disekutukan menjadi *Malaysia* (Federation of Malaysia).

Tokoh-tokoh yang telah menjadi Ketua Negara (Yang Dipertua Negeri) bergelar Gabenor sejak Sarawak bersekutu dalam Malaysia sehingga sekarang ialah:

(1) Tuan Haji Abang Openg bin Haji Sapi'ee: dilantik pada 16.8.1963. Beliau telah meninggal dunia pada 18.3.1969.

(2) Tan Sri Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman: dilantik pada 2.4.1969 menggantikan almarhum Tuan Haji Abang Openg.

(3) Tun Datuk Petinggi Abang Haji Mohamad Salahuddin dilantik pada 2.4.1977.

(4) Datuk Petinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub dilantik pada 2.4.1981.

Tokoh-tokoh yang dilantik sebagai Ketua Menteri (Chief Minister) di Sarawak ialah:

(1)	Datuk Stephen Kalong Ningkan	:	dilantik pada 22.7.1963
(2)	Penghulu Tawi Sli	:	dilantik pada 24.9.1966
(3)	Datuk Petinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman bin Yaakub*	:	dilantik pada 7.7.1970 – meletakkan jawatan pada 25.3.1981.
(4)	Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud	:	dilantik pada 26.3.1981.

* Beliau telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak bagi kali yang ketiga berturut-turut setelah sekali lagi memenangi pilihanraya negeri yang telah diadakan pada bulan September 1979.

INDEKS

A

Abang Aing – 10, 64, 69.
Abang Ali – 73.
Abang Apung – 50, 53.
Abang Haji Abdillah – 80, 115.
Abang (Pengeran) Matali – 64, 92.
Abang Muhammad Kassim – 80, 108.
Abang Pata – 67.
Abdul Ghafur, Datu Petinggi Haji – 22, 35, 57, 62, 72.
Abdul Samad (di Sibu) – 113.
Agama Islam Masuk Ke Sarawak – 7–9.
"Agincourt", H.M.S. – 43, 44. (kapal perang)
Aji (anak Bayang) – 61, 69–70, 76.
Alan Lee – 56–60.
"Albatros", H.M.S. – 51. (kapal perang)
Alexander Wadell, Sir – 118.
Ampan (Penghulu di Awik) – 91–92.
Angkatan Kolera (1902) – 99–100, 107.
Antau – 91.
Anthony Abell, Sir – 118.
Apai Beragai – 39.
Apai Dendang – 60.
Archer, J.B. – 117.
Arden-Clarke, Sir Charles – 118.
Arthur Crookshank – 27, 49, 56, 70, 84.
Asun – 113–117.
Awik – 91.

B

Bailey, D.S.J., – 91–96, 101.
Bakir – 61, 69.
Balang – 81, 85.
Banjarmasin – 29.
Bantin (Ijau Layang) – 90–91, 93–96, 98–103.
Banting (Lihat: Lingga)
Batang Wi (tempat Ngumbang) – 101.
Bau – 11.
Bayang (Orang Kaya Pemancha Dana) – 26, 56, 61, 69, 70, 76, 86, 87.
Bertram Brooke – 109.
Beting Marau – 52–53.
Betung – 69.
Bintulu – 83.
British menyerang Brunei – 42–46.
Brunei – 10, 12, 27, 35–38, 42–49, 51, 58, 63, 72, 75, 76, 88.
"Buah Riah" (Mujah) – 55.
Bujal – 98–99.
Bukit Mikar Pambar – 102.
Bukit Saduk – 61, 68, 71, 76–77.
Bukit Salong – 104.
Bukit Tunggal (di Sungai Gat) – 109.

"Bulan" (ketua Orang Iban) – 26.
Bumiputera Asli di Sarawak – 4.
Bunyau – 61, 69, 87.

C

Charles Brooke – 57–61, 63–64, 66–74, 76–93, 95–100, 102–103, 105–108, 112.
Charles Fox – 63, 71–72, 77–78.
Charles Hose, Residen, – 103.
Charles Johnson – 32, 39, 57. (Lihat: Charles Brooke).
Charles Penty – 65.
Cina memberontak di Sarawak – 64–68.
Clark, C.D. le Gros – 115.
Council Negeri – 81.

D

Damuan – 45.
Datu Bandar Rancha – 22.
Datu Malik Burhan – 17.
Datu Petinggi Abdul Rahman – 51.
Datu Petinggi Ali – 10–11, 14, 18–19, 20, 22, 28, 32–35.
Datu Petinggi Kedit – 50.
Datu Andi (Raja Jarum) – 8, 10.
Datuk Kembali – 8.
Datuk Makam – 8.
Datuk Permaisuri – 8–10.
Datuk Sabtu' – 8.
Datuk Terawah – 8.
Dawson, C.W., – 117.
Dayong – 97–98.
Deshon, Residen H.F., – 89, 90–91, 100.
"Dido", H.M.S., (kapal perang) – 29, 31–33.
Duai – 50.
Duncan Stewart – 118.

E

Edward Belcher, Kapten Sir, – 36.
Egerton, Kapten, – 42.
Enggah – 91.

F

Farquhar, Kapten, – 52, 55.
"Fort Alice" (di Simanggang) – 80.
"Fort Charles" (di Bakung) – 83.
"Fort James" (di Nanga Sekrang) – 69, 83.
"Fort Keppel" (di Bintulu) – 83.
"Fort Lili" (di Betung) – 69, 80, 83, 87.

G

Gadung – 50.
Gammans – 117.
Gassing – 58.
George Stewart – 34.
George Warren Edwardes – 73–74.
Gereja Sheepstor – 80, 105.
Gifford, G.M., (Sarawak Rangers) – 104, 109.
Gua Niah – 1–2.

H

Haji Abang Openg, Tuan, – 118.
Haji Abdul Rahman bin Yaakub, Datu, – 119.
Haji Abdul Hasan, Datu Bandar, – 80.
Haji Bujang, Tan Sri Tuanku, – 118.
Haji Saman – 40–41, 44–47.
"Hazard", H.M.S., (kapal perang) – 42–43.
Henry Keppel, Kapten, – 27–35, 49.
Henry Steele – 57, 63, 71–72, 77–78.

I

Igan – 50–51, 61, 73, 110.
Impin (Sarawak Rangers) – 105.
Indai Runai – 91.
Inggol (anak Bantin) – 95.
Insol (anak Nanang) – 101.
Istana Windsor (di England) – 49.

J

Jaafar (hamba Pengeran Badaruddin) – 41–43.
Jam mengamuk (di Sibu) – 112–113.
James Brooke – 13–22, 24–39, 42–47, 49–55, 56–60, 62–70, 72–73, 75–76, 79–81, 84, 105.
James Brooke Cruickshank – 81.
James Brooke Johnson – 49, 59–60, 71, 74, 79–80.
"Jewata" – 3.
Johnson, H.S.B., (Sarawak Rangers) – 102.
"Joly Bachelor" (kapal) – 32.

K

Kadang – 88.
Kana – 101.
Kanowit – 44, 57, 62–63, 71, 79, 83–84, 86.
Kapit – 103–104, 112.
Karangan (di Sungai Sekrang) – 34.
Kekacauan di Mukah – 62–63.
Kesultanan Brunei – 9.
Ketua Negara Sarawak – 118.
Kimanis – 40, 46–47.
Kota di Kabung – 80.
Kota di Kanowit – 57, 71.
Kota di Lingga – 57.
Kota di Lubuk Antu – 83–84.
Kota di Marudi – 88.
Kota di Sarikei – 63.
Kota di Sekrang – 57.
Kuching (Sarawak) – 8, 10–11, 13–14, 18, 20, 22, 26–29, 31–36, 39, 43, 49–51, 56–57, 62–65, 67, 69, 72–74, 81, 85, 92, 97, 100, 107–108, 110, 112, 115–117.

L

Laksamana Aminuddin – 9–10.
Laksamana Amir – 50.
Lang Endang – 86.
Layang (menantu Rentap) – 58, 63, 77.
Layar – 30.
Leftenan Gibbard – 39.
Leftenan Wade – 33.
Lidah Tanah – 18.
Limbang – 6, 89–90, 97.
Lingga (Banting) – 17, 30–31, 35, 52, 57, 58–59, 66, 83, 99.
Linggir – 24–25, 50, 53.
Lintong (Mua-ari) – 84.
Lord Louis Mountbatten – 117.
Lubuk Antu – 83–84, 93–94, 96, 98, 100, 102–103.
Lundu – 58, 114.
Luyuh (anak Bayang) – 61, 70, 71, 76.

M

"Maeander", H.M.S., (kapal perang) – 49–50.
Majapahit – 3.
Marudu – 12, 37–39.
Masjid Besar di Kuching – 57.
"Matahari" (ketua Orang Iban) – 26.
Membakut – 46–47.
Merum (ketua Iban Balleh) – 104.
Muhammad Lana, Datu Bandar, – 22, 50, 65, 66–67, 80.
Mukah – 62–63, 71, 73–75, 99, 107.
Munan, Penghulu Dalam, – 77, 91–93, 97, 100–102.

N

Nanang (anak Bayang) – 61, 70–71, 74, 76, 86, 101.
Nanga Pila – 104.
Nanga Sekrang – 56, 60, 69.
Nanga Spak – 74.
"Nemesis" (kapal) – 51–53.
Ngumbang (Berauh Langit) – 83–84, 87–88, 90–91, 93, 95, 101, 103.
Nicholetts – 65.
Nur Salam – 42.

O

Okong – 97.
Orang Bidayu – 3, 10–11, 17, 19–20, 67.
Orang Cina mula membuat penempatan di Sarawak – 2–3.
Orang Iban Balau – 33, 39, 58.
Orang Iban di Kadang – 88.
Orang Iban Saribas – 3, 8, 15, 24–27, 29–31, 50–53, 55–56, 58–60, 63, 71, 77, 93, 101.
Orang Iban Sekrang – 34–35, 39, 50–51, 58–60, 77, 86, 101.
Orang Iban Sungai Balleh – 103–104.
Orang Iban Sungai Gat – 104–105, 109–110.
Orang Iban Ulu Ai – 84–86, 110.
Orang Kaya Pemancha Dana – 26, 56, 61, 69, 70, 76, 86, 87.
Orang Kayan – 5, 6, 77–78, 87, 111, 114.
Orang Kedayan – 5, 6, 9.
Orang Kenyah – 5, 6.
Orang Liko – 5.
Orang Melanau – 5, 6, 9, 105.
Orang Melayu mula bermastautin di Sarawak – 7, 8.
Orang Murut – 97–98.
Oyong Hang – 78.

P

Padeh – 30, 69–70.
Paku – 31, 50, 55.
Panglima Raja – 15.
"Pati Nyawa" – 99.
Pemutus – 31, 32–33.
Pengeran Arshad – 51, 61–62.
Pengeran Badaruddin – 18, 22, 28, 32, 34, 36–37, 38–43.
Pengeran Hashim (menantu Pengeran Yusuf) – 40, 46.
Pengeran Mahkota – 10–11, 14, 18–20, 27–28, 31, 33, 35, 50.
Pengeran Matusin – 62–63.
Pengeran Matusin (Muhammad Husain) – 19, 22, 72, 75.
Pengeran Muda Hashim – 10–22, 26–30, 32, 36–38, 40–41, 43.
Pengeran Muhammad (di Brunei) – 42, 44, 45.
Pengeran Mukmin (di Brunei) – 44, 46, 48, 57. (Lihat: Sultan Mukmin).
Pengeran Nipa – 62, 71, 73–74.
Pengeran Temenggung Hashim Jali – 72.
Pengeran Yusuf – 12, 36–40.
Penghulu Dalam Minggat – 77, 91, 97.
Penghulu Tawi Sli – 119.
Perang Beting Marau – 52–53.
Perang di Paku – 55.
Perdamaian di Kanowit (1863) – 79.
Perdamaian di Kapit (1907) – 103.
Perdamaian di Kapit (1924) – 112.
Perdamaian di Simanggang (1920) – 110.
Perdamaian di Simanggang (1924) – 111.
Perlembagaan Sarawak – 115.
Pertempuran Bong Kap (1904) – 102, 108.
"Phlegethon" (kapal) – 32, 35–36, 43–44, 47.
Proto-Malays – 7.
Pulau Chermin (di Brunei) – 43.
Pulau Labuan – 36, 47–49, 73–74.
Putera Mahkota Inggeris – 111.

Q

Queen Victoria – 36, 37, 48, 49.

R

Raja Jarum (Lihat: Datuk Andi)
Ranee Margaret Alice – 80, 84, 107.
Rantai – 91.
Rees Williams – 117.
Rentap – 50, 57–61, 68–69, 71, 76–77.

Ricketts, C.F. – 98.
Rimbas – 31.
Ringkai (anak saudara Bunyau) – 87.
Robert Burns – 78.
Rodney Mundy, Kapten, – 43, 45–48.
"Royalist" (kapal) – 15, 17–18, 20, 33, 52.

S

Sadung – 14, 25, 31, 35, 72.
Sakalai – 72, 77–79.
"Samarang", H.M.S. (kapal perang) – 36.
Santubong – 2–3, 14, 66.
Sarawak menjadi Crown Colony – 117–118.
Sarawak masuk Malaysia – 118.
"Sarawak Rangers" – 100, 102, 104, 109.
Sarikei – 44, 50–51, 61–63, 68, 71–72, 73–74, 83.
"Sauh Besi" – 64.
Sawing – 72, 77–79.
Sekudis – 19.
Seniawan – 10, 18.
Sermat – 99.
Sibu – 77, 81–84, 92–93, 113, 118.
Simanggang – 80, 92–93, 95–97, 99–100, 110.
Singapura – 13–17, 29, 32, 37, 47, 75.
"Singa Raja" (kapal) – 51.
Stephen Kalong Ningkan, Datu, – 119.
Subang (anak angkat Layang) – 77.
Sukong – 95–96.
Sultan Abdul Mukmin (Brunei) – 57, 58, 63, 75.
Sultan Sambas – 11.
Sultan Umar Ali Saifuddin II (Brunei) – 10–12, 27, 36, 40, 48, 57, 58.
Sungai Delok – 90, 94–95, 100, 103.
Sungai Engkari – 101–102.
Sungai Gat – 104, 109–110.
Sungai Julau – 63, 92.
Sungai Kuching – 85.
Sungai Lang – 60–61.
Sungai Leboyan – 103.
Sungai Lemanak – 101, 110.
Sungai Mujong – 104.
Supreme Council – 115.
Surat Perjanjian serah Sarawak – 21–22.
Suruhanjaya British ke Sarawak – 117–118.
"Swift" (kapal) – 17, 19.
Sharif Ahmad bin Sharif Jaafar – 39.
Sharif Abu Bakar – 39.
Sharif Jaafar – 17, 25, 30–31, 33, 35.
Sharif Mashur – 51, 61–62, 68, 71–75, 77.
Sharif Matusin – 56.
Sharif Mular – 10, 25, 31, 33, 39.
Sharif Sahap – 9–10, 14, 25–26, 28, 31–33, 35.
Sharif Uthman – 12, 37–39.
Sylvia (isteri Vyner Brooke) – 108, 117.

T

Tabor (di Sungai Gat) – 104.
Tajau – 3, 7, 64, 93, 97, 110.
Talip (kawan Sawing dan Sakalai) – 78–79.
Tambung (anak Rentap) – 77.
Temenggung Koh – 112.
Temenggung Marsal – 22.
Tentera British di Sarawak – 116.
Tentera Jepun di Sarawak – 115.
Terusan – 6.
Thomas Cochrane, Rear-Admiral, – 37–39, 43–46, 48.
Tuan Besar (James Brooke Johnson) – 49, 58–60, 63, 71, 74, 79.
Tuan Muda (Charles Brooke) –

57–60, 63, 68, 70–71, 73–74, 77, 80–81.
Tugu patung Charles Brooke – 112.

U

Ucapan Vyner Brooke di Simanggang (1920) – 110–111.
Undang-undang James Brooke – 22–24.
Undup – 31, 33.
Unggang – 61.
Unjup (adik Balang) – 81, 85.

V

Valentyn (Orang Portugis) – 9.
Vyner Brooke, Charles (anak Charles Brooke), – 98, 99, 102, 105–115.

W

William Brereton – 50, 56–58, 60, 63, 77.
"Wolverin" (kapal) – 39.
Walter Watson (di Sarikei) – 74.
Wong Adai – 102.